

**Bil. 17**

**Isnin  
23 September 2013**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 17**

**Isnin**

**23 September 2013**

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MENDIANG  
PUAN TAN AH HENG, MANTAN AHLI PARLIMEN** (Halaman 32)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 33)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang undang-undang Akta Profesion Undang-undang  
(Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013 (Halaman 34)

**USUL-USUL:**

- Merentikan Kuat Kuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat  
Di Bawah P.M. 90(2) (Halaman 34)
- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3) (Halaman 119)

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

- Pemeliharaan dan Pemuliharaan Tapak Warisan Bersejarah  
Di Johor dan Melaka – *Tuan Er Teck Hwa (Bakri)* (Halaman 119)
- Pengiktirafan Ijazah Perubatan Crimea State Medical University  
– *Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)* (Halaman 122)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

**Isnin, 23 September 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Pengkal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2012) 2013;

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen pengkal yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“1 Ogos 2013

**Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,  
Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013;

Yang ikhlas,

t.t.

“YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Perdana Menteri menyatakan pencapaian program-program transformasi yang dilaksanakan kerajaan sehingga kini dan menjelaskan:

- (a) pihak atau kumpulan yang mendapat faedah mengikut urutan; dan
- (b) bagaimana usaha-usaha dilakukan bagi memastikan semua pihak memahami usaha baik ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**  
*Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat hasrat pelaksanaan Agenda Transformasi Nasional adalah bertujuan untuk meningkatkan gerakan usaha bersepadu bagi mencapai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan mengekalkan dan meningkatkan perpaduan rakyat, berteraskan enam program iaitu:

- (i) Program Transformasi Kerajaan;
- (ii) Program Transformasi Sosial;
- (iii) Program Transformasi Komuniti;
- (iv) Program Transformasi Politik;
- (v) Program Transformasi Digital; dan
- (vi) Program Transformasi Ekonomi.

Pelaksanaan Agenda Transformasi Nasional ini diperkukuhkan dengan tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). Sejak dilaksanakan mulai tahun 2009, pelbagai pencapaian telah diperolehi. Antara pencapaian utama yang dapat saya kongsi di bawah Agenda Transformasi Nasional ini adalah pewujudan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang memberi keselesaan dan kemudahan dalam berurusan dengan kerajaan dan swasta di bawah satu bumbung.

Peningkatan kecekapan jabatan kerajaan dengan melihat kemudahan memperoleh dokumen perjalanan passport dan kad pengenalan dalam tempoh yang singkat yang sesungguhnya memudahkan rakyat di samping berlakunya penjimatan

kerajaan dan penyediaan talian pusat panggilan 1Malaysia, *1Malaysia One Call Centre*, 03-80008000.

Manakala melalui Program Infrastruktur Luar Bandar, sehingga kini lebih 3,300 kilometer jalan raya telah dibina. Hampir 300,000 rumah dibekalkan air bersih dan hampir 10,000 isi rumah mendapat akses elektrik. Di mana melaluinya inisiatif ini telah menambah baik kesejahteraan hidup hampir empat juta penduduk luar bandar di seluruh negara. Berkaitan perumahan rakyat, sukacita dimaklumkan sehingga kini sebanyak 4,865 buah rumah mesra rakyat telah dibaik pulih dan dibina, manakala lebih daripada 35,000 unit rumah di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dijual kepada penyewa asal.

Dalam soal pengangkutan awam pula, penumpang bas Go-KL telah mencecah hampir 16,000 orang setiap hari. Pengenalalan tren enam gerabak oleh Komuter-KTM telah meningkat jumlah penumpang hampir 10,000 orang setiap hari dengan kapasiti rel yang sedia ada dengan lebih dua kali ganda daripada 450 orang kepada 1,100 orang penumpang. Dalam bidang pendidikan, enrolmen prasekolah meningkat kepada 71.5% kepada 80.5% iaitu melibatkan hampir 77,000 orang murid pada tahun 2012 di mana sebanyak 2,054 kelas prasekolah juga telah dibuka.

Penyediaan internet percuma di bawah Program Kampung Tanpa Wayar telah beroperasi untuk memberi akses secara percuma kepada 3,789 kampung-kampung di seluruh negara dan ia menyumbang kepada kadar penembusan jalur lebar negara kepada 66% bagi tahun 2012.

Terkini semasa pengumuman ETP *mid-year review* oleh Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jala pada 29 Ogos lalu, jumlah projek permulaan ataupun *entry point project* adalah sebanyak 153 buah projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM218.3 bilion sehingga tahun 2020. Daripada angka ini sebanyak RM25.4 bilion iaitu 86% daripada sasaran tersebut telah direalisasikan sehingga akhir 2012. Dengan penyediaan jumlah peluang pekerjaan baru sebanyak 434,268 sehingga akhir bulan Ogos tahun ini.

#### ■1010

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan percaya dengan pelaksanaan agenda transformasi nasional ini, rakyat juga dapat menikmati banyak manfaat sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui kesan limpahan, *spillover effect*. Antaranya kecekapan perkhidmatan awam dipertingkatkan dengan penyediaan akses yang lebih mudah, mencipta peluang pekerjaan yang lebih banyak melalui peluang-peluang perniagaan kepada usahawan serta projek-projek komersial melalui persekitaran yang kondusif,

merancang pelaburan yang akhirnya merencanakan pelaburan swasta yang menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, kerajaan juga amat menyedari bahawa agenda transformasi nasional ini tidak akan berjaya tanpa sokongan daripada semua pihak termasuk di kalangan pemimpin masyarakat, pihak swasta, NGO dan rakyat jelata.

Justeru, pemahaman kepada agenda transformasi nasional ini sentiasa digerakkan melalui beberapa inisiatif seperti hari terbuka di bandar besar dengan mengadakan pameran secara besar-besaran ataupun perbincangan secara berkelompok di peringkat negeri seluruh negara, sesi taklimat perkembangan ETP dua kali setahun, *town hall* ataupun sesi perjumpaan, pengiklanan dalam media cetak dan elektronik, rancangan di radio, pengeluaran video, buku dan risalah serta penggunaan media sosial seperti *Twitter* dan *Facebook*. Usaha ini akan dilakukan secara berterusan bagi memastikan semua pihak memahami program-program transformasi yang baik ini. Secara kesimpulannya, agenda transformasi nasional adalah komitmen kerajaan dalam mengenakan penarafan, dalam pencapaian sasaran kerja yang boleh diukur dan dinilai oleh rakyat. Kita percaya hasil daripada agenda transformasi nasional ini, ekonomi negara makin berkembang dan rakyat daripada setiap lapisan masyarakat bakal menikmati taraf dan kualiti hidup yang lebih baik.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu baik tadi. Malaysia semakin hampir menuju negara maju tahun 2020. Untuk ke arah itu kita tidak banyak masa lagi kerana kita juga sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran yang cukup besar dan hebat. Saya percaya program transformasi yang dibuat ini adalah jawapan kepada semua persoalan itu dan ia tidak banyak dibuat oleh negara lain. Selain kejayaan yang digaris dan disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, tentu ada pengiktirafan yang diperolehi oleh negara sama ada dalam negara atau oleh badan-badan antarabangsa kerana tidak ada negara lain yang mengemukakan formula yang cukup baik oleh negara pada ketika ini. Saya harap kalau Menteri dapat melaporkan dalam Dewan ini, apakah pengiktirafan yang diperolehi dalam kita menjayakan agenda besar ini. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lenggong. Untuk kita kata banyak pengiktirafan ini macam nanti orang kata masuk bakul angkat sendiri. Akan tetapi saya rasa boleh saya kongsi, antaranya Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Idris Jala mendapat jemputan daripada beberapa negara, yang kalau boleh saya sebut seperti negara Tanzania, Pakistan. Malahan, Tanzania saya difahamkan

menggunakan model yang sedang kita laksanakan ini sehingga sedang melaksanakannya pun.

Ini pada saya merupakan satu indikator pengiktirafan, kalau boleh menjawab soalan Yang Berhormat Lenggong, kerana kalau tidak baik, saya percaya tidak ada orang yang ingin mengikutinya. Malahan kita juga menerima bukan pelawaan tetapi lawatan termasuk daripada Sultan Brunei dan beberapa orang presiden untuk melihat sejauh mana perkembangan transformasi yang sedang dijalankan oleh kerajaan ini dapat memberi faedah kepada rakyat bagi dikembangkan kepada tahap di tempat-tempat lain. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Bukankah agenda transformasi nasional sudah gagal dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini mengenai agenda memperkasakan ekonomi bumiputera. Oleh kerana yang pertama, ia menentang Model Ekonomi Baru yang menjanjikan transformasi program afirmatif berasaskan keperluan dan merit untuk meningkatkan mutu kehidupan golongan yang berpendapatan pada tahap 40% yang terendah tanpa mengira latar belakang dan kaum. Kedua, bahawa Dasar Ekonomi Baru boleh menguntungkan segelintir orang 'UMNO putera', sedangkan bahawa sebahagian besar kaum bumiputera masih kekal dalam golongan 40% rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah.

Ketiga, bahawa berkenaan dengan 1Malaysia. Sudah empat tahun agenda transformasi nasional dijalankan tetapi [*Dewan riuh*] selain daripada seorang menteri, adakah orang menteri-menteri yang lain rela kata mereka *Malaysian first and Malay second*? Adakah? Tidak. Bukankah ini menunjukkan bahawa kegagalan agenda transformasi nasional?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kita nak cepat sampai tetapi yang jadi lambat macam inilah, bukan setakat dia kata gagal. Tak salah kalau saya kata dia nak tengok perkara ini gagal. Nak tengok perkara ini gagal supaya agenda dia yang lebih mendapat tempat. Ini bukan soal politik. Soal kemiskinan semua kita tengok tetapi kalau kita tengok statistik 68% rakyat negara ini adalah Melayu bumiputera yang hanya memiliki ekuiti hanya sekitar 24%, sudah tentu untuk kita menentukan satu perkara yang sangat stabil, jumlah ini perlu kita angkat. Kita juga ada sasaran 30% pemilikan ekuiti bumiputera yang belum dicapai. Kerajaan menggariskan untuk capai itu melalui apa yang baru diumumkan pada 14 September, Majlis Ekonomi Bumiputera.

Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, semua ini kena dilihat baru kita boleh jadi sebuah negara yang memberikan keadilan kepada semua. Saya percaya tidak akan

ada yang tercicir tetapi kalau agenda ini tak dibuat, maka kerajaan gagal untuk menjayakan transformasi yang baru saya bacakan dengan panjang lebar tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi boleh Tuan Yang di-Pertua?

**2. Tuan Lim Guan Eng [Bagan]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan status jenayah, khususnya kes tembakan, mengapa bilangan polis yang terlibat dalam siasatan jenayah tidak ditambah kepada 50% anggota PDRM supaya dapat serta-merta membendung jenayah dan bilakah kekurangan anggota polis dapat diatasi seperti di Pulau Pinang yang mempunyai 5,700 anggota polis tetapi masih kurang 600 orang.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, salam kurang bersih. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sahabat saya dan Dewan yang mulia ini, status jenayah di negara secara keseluruhannya masih lagi terkawal dan tidak membimbangkan. Walaupun gambaran yang diberikan oleh sesetengah pihak, terutama belah sana, berhubung kedudukan kes jenayah begitu meruncing ketika ini dan mendakwa bahawa bandar-bandar utama di Malaysia adalah tidak selamat. Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak menafikan sejak kebelakangan ini kejadian jenayah terutamanya kes yang melibatkan tembakan senjata api oleh ahli kumpulan kongsi gelap sering dilaporkan oleh media. KDN, khususnya pihak PDRM, tidak mengambil sikap berdiam diri bagi mengekang jenayah ini. Pihak polis telah melancarkan OPS Cantas Khas untuk menggempur kegiatan kongsi gelap dan kegiatan gengsterisme. Usaha ini adalah untuk membanteras kegiatan jenayah kekerasan yang dilakukan oleh ahli-ahli kongsi gelap dan tab gang atau samseng seperti kes tembak yang mengakibatkan kematian, cuba membunuh, mendatangkan kecederaan, pemerasan dan ugutan. Sejak operasi ini dilaksanakan pada 17 Ogos yang lalu sehingga kini, seramai 7,200 individu yang disyaki terlibat dalam kegiatan kongsi gelap dan tab gang telah ditangkap. Kesan daripada operasi ini telah menunjukkan penurunan ketara terutamanya kes bunuh.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat mengenai kekurangan seramai 600 jawatan anggota polis di Pulau Pinang adalah tidak tepat. Dari segi perjawatan di kontinjen Pulau Pinang, jumlah perjawatan keseluruhan pegawai beruniform adalah seramai 5,650 perjawatan dan daripada jumlah tersebut 5,619 perjawatan telah diisi dan kekosongan hanyalah sebanyak 31 perjawatan, bukan 600. Dalam proses pengisian



kesan daripada pertukaran dan *attritions* ini, kita akan lakukan sesuatu dengan langkah-langkah yang akan saya sebutkan.

■1020

Cadangan Yang Berhormat untuk menambah bilangan anggota di Jabatan Siasatan Jenayah kepada 50% daripada anggota PDRM untuk membendung jenayah adalah tidak praktikal dilaksanakan memandangkan tugas pencegahan jenayah diletakkan di bawah bidang kuasa anggota Tugas Am iaitu di Jabatan Pengurusan yang mana Ketua Polis Negeri dan Ketua Polis Daerah adalah berada dalam kategori ini. Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) dan Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah (JPPJ).

JSJ hanya menjalankan tugas untuk menyiasat kes jenayah dan penguatkuasaan terhadap kes yang berunsur jenayah. Jumlah keanggotaan di JSJ sesuatu negeri atau daerah akan ditambah apabila kertas siasatan pegawai penyiasat atau penolong pegawai penyiasat telah meningkat begitu ketara dan membebankan pegawai berkenaan. Pada dasarnya kerajaan telah meluluskan sebanyak 4,000 perjawatan baru mulai tahun lalu dan sehingga tahun 2015...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Bagi memperkasakan lagi perkhidmatan polis kepada masyarakat. Pertambahan jawatan ini tidak termasuk kekosongan yang disebabkan persaraan, berhenti kerja dan dibuang kerja. Dengan adanya pertambahan ini dapat mengisi *insya-Allah*, masalah kekurangan anggota termasuk di Kontinjen Pulau Pinang.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tadi bahawa keadaan jenayah terkawal kerana kita boleh lihat bukan sahaja ahli keluarga Menteri jadi mangsa, keluarga Diraja pun menjadi mangsa. Dalam aspek ini, bolehkah kita melihat daripada tiga bahagian. Satu ialah untuk mencegah jenayah dalam aspek keanggotaan atau apa yang selalu disebut *police omnipresent*. Di sini kita tidak melihat macam mana *police omnipresent* boleh tercapai kalau kita tidak menambah anggota polis untuk fokus hanya kepada pencegahan jenayah.

Kedua ialah proses. Proses yang diamalkan saya rasa harus dirombak supaya lebih proaktif. Di antara langkah-langkah yang harus diambil ialah menubuhkan IPCMC supaya kita pastikan hanya anggota polis yang profesional dikekalkan dan bukan mereka

yang terlibat dalam sebarang salah laku atau penyalahgunaan kuasa. Sungguhpun ia telah dicadangkan oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja tetapi IPCMC masih belum didirikan.

Ketiga ialah teknologi. Ini kerana di sini saya tidak melihat komitmen oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk menambahkan CCTV ataupun tiang lampu. Itu secara asas kerana kalau ini dapat dilakukan bersama dengan kepolisan masyarakat, saya rasa ia dapat mengatasi masalah jenayah Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan sahabat saya itu memang boleh diambil kira tetapi saya ingin memperlihatkan keberkesanan yang telah berlaku sejak beberapa tindakan dilakukan bagi pengurangan jenayah. Saya mengambil contoh umpamanya, jenayah kekerasan di Pulau Pinang menurun pada 66.7%, samun tanpa senjata api menurun 35.7% dan curi ragut menurun kepada 56.3% di Pulau Pinang. Akan tetapi jenayah harta benda, curi van, lori dan jentera berat meningkat kepada 150% di Pulau Pinang. Saya tidak menuduh Yang Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang tidak menjalankan tugas tetapi boleh bekerjasama dengan kami dan kami adalah *colour blind*. Kami buta warna. Soal jenayah bukan soal kerajaan sahaja tetapi soal rakan-rakan di sana. Mari kita sama-sama membanteras jenayah di seluruh negara... [Tepuk]

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Soalan yang kedua mengenai *omnipresent*. Kita telah mengambil beberapa langkah proaktif terutamanya apabila sahabat saya Menteri Pertahanan ketika menjadi Menteri Dalam Negeri dahulu, beliau telah menginisiatifkan arahan Perdana Menteri untuk mengadakan Unit Ronda Bermotosikal (URB). Tahun lalu ada 1,000 motosikal yang telah dibeli dan ada tambahan 1,000 lagi tahun ini. *Insyah-Allah*, sehingga proses ini berjaya sepenuhnya, kita akan ada 5,000 Unit Ronda Bermotosikal.

Mengenai proses untuk dirombak Tuan Yang di-Pertua, saya fikir IPCMC bukanlah jawapannya yang muktamad. Kita mempunyai beberapa langkah terutamanya Kabinet telah memutuskan supaya sebuah badan penyiasatan dalaman PDRM sedang dilakukan yang bukan melibatkan pegawai-pegawai dalaman PDRM tetapi melibatkan ahli-ahli profesional daripada luar termasuk para peguam untuk menganggotai badan ini.

Saya bersetuju mengenai teknologi, walaupun ada komitmen daripada pihak kerajaan tetapi kami yakin bahawa soal CCTV dan tiang lampu bukan hanya komitmen daripada Kerajaan Persekutuan. Saya mohon kerajaan-kerajaan negeri terutama kerajaan yang tidak berada di bawah Barisan Nasional, Pulau Pinang, Kelantan dan Selangor

sama-sama membeli CCTV terutama yang *High Definitions* (HD) dan juga tiang-tiang lampu yang boleh memperlihatkan *images* wajah untuk menjadi bahan bukti apabila kes-kes ini dibawa ke mahkamah. Saya yakin Pulau Pinang akan memulakan langkah ini lebih awal.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita memang memuji pihak polis terutama sekali Menteri yang baru kerana kita nampak di seluruh negara, orang-orang saya puji, orang-orang saya yang tidak baca *newspaper* tengok televisyen pun puji bahawa inilah Menteri... *[Disampuk]* yang boleh menjaga... *[Dewan riuh]* Ini betul, ini betul sebab geng-geng gelap yang di mana di seluruh, termasuk di Sabah, dipanggil 'Otai'. Termasuk 'Otai'.

**Seorang Ahli:** Apa itu 'Otai'?

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** 'Orang Tawau asal Indonesia'... *[Ketawa]* Itu kongsi gelap juga. Jadi, kita berterima kasih kepada Menteri.

Akan tetapi persoalan sekarang ini, memang anggota polis tidak cukup di Sabah kerana Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bangkitkan ini beberapa kali dalam Dewan. Kita ada anggota polis, tidak cukup, kelengkapan tidak ada, bot laju tidak ada, kereta-kereta pacuan empat roda tidak ada. Ada pun satu atau dua. Jadi, bagaimana kita membanteras jenayah? Kita termasuk Sabah, termasuk Kinabatangan sebab dia tidak dapat soalan, mintalah. Bila masanya Menteri baru ini melengkapkan ini, sekurang-kurangnya tahun ini ada nampak tindakan-tindakan untuk tidak boleh menambah sekurang-kurangnya jentera-jentera yang kita boleh banggakan daripada Kementerian Dalam Negeri. Bila? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kalabakan. Saya harap tidak disalahertikan oleh rakan-rakan di sana. Apa yang dilakukan oleh...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Takut Yang Berhormat Sembrong salah faham nanti. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Apa yang dilakukan oleh KDN berdasarkan undang-undang yang sedia ada, berdasarkan SOP dengan izin, yang sedia ada dan tentunya berdasarkan kepada sokongan daripada sahabat-sahabat yang di sebelah sini dan di sebelah sana.

Walau bagaimanapun, 'Otai', 'Orang Tawau asal Indonesia', saya ingin menyebutkan bahawa di dalam *Prevention of Crime Act 1959 (PCA)*, Sabah dan Sarawak tidak termasuk. Itu permasalahannya kerana Sabah dan Sarawak hanya merdeka dalam Malaysia pada tahun 1963. Itulah sebabnya saya mohon sokongan daripada sana juga bahawa apabila PCA 1959 dengan izin, dibawa ke Dewan ini, saya harap sokonglah saya... [*Tepuk*] supaya banyak langkah pencegahan dan juga langkah-langkah untuk pembanterasannya jenayah ini dapat dilakukan.

Saya bersetuju kepada Yang Berhormat Kalabakan, memang keanggotaan polis pada keseluruhannya tidak cukup. Kalau kita hendak menggunakan penanda aras atau *benchmarking* dengan *New York Police Department* umpamanya, seorang anggota polis di New York menjaga 35 penduduk berbanding dengan seorang anggota polis kita menjaga 250 penduduk. Tentu langkah-langkah ini perlukan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

#### ■1030

Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil langkah proaktif dengan membuat penambahan kepada 5,000 perjawatan setiap tahun hingga mencukupi. Ini adalah merupakan satu langkah yang harus mendapat sokongan daripada semua. Saya juga ingin memaklumkan bahawa dua skuad khas telah mendapat kelulusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari segi perjawatannya iaitu 200 anggota di dalam skuad yang dipanggil sebagai Charlie dan 200 skuad dipanggil sebagai Delta di mana anggota skuad khas ini akan turun terus daripada Bukit Aman untuk ke kumpulan sasaran bagi pembanterasannya jenayah.

Ini memperlihatkan keseriusan pembanterasannya jenayah yang dilakukan oleh PDRM, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini perlu dipandang serius kerana laporan media mengatakan kita belum lagi dapat mengatasi masalah jenayah. Apa yang penting bukan sahaja undang-undang dan polis tetapi kehebatan undang-undang dan kehebatan polis. Sangat malang kita sampai ke peringkat Ketua Polis Negara diugut, Ketua Polis Negeri diugut menandakan perlunya satu tindakan mendidik masyarakat supaya polis dipandang hebat dan undang-undang juga digeruni. Pada zaman Islam perkasa dahulu, jarang-jarang dijatuhkan hukuman kerana undang-undang yang menggerunkan. Hendak jatuh hukuman payah, tetapi undang-undang ini gerun. Ini perlu dikaji.

Kedua, kita melihat di Turki sebagai contoh. Polis-polisnya banyak yang tidak bawa pistol, bawa kayu sahaja. Akan tetapi, dihormati dan digeruni. Mengapa jadi begitu? Ini perlu kita kaji. Di sana perlu dilihat juga peranan pihak lain, pihak media, drama, filem-filem yang menggambarkan kisah-kisah jenayah antaranya memperlekehkan polis dan memperlihatkan bagaimana hendak buat jenayah. Ini juga perlu dilihat dengan cara yang menyeluruh. Oleh kerana itu, kerajaan perlu dan sejauh mana kerajaan mengkaji semula kelemahan-kelemahan yang berlaku ini supaya kita benar-benar dapat mengatasi masalah jenayah dengan penuh tanggungjawab dan amanah. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita berbeza parti politik, saya amat bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Marang itu dan itulah sebabnya saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini, PCA 1959 akan saya bentangkan di Dewan yang mulia ini.

Akan tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, bahawa apabila dan sejak Emergency Ordinance dan *Restricted Residents Act* (RRA) dihapuskan, seramai 9,095 penjenayah yang ditahan dan yang sedang disiasat telah dilepaskan. Mereka ini berasimilasi dengan masyarakat. Mereka inilah yang telah memperlekehkan pihak polis sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Marang tadi. Saya berharap apabila PCA yang akan dipinda nanti mendapat sokongan daripada semua. Saya fikir undang-undang PCA yang digeruni inilah yang akan dapat mengimplementasikan soal pencegahan [*Tepuk*] dan juga penghapusan jenayah, *insya-Allah*.

Memang contoh di Turki contoh yang terbaik. Yang Berhormat Marang sering pergi ke Turki, mungkin cuba untuk mendapatkan sokongan, [*Ketawa*] tetapi saya fikir contoh yang baik di Turki itu harus diikuti dan *insya-Allah* mana-mana yang baik daripada negara mana pun di dunia kita akan ikuti. Saya fikir, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Marang bahawa usaha-usaha pendidikan, mendidik masyarakat dengan menggunakan slogan baru "*memasyarakatkan polis dan mempoliskan masyarakat*" harus diterjemahkan oleh semua anggota masyarakat.

**3. Tuan Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa berlaku kenaikan harga minyak. Apakah bentuk tindakan bagi meringankan beban golongan yang berpendapatan rendah.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Kangar bersama-

sama dengan soalan Yang Berhormat Alor Setar, Yang Berhormat Jelebu yang dijadualkan pada hari ini, Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Kinabatangan pada 24 September, Yang Berhormat Taiping pada 25 September serta Yang Berhormat Kota Tinggi pada 1 Oktober. Ini memandangkan kelapan-lapan soalan adalah berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, rasionalisasi subsidi merupakan salah satu langkah yang wajar bagi memastikan perbelanjaan kerajaan yang lebih berkhidmat dan produktif. Tujuan sebenar kerajaan memberi subsidi bahan api adalah untuk mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Sebaliknya, struktur subsidi yang sedia ada sekarang adalah lebih banyak dinikmati oleh golongan berpendapatan tinggi yang berkemampuan serta warga asing.

Mereka menggunakan kenderaan berkuasa tinggi berbanding dengan golongan sasaran yang hanya menggunakan kereta berkuasa kecil dan motosikal. Sehubungan itu, kaedah pemberian subsidi di Malaysia perlu distruktur semula agar pemberian subsidi lebih fokus dan menepati kumpulan sasaran. Subsidi bersasaran, bukan subsidi tersasaran.

Subsidi bahan api hanya diberikan kepada pengguna kenderaan persendirian dan isi rumah serta sektor tertentu seperti sektor pertanian dan pengangkutan awam termasuk bot penumpang. Walau bagaimanapun, berlaku penyelewengan penjualan bahan api bersubsidi kepada sektor perindustrian. Ini menguntungkan pihak yang tidak sepatutnya menikmati subsidi berkenaan. Harga runcit produk petroleum dalam negeri yang lebih rendah berbanding harga runcit di negara jiran turut menggalakkan kegiatan penyeludupan ke luar negara. Ini bererti rakyat asing menikmati subsidi tersebut. Dengan kata lain, wang rakyat Malaysia digunakan untuk faedah rakyat negara jiran dan para penyeludup.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan telah menangguhkan hingga 3 September lalu pelaksanaan pengurangan subsidi bagi memastikan kesan yang minimum dan tidak membebankan rakyat terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Pertimbangan juga dibuat berdasarkan kedudukan ekonomi global yang sederhana. Kebanyakan negara telah mengambil langkah-langkah drastik untuk mengurangkan defisit fiskal mereka. Namun, Malaysia mengambil pendekatan secara berperingkat bagi memastikan pertumbuhan ekonomi tidak terjejas. Sebagai langkah pertama, subsidi bagi RON 95 dan diesel dikurangkan sebanyak 20 sen seliter.

Langkah pengurangan subsidi bahan api tersebut adalah sesuai pada masanya pada kadar berpatutan bagi memastikan kesan pada kos sara hidup rakyat adalah

minimum. Kadar inflasi seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna yang rendah pada masa kini. Purata Januari hingga Ogos 2013 hanya 1.7% juga memberi ruang kepada kerajaan untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi.

Tuan Yang di-Pertua, subsidi bahan api merupakan komponen terbesar subsidi kerajaan. Bagi tahun 2012, sejumlah RM24.7 ribu juta dibelanjakan bagi menampung subsidi bahan api. Jumlah ini mencakupi 12% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus kerajaan. Bagi tahun 2013, sejumlah RM24.8 ribu juta diperuntukkan bagi menampung subsidi bahan api yang mewakili 11.5% daripada perbelanjaan mengurus. Untuk perbandingan, jumlah subsidi bahan api pada tahun 2009 hanyalah sebanyak RM6.2 ribu juta atau 3.9% daripada perbelanjaan mengurus.

Peningkatan perbelanjaan subsidi bahan api kerajaan adalah berikutan harga minyak mentah dunia yang meningkat. Harga minyak mentah Brent di pasaran dunia pada tahun 2012 adalah USD112 setong berbanding USD62 setong pada tahun 2009. Pada 6 September 2013, harga minyak mentah Brent mencecah USD115.63 setong.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan bebanan golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas berikutan rasionalisasi subsidi bahan api, kerajaan akan meningkatkan pemberian BR1M dalam Bajet 2014. Pada masa hadapan, satu jaringan keselamatan sosial yang lebih komprehensif akan diperkenalkan. Unit Perancang Ekonomi telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui kajian bagi mewujudkan satu sistem jaringan keselamatan sosial yang lebih menyeluruh.

Selain itu, kerajaan akan terus memberi subsidi bagi barangan keperluan asas seperti subsidi harga beras RM528 juta, subsidi minyak masak RM1.5 bilion, subsidi kadar elektrik bagi penggunaan RM20 ke bawah – RM150 juta serta insentif hasil tangkapan nelayan RM231 juta dan insentif pengeluaran padi RM563 juta.

#### ■1040

Semua angka itu ialah untuk tahun 2013. Bantuan lain yang diterima secara terus oleh rakyat adalah bantuan persekolahan seperti bantuan makanan dan pinjaman buku teks, bantuan kepada Orang Asli serta subsidi pengangkutan udara di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Bagi tahun 2013, sebanyak RM46.6 ribu juta atau 20% perbelanjaan mengurus kerajaan diperuntukkan untuk subsidi, insentif dan bantuan kepada rakyat.

Di samping subsidi dan bantuan terus, kerajaan juga memberi bantuan dalam bentuk perkhidmatan sosial dengan harga bayaran minimum atau percuma. Antara contohnya, rawatan perubatan di klinik dan hospital kerajaan. Pendidikan di sekolah

rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi awam serta biasiswa dan pinjaman pelajaran. Program Rasionalisasi Subsidi akan membolehkan lebih banyak lagi dana disediakan untuk perkhidmatan pendidikan, kesihatan, pembangunan masyarakat serta menambah baik sistem pengangkutan awam seterusnya meningkatkan pendapatan negara dan menjamin kesejahteraan rakyat. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan iaitu selain daripada mempertingkatkan kepada Bantuan Rakyat 1Malaysia, apakah lagi langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dan kerajaan ke arah untuk mempertingkatkan pendapatan orang-orang kampung di luar bandar? Hakikatnya walaupun mungkin tidak menyeluruh, tetapi kenaikan 20 sen dan 10 sen itu merupakan beban kepada orang kampung. Apakah sebenarnya punca-punca penyeludupan minyak diesel dan petrol ini berlaku? Mengapa tidak ada kawalan secara menyeluruh?

Di mana silapnya kerajaan dan kementerian yang mengendalikan pengurusan pengawasan ini? Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa tidak ada penyeludupan dan ini bermakna diesel subsidi itu boleh dimanfaatkan oleh rakyat negara ini sendiri tanpa perlu ke luar negara untuk diseludup. Apa langkah-langkah yang diambil oleh kementerian? Kalau tidak ada, kenapa? Kenapa tidak ada langkah-langkah yang diambil oleh kementerian sehingga pada hari ini sehingga mengakibatkan petrol, diesel kita diseludup di luar negara. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Ada dua persoalan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Pertama ialah bagaimana kerajaan meningkatkan pendapatan rakyat di luar bandar khususnya. Baru-baru ini dalam pemerksaan ekonomi bumiputera, misalnya kerajaan telah mengumumkan RM300 juta bantuan tambahan untuk Amanah Ikhtiar Malaysia yang pada saat dan ketika ini telah melatih hampir 300,000 usahawan daripada luar bandar. Kemudian telah juga diumumkan tambahan RM700 juta untuk TEKUN (Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga) yang juga untuk memberikan pinjaman-pinjaman kepada peniagaan-perniagaan kecil bagi meningkatkan pendapatan rakyat khususnya di luar bandar.

Mengenai tentang penyeludupan. Kajian kita kemungkinan hampir 10% daripada RM24.8 ribu juta itu diseludup. Dengan lain perkataan, RM2.48 ribu juta diseludup. Jumlah subsidi kita ini RM24.8 ribu juta bahagi 12, RM2 ribu juta sebulan. RM2 ribu juta sebulan wang rakyat terbakar hangus. Masuk dalam kereta, tekan enjin keluar asap, RM2



ribu juta sebulan wang jadi asap. Satu lagi mengikut kajian IMF, 80% daripada nikmat subsidi ini dinikmati oleh mereka yang berpendapatan 40% tertinggi dalam satu-satu masyarakat. Dengan lain perkataan, kita memberikan subsidi kepada orang kaya.

Mengenai penyeludupan Tuan Yang di-Pertua, itu kerja KPDNKK. Namun, Kementerian Kewangan sedang menyelaraskan supaya kerja-kerja itu diselaraskan bersama dengan APMM (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia) dengan PDRM dan kemungkinan juga dalam usaha *Blue Ocean Strategy*, kita juga mungkin menggunakan agensi-agensi yang lain supaya perkara ini dapat kita atasi dengan sebaiknya. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya dapat juga walaupun tidak dapat sewaktu Yang Berhormat Bagan Datok tadi, tetapi beliau jawab elok. Tuan Yang di-Pertua, memang beliau jawab tertib hari ini kerana beliau hendak jaga prestasi beliau. Kalau tidak nanti, beliau kalah dengan anak Kedah. *[Ketawa]* Takut beliau kalah dengan anak Kedah. Orang saya itu.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri yang telah pun menjelaskan soalan yang ketiga ini. Cuma saya hendak tanya bahawa kerajaan selalu menyebut bahawa kenaikan harga minyak 20 sen itu hanya memberikan kesan kepada kenaikan harga barang tidak sampai dalam 0.01%. Lebih kurang begitulah. Akan tetapi kalau kita lihat daripada beberapa kajian yang dibuat oleh beberapa pihak, menunjukkan bahawa kenaikan harga barang ini setahun sampai 8.5%. Ada kajian yang dibuat, sedangkan pendapatan rakyat ini tidak bertambah seperti itu. Hanya dalam 2.5% sahaja.

Contoh saya hendak katakan bahawa bagaimana dakwaan kerajaan mengatakan kenaikan harga barang itu hanya 0.01% atau pun 0.012%. Contohnya tambang bas ekspres. Dahulu sebelum Ramadhan, Alor Setar ke Kuala Lumpur RM39. Kemudian menjelang hari raya, kerajaan membenarkan untuk syarikat bas ini mengenakan surcaj sebanyak 10%. Saya tidak naik bas lama, dua malam sudah saya naik bas dari Alor Setar ke Kuala Lumpur, tiba-tiba RM44. Saya tanya kenapa RM44? Saya kata dahulu RM39, dia kata yang ini ialah ekoran daripada surcaj yang dikenakan yang diberikan keizinan oleh kerajaan kepada syarikat bas ini untuk menjelang hari raya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu bas dua tingkat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedangkan saya sudah sebut bahawa surcaj itu sepatutnya tempoh dia untuk selepas hari raya pada 9 September atau pun 11 September, habis tempoh itu. Maksudnya syarikat bas perlu turun balik kepada harga asal iaitu Alor Setar-Kuala Lumpur RM39. Akan tetapi apabila kenaikan harga

minyak 20 sen, kerajaan dikatakan memberikan keizinan untuk syarikat-syarikat bas ini mengekalkan surcaj sebanyak 10%. Harga minyak naik 20 sen, tambang bas naik RM5, Alor Setar-Kuala Lumpur. Kalau Alor Setar-JB RM7. Dahulu RM70, sekarang RM77.

Jadi saya hendak katakan bahawa sepatutnya bagi saya bahawa dalam isu pengangkutan bas ekspres ini dan juga bas-bas yang lain, kerajaan sepatutnya memberikan lebih banyak subsidi harga minyak kepada syarikat-syarikat ini supaya mengelak daripada kenaikan tambang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Soalan, soalan, soalan. Mana soalan Yang Berhormat Pokok sena?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Mengurang atau pun menghapuskan cukai-cukai import yang berkaitan dengan *spare part* umpamanya untuk mengurangkan kos operasi mereka dan mengelak daripada tambang dinaikkan. Ini tidak akan membebankan rakyat. Akan tetapi bagi saya bahawa ini suatu yang membebankan rakyat bila dengan kenaikan yang berlaku. Harga minyak naik 20 sen, tambang bas naik 10%, RM5. Bukan 0.012% Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sudah? Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Sebenarnya kerajaan tidak menaikkan harga minyak. [*Ahli-ahli Dewan ketawa*] Harga minyak ditentukan oleh pasaran dunia. Kerajaan cuma mengurangkan subsidi. Ia lain, mana sama. [*Dewan riuh*] Daripada RM1 subsidi untuk diesel, kita kurangkan 80 sen. Daripada 83 sen subsidi untuk RON95, kita kurangkan kepada 63 sen. Masih lagi 63 sen subsidi untuk RON95, masih lagi 80 sen subsidi untuk diesel untuk satu liter. Itu fakta dan hakikat yang sebenar. Harga minyak ditentukan oleh turun naik harga minyak pasaran dunia.

Tentang harga yang naik RM44, RM39-RM44 surcaj SPAD, saya kira SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) tidak pernah membuat kenyataan-kenyataan bahawa mereka bersetuju tentang sebarang kenaikan tambang bas. Saya akan bincangkan dengan SPAD tentang perkara ini. Terima kasih.

#### ■1050

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akan tetapi akal kami ini tidaklah sependek Yang Berhormat, minta maaf. [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

[*Soalan No. 4 – Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abd. Khalid bin Ibrahim (Bandar Tun Razak) tidak hadir*]

5. **Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pekerja berstatus kontrak dan status sementara di sektor awam pada masa ini. Apakah perancangan kerajaan dalam memastikan kebajikan pekerja berstatus kontrak ini terjaga dan penyerapan kumpulan ini ke status tetap.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan lisan Yang Berhormat Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, Yang Berhormat Kuala Kangsar bersekali dengan pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Datuk Jumat bin Haji Idris, Yang Berhormat Sepanggar bertarikh 24 September 2013.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2013, jumlah pegawai di pelbagai jabatan kerajaan berstatus kontrak adalah seramai 49,816 orang iaitu 49,418 orang merupakan warganegara dan 398 orang adalah bukan warganegara termasuk Bangladesh. Bagi menjaga kebajikan pegawai kontrak, mereka diberi gaji dan juga elaun bersamaan dengan pegawai tetap dan juga kemudahan-kemudahan tertentu. Selain itu, sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan juga telah bersetuju melanjutkan perkhidmatan pegawai kontrak yang tamat perkhidmatan pada atau sebelum 31 Disember 2013 sehingga 31 Disember 2014. Kerajaan tidak menetapkan apa-apa komitmen untuk melantik pegawai lantikan kontrak secara tetap kerana pelantikan dibuat untuk tempoh tertentu sahaja yang telah dipersetujui oleh pegawai dalam perjanjian kontrak yang telah ditandatangani. Terima kasih.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih di atas jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa kerjaya dan masa depan kumpulan ini tidak menentu, ibarat bergantung tidak bertali. Jadi kita mahu sistem kerjaya dan juga perancangan kehidupan mereka ini dapat diselaraskan. Jadi soalan tambahan saya adalah apakah bentuk-bentuk jaminan jangka masa panjang untuk kumpulan ini sama ada melalui satu mekanisme yang khusus untuk menilai prestasi dan juga hal ehwal kerjaya mereka supaya mereka dapat melaksanakan ataupun menyelaraskan kehidupan bersama dengan sistem kerjaya yang mereka lalui ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, pegawai kontrak ini dia dapat sama seperti pegawai-pegawai tetap termasuk perubatan, cuti rehat, cuti bersalin dan juga cuti haji. Selepas tiga tahun dia berkhidmat, dia boleh dapat cuti haji. Mereka juga didedahkan kepada program-program *coaching* dan juga *mentoring* yang disediakan

oleh ketua jabatan untuk membolehkan mereka, apabila ada pekerjaan tetap ataupun yang telah diiklankan, bila mereka hadir, mereka mudah untuk ditemu duga dan sebagainya. Kalau sekiranya mereka dihentikan, mereka telah cukup kontrak, mereka akan dapat pampasan sebanyak satu bulan gaji tetapi kalau sekiranya ketua jabatan tersilap hantar notis, katakan tidak sampai 30 hari notis, ia akan diganti dengan sebulan gaji lagi. Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat daripada kerangka besar iaitu amalan yang dibawa ataupun yang dibuat oleh kerajaan daripada awal berterusan sampai ke hari ini. Malah kalau kita lihat di Parlimen pun ada pekerja kontrak, pegawai kontrak. Begitu juga dengan pejabat-pejabat daerah dan juga kawasan-kawasan yang berkisar kepada pentadbiran pusat atau negeri. Persoalan saya ialah, tidakkah ada satu kerangka untuk menjamin, kalau dikatakan ia tidak diperlukan Tuan Yang di-Pertua, enam bulan sudah peringkat tempoh yang begitu membebaskan. Ini sampai lima tahun, enam tahun, mereka masih kontrak dan amat malang berbelas tahun pun ada kontrak Yang Berhormat, ini tidak boleh dinafikan.

Sekiranya berlaku begitu, mesti ada satu kerangka untuk menegaskan bahawa pekerja kontrak yang puluhan ribu ini perlu diambil sebagai satu penyelesaian supaya tidak memberikan kesan buruk kerana mereka tidak ada pencen, mereka tidak ada lebihan apa. Yang Berhormat Menteri cakap tadi itu, itu lebihan jangka tempoh tahun *by* tahun ataupun tahun demi tahun tetapi dalam tempoh belasan tahun yang mereka kontrak itu, mana hak mereka? Saya ingin cadangkan ataupun saya ingin bertanya kepada menteri, adakah cadangan untuk memastikan pekerja kontrak ini ada tempoh enam bulan, selepas enam bulan, *confirm* kan mereka.

Ini tidak boleh diamalkan dalam negara yang orang lain menikmati hasil faedah bersama sedangkan pekerja kontrak menderita belasan tahun. Saya boleh buktikan mereka ini teraniaya dalam masa mereka berkontrak. Mohon menteri merujuk kepada peristiwa pekerja-pekerja kontrak ini supaya mengambil iktibar mereka ini juga diberi hak sebagai pekerja status *confirm* seperti mana melebihi tempoh enam bulan atau setahun untuk mereka menikmati hasil faedah daripada pekerja-pekerja awam yang lain. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih. Itu adalah cadangan yang baik tetapi kita kena ingat bahawa untuk membolehkan pekerja kontrak ini dapat kerja tetap, mesti ada jawatan tetap. Kita beri contoh tadi, kita beritahu tadi bahawa 49,816 pekerja kontrak, ini termasuklah KEMAS, Penerangan. Cadangan Yang Berhormat itu kita akan

bagi pertimbangan iaitu KEMAS, Penerangan sekarang ini masih kontrak sebagai contoh dan juga jawatan-jawatan yang lain. Kalau sekiranya ada pekerjaan tetap, mereka ini sudah pasti mendapat peluang yang lebih kerana mereka telah didedahkan dengan pekerjaan yang mereka sedang lakukan sekarang. Kita tahu bahawa sekarang ini orang yang keluar universiti ramai dan sebagainya, orang yang menganggur pun masih ada, kita tidak boleh kata semua orang yang masuk selepas enam bulan, dapat tetap, ia kena wujud jawatan dulu. Jawatan itu kena ada dan selepas ada jawatan barulah kita masukkan ke jawatan tetap.

Akan tetapi, usaha kerajaan untuk memberi ruang untuk jawatan kontrak ini ialah sesuatu yang cukup bermakna. Bermakna tanpa ada jawatan lagi, kita dah bagi jawatan kontrak. Sesetengahnya mereka ada peluang untuk pergi ke jabatan-jabatan lain dan sebagainya. Saya percaya pemikiran untuk mengadakan pegawai kontrak ini adalah sesuatu yang cukup baik kerana kita boleh mengurangkan pengangguran. Dalam masa yang sama, mereka yang telah keluar universiti dan sebagainya, tidaklah mereka menganggur dengan begitu lama dan sebagainya. Kita sebenarnya ada kes-kes yang pegawai kontrak dalam jangka masa yang begitu lama terutamanya dalam KEMAS dan juga Penerangan seperti yang saya sebutkan sebentar tadi.

**6. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk mendidik masyarakat berhubung dengan kepelbagaian mazhab dalam Islam seperti Salafiyah, Asha'irah, Maturidiyah, Wahhabiyah dan lain-lain, ke arah memelihara keharmonian masyarakat Islam di negara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Marang.

Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri telah memperuntukkan bahawa mazhab yang diamalkan dalam aspek syariah ialah Mazhab Syafie manakala dari segi akidah adalah berlandaskan kepada *al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Selain itu, Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali yang 133 pada 3 Disember 1984 telah memutuskan bahawa mazhab yang diamalkan di negara ini adalah Mazhab Syafie dan *al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Oleh itu penyebaran fahaman-fahaman dan mazhab-mazhab lain hendaklah dikawal dan aktiviti mereka hendaklah

dihadkan kepada pengamalan sahaja bukan penyebaran. Usaha juga hendaklah diambil bagi mengelak isu-isu percanggahan mazhab disebar oleh mana-mana pihak.

Justeru kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sentiasa meraikan kepelbagaian pendekatan ataupun Manhaj yang wujud dalam ajaran al-Sunnah wa al-Jama'ah. Perbezaan antara aliran seperti mana Salafiyah, Asha'irah dan juga Maturidiyah diuruskan secara baik menerusi dialog dan juga perbahasan akademik. Namun begitu, keutamaan tetap diberikan kepada aliran yang menjadi tradisi dan majoriti di negara ini iaitu pegangan Asha'irah dalam mazhab dan Mazhab Syafie dalam fiqah. Manakala aliran-aliran lain yang masih dalam lingkungan al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah dibenarkan selagi mana ia tidak bersifat melampau, menimbulkan isu bidaah-membidaah dan seumpamanya yang boleh membawa kepada perpecahan ummah.

Di samping itu juga, pelbagai program penjelasan, penerangan dan penerbitan melalui Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam seperti Program Kefahaman Islam dan Program Penghayatan Islam telah dilaksanakan kepada kakitangan kerajaan, agensi swasta, pemimpin-pemimpin masyarakat, pemimpin NGO, belia, mahasiswa IPTA dan IPTS serta pengajian yang berterusan di masjid-masjid dan surau-surau bagi mendidik masyarakat berhubung perkara ini.

#### ■1100

Antara program yang telah dilaksanakan adalah Seminar Akidah Peringkat Kebangsaan, Seminar Akidah *Ahlu Sunnah Wal Jamaah*, Seminar Kefahaman Akidah, Seminar Kefahaman Akidah, Dakwah Intellectual Discourse, Isu-Isu Akidah, Seminar Pemantapan Akidah Saudara Baru dan Seminar Pemurnian Akidah. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Masalah mazhab ini sudah wujud dalam masyarakat Islam sejak 1,000 tahun dan tidak menjadi masalah. Kita melihat bagaimana kebijaksanaan pendakwah yang datang ke sini bermazhab Syafiee boleh menangani masyarakat majmuk, Hindu, Buddha yang tidak ada dalam mazhab Syafiee dan hidup dalam keadaan harmoni sampai ke situ. Kita melihat bagaimana perbezaan berbeza antara jabatan agama negeri. Contohnya Perlis yang kuat kepada Salafi dan ada negeri yang sangat kuat kepada mazhab Syafiee dan keterbukaan sudah wujud. Kita mengambil mana-mana yang kita anggap kuat dan lebih baik berdasarkan kepada realiti masyarakat dan cabaran terkini. Saya harap kerajaan sedar dan turut peka dalam masalah ini dan mempertingkatkan lagi.

Yang kedua kita perlu juga jangan menerima tempias mazhab yang *complicated* yang ada di Asia Barat yang sudah lama macam-macam mazhab dan ia telah digunakan oleh peperangan secara *proxy* yang berlaku di Asia Barat hari ini. Antara kuasa-kuasa besar dunia Timur dan Barat yang berebut minyak, berebut mempertahankan Israel, Terusan Suez yang menggunakan mazhab melalui media-media untuk melaga-lagakan kalangan masyarakat Islam. Saya harap tempias ini jangan dibawa ke negeri kita walaupun negara kita ini tidak ada mazhab itu tetapi dibawa juga melalui mereka-mereka yang bebal yang boleh mencetuskan masalah dalam masyarakat Islam dan mencetuskan masalah dalam masyarakat majmuk yang ada di negara kita ini. Sejauh manakah kepekaan pihak kementerian dalam masalah ini? Terima kasih. [Tepuk]

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Marang yang telah memberikan pandangan yang begitu mendalam dan teliti tentang perkembangan-perkembangan mazhab dalam konteks negara kita Malaysia. Kerajaan amat meyakini bahawa dalam konteks kepelbagaian Yang Berhormat Marang sebutkan tadi bahawa sejak daripada dahulu para ulama yang membawa Islam di Malaysia. Bahkan kalau kita sorot dalam konteks sejarah sendiri pun yang membawa Islam yang memasuki Melaka seketika dahulu membawa pendekatan melalui proses dagangan dan pedagang-pedagang yang membawa Islam adalah merupakan mereka yang begitu maju dan berjaya sehingga tertariknya di kalangan golongan-golongan pada waktu itu yang tidak beragama Islam kepada Islam adalah kerana kehebatan perniagaan dan juga kekuatan ekonomi yang mereka miliki. Pun begitu kita melihat dalam konteks negara kita Malaysia pada hari ini, kerajaan begitu amat terbuka dalam membawa pendekatan mazhab-mazhab yang ada dan kita juga amat membimbangi sebagaimana Yang Berhormat Marang sebutkan kalau sekiranya pandangan-pandangan mazhab yang mempunyai kepelbagaian yang berbeza tersebut diletakkan sebagai satu asas untuk memecahkan umat.

Lebih membimbangkan bukan hanya sekadar perpecahan itu dalam kelompok sesama umat Islam, apatah lagi kesan daripada kesan di antaranya mereka-mereka yang begitu terkesan dengan dakwah-dakwah di luar negara yang sama ada di mana-mana negara menjadi rujukan di negara kita pada hari ini. Mereka itu begitu terkesan sehingga sampai kepada peringkat bidaah membidaah, sesat menyesatkan antara satu sama lain. Begitu juga jauh lebih dalam sehingga sanggup kafir mengkafirkan di antara satu sama lain dalam kelompok mereka mengaku mereka beragama Islam. Maka kebimbangan ini pendekatan dakwah yang sedemikian adalah amat dibimbangi.

Begitu juga kita melihat bahawa dalam konteks dakwah pada hari ini kalau kita perhati para ulama begitu amat berhati-hati dalam menghukum. Mereka tidak begitu tergesa-gesa menghukumkan orang itu kufur, orang itu dalam suasana sesat dan sebagainya, bidaah dan sebagainya.

Saya mengambil perhatian bagi pihak kerajaan bahawa kita juga ingin menjaga kerukunan ini kerana sehingga sampai ke saat dan ketika ini, Malaysia menjadi sebuah negara contoh, negara yang dianggap sebagai sebuah negara yang boleh hidup bersama, berkongsi kekuatan ekonomi dan juga sosial, berhubung antara satu sama lain dan dalam masa yang sama mereka memiliki kepelbagaian agama. Inilah yang akan dipertahankan oleh pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beruas, ini soal agama. Agama sensitif. Kecuali kalau Yang Berhormat Beruas mempunyai soalan yang agak tidak menimbulkan apa-apa isu. Sila.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam artikel *The Malaysian Insider* hari ini, '*Extremism in the name of Islam and Malaysian Muslim*'. Dinyatakan bahawa dalam satu khutbah yang disediakan oleh JAKIM bertarikh 30 Ogos 2013, sebelum Hari Merdeka, dikatakan JAKIM - saya hendak dapat penjelasan sama ada artikel ini benar atau tidak. Orang Kristian dianggap musuh kepada Islam dan juga pandangan JAKIM tentang 'Tuhan' dalam agama Kristian.

Memang saya seorang Kristian dan memang Tuhan itu satu dalam agama Kristian. Akan tetapi dikatakan JAKIM mempunyai pandangan yang berlainan hinggan ia tidak bersependapat dengan satu dokumen yang bertajuk '*A Common Word Between Us and You*' yang ditandatangani oleh 400 orang mufti, cendekiawan Islam dan juga pemimpin Islam dunia yang ingin mempererat di antara Kristian dan orang-orang Islam. Maksudnya agama ini mempunyai asal-usul yang sama. Akan tetapi adakah betul dalam khutbah 30 Ogos ini JAKIM memberi pandangan Kristian ini musuh kerana saya berpendapat ini tidak baik untuk perpaduan negara.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas. Tadi Yang Berhormat Marang bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan bersifat terbuka. Bukti dalam Dewan ini Yang Berhormat Beruas, Kristian yang begitu kukuh pegangannya masih lagi dijawab soalnya oleh Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dan Menteri yang menjaga



agama. Jadi maknanya ini bukti keterbukaan yang tidak pernah tertutup dalam konteks kita. [Tepuk]

Kalau balik kepada soalan tadi, saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua kata, ini soalan agama adalah soalan yang cukup sensitif. Jadi kalau tersilap untuk menjawab dan tersilap yang menyoal, ia akan memberikan impak yang tidak baik bukan hanya kepada individu tetapi termasuk dalam konteks negara.

Saya merasakan bahawa soalan daripada Yang Berhormat Beruas tadi tentang khutbah Jumaat, saya rasa mungkin barangkali, saya tidak tahu Yang Berhormat juga mendengar khutbah tersebut sebab khutbah itu dibaca di masjid. Jadi bila dibaca di masjid, *of course* ada dia punya dokumen bacaan tersebut. Akan tetapi mungkin barangkali dalam hal isu agama ini, tidak semua orang dapat memahami dengan baik bahawa tugas dan tanggungjawab masjid dan juga peruntukan perlembagaan, perkara 3 Perlembagaan Negara menyebut secara jelas "*Islam is the religion of Federation*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Islam agama Persekutuan atau dalam bahasa Arabnya "*didudaulah*", agama untuk di Malaysia ini dan agama lain bebas untuk mengamalkannya.

Begitu juga dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Negara menyebut secara jelas bahawa undang-undang peruntukan agama adalah di bawah kuasa negeri dan juga sultan di negeri masing-masing. Kalau di Malaysia kita ada sembilan buah negeri yang memiliki Sultan dan lima buah negeri yang hanya di bawah Yang di-Pertuan Agong iaitu Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan, lima buah negeri ini. Dalam konteks agama ini ia adalah di bawah selia tadbir daripada jabatan agama yang diperturunkan kuasa ataupun majlis agama Islam negeri masing-masing.

#### ■1110

Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam diberikan kuasa untuk membina khutbah dan juga untuk membuat khutbah. Saya melihat bahawa mungkin barangkali peranan dan tugas tanggungjawab khutbah ini diserahkan kepada orang Islam. Saya ingin menyatakan kepada soalan Yang Berhormat Beruas sebentar tadi bahawa tidak ada dalam konteks negara kita ini umat Islam memusuhi daripada kalangan Kristian. Sebab dalam ajaran Islam sendiri pun, Perlembagaan Negara menyebutkan perkara 3 bahawa jelas yang lain boleh mengamalkan ajaran agama masing-masing. Kita menghormati semua agama dan inilah hak masing-masing.

Apatah lagi dalam konteks Islam, jauh lebih dalam daripada itu juga. Nabi-nabi dan juga pemimpin-pemimpin, rasul-rasul yang ada dalam ajaran agama sama ada Nabi Musa, Nabi Isa dan sebagainya berdasarkan ajaran agama yang turun daripada langit,

ajaran Samawi. Kita wajib beriman kepada Nabi tersebut termasuk Nabi Isa dan juga Nabi Musa. Islam tidak pernah memusuhi mana-mana ajaran dan juga agama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh manakah kejayaan pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dan berapakah jumlah penjimatan yang diperolehi oleh kerajaan.

**Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) melibatkan pelbagai kementerian dan agensi. Kementerian Pertahanan turut terlibat dalam melaksanakan beberapa inisiatif NBOS di antaranya:

- (i) Mengoptimumkan pusat latihan Angkatan Tentera Malaysia yang sedia ada sebagai pusat latihan Polis Diraja Malaysia;
- (ii) Pusat Pemulihan Pemasarakatan (PPP);
- (iii) 1Malaysia Veteran Recognition Programme (1MVRP)
- (iv) Program rondaan bersama ATM dan PDRM;
- (v) Program rondaan bersama PDRM dan ATM di Kuala Lumpur International Airport (KLIA);
- (vi) Military Community Partnership (MCP);
- (vii) Ops Wawasan, Ops Jelai;
- (viii) Program Remaja Berwawasan;
- (ix) Military Community Transformation Centre;
- (x) Program Khidmat Komuniti Briged Sukarelawan (BSKN); dan
- (xi) Komunikasi bersama antara ATM dan PDRM.

Selama pendekatan NBOS ini dilaksanakan ianya telah menzahirkan banyak faedah kepada pelbagai lapisan masyarakat serta memberikan banyak penjimatan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi inisiatif mengoptimum pusat latihan ATM sebagai contoh. Anggota polis yang baru dilantik akan menjalani latihan di pusat latihan ATM yang sedia ada seperti Pusat latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) dan KD Sultan Ismail. Oleh yang demikian, kerajaan dapat meminimumkan keperluan pembinaan pusat latihan baru untuk aktiviti latihan PDRM yang dianggarkan berjumlah RM711 juta bagi sebuah pusat latihan.

Pusat pemulihan masyarakat pula telah memberi kesan penjimatan di mana kerajaan tidak lagi perlu membina penjara baru. Kos bagi pembinaan sebuah penjara baru menelan belanja antara RM50 juta hingga RM60 juta berbanding kos bagi pembinaan sebuah PPP yang kita selaraskan dengan kem-kem tentera yang dianggarkan hanya antara RM4 juta hingga RM6 juta sahaja.

Menerusi inisiatif PPP ini juga banduan turut diberi latihan dan kemahiran untuk dapat hidup berdikari serta menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi apabila dibebaskan kelak. Ini termasuklah kemahiran pertanian, pertukangan, kemahiran elektrik dan mekanikal, refleksologi, keusahawanan, aktiviti asas penyelenggaraan dan seumpamanya. Selain daripada itu, program-program berbentuk rondaan bersama antara ATM dan PDRM pula telah menyumbang kepada usaha mengurangkan kadar jenayah di seluruh negara sebagaimana yang dilaporkan menerusi laporan Government Transformation Programme (GTP) 1.0. Kerjasama ini juga telah meminimumkan keperluan pertambahan perjawatan sebaliknya kekurangan perjawatan tersebut ditampung oleh penglibatan anggota ATM juga.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2012 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan 1Malaysia Veterans Recognition Programme (1MVRP) di mana rumah-rumah veteran tentera dibaik pulih atau dibina baru. Antara rumah-rumah veteran yang telah dibina baru terletak di Kuching, Kota Samarahan dan Sri Aman, Sarawak selain daripada rumah-rumah di Semenanjung. Secara keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, Strategi Lautan Biru Kebangsaan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia telah berjaya menghasilkan penjimatan yang agak ketara. Kerajaan akan terus memandangi hadapan bagi memantapkan lagi pelaksanaan program-program Lautan Biru Kebangsaan. Perkara ini akan dilaksanakan menerusi pengukuhan pendekatan NBOS yang sedia ada serta meneroka strategi-strategi baharu bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan masyarakat dapat dikekalkan. Terima kasih.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu menarik sekali. Seperti yang kita maklum program Strategi Lautan Biru Kebangsaan telah pun memberi impak yang begitu tinggi khususnya kepada penduduk luar bandar terutama di kawasan saya. Jadi, saya ingin hendak tahu, apakah strategi-strategi yang digariskan oleh Kementerian Pertahanan untuk memantapkan lagi program-program ini bagi mendapat tempat ataupun memenangi hati rakyat di kawasan luar bandar. Sekian.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tiga pendekatan Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya ialah untuk menambah program-program sedia ada atau infrastruktur yang diguna pakai di mana kita selaraskan kerjasama di antara kementerian dan juga agensi-agensi yang ada kaitan dengan pendekatan dan tindakan yang telah pun kita fikirkan bersama wajar diperhebatkan lagi. Contoh, apa yang diumumkan dan dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tadi berhubung kait dengan Unit Rondaan Bermotor. Ini diselaraskan juga dengan rondaan bersama dengan pihak ATM. Program yang diketengahkan oleh mantan Menteri Pertahanan yang sekarang Menteri Dalam Negeri dalam konteks program-program yang saya sudah umumkan tadi, contoh 1Malaysia Veterans Recognition Programme, Program Pusat Pemulihan Kemasyarakatan. Itu semua hasil idea mantan Menteri Pertahanan yang kita akan tambah dari segi kemampuan kem-kem sedia ada, dari segi pengisian (*content*) program-program yang telah pun diumumkan, kepelbagaian kemahiran di dalam PPP dan ketiganya, *sustainability* atau keupayaan program itu dapat dipertahankan.

Ini kesinambungan daripada idea-idea yang saya rasa merupakan perkara yang pokok dalam pendekatan lautan biru tetapi hendak bekerjasama, hendak merentasi kementerian dan agensi, hendak bekerjasama merentasi silo-silo, itu merupakan pendekatan baru, itu yang merupakan lautan biru dan saya rasa mungkin boleh menjadi contoh kepada negara-negara lain dalam kita hendak menyelesaikan masalah rakyat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita mengucapkan tahniah di atas usaha yang telah dibuat oleh kerajaan. Apa yang kita hendak ialah supaya perkara ini boleh memberi manfaat yang sebaik mungkin kepada rakyat. Saya ingin penjelasan, dalam kita merangka program-program untuk memaksimumkan kejayaan kita, apakah kebajikan, terutama kebajikan ATM. Kita baru merayakan sambutan Hari Angkatan Tentera yang saya mendapat aduan banyak daripada mereka di mana mereka dari segi kebajikan terutama elaun-elaun, mereka tidak sama seperti pasukan PDRM ataupun yang lain. Di mana contohnya, kalau mereka yang berkhidmat, contohnya memandu kereta kebal ataupun yang melibatkan keselamatan di sempadan dan sebagainya tetapi elaun mereka berbanding dengan polis yang jaga keselamatan dalam negeri ini jauh bezanya. Jadi, keluhan yang diadukan oleh mereka, jadi bagaimana kementerian melihat perkara ini supaya kebajikan angkatan tentera kita lebih terbela pada masa hadapan.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Seperti saya sudah umumkan semasa majlis hendak meraikan ulang

tahun ke-80 ATM, perkara-perkara yang menyentuh kepada kebajikan ahli anggota kita akan diberikan keutamaan. Ada tujuh perkara yang dipanjangkan kepada kami oleh pihak persatuan dan mereka yang membela bekas-bekas tentera dan veteran-veteran kita. Saya sudah menyatakan bahawa itu memang tidak boleh kita elak dan mesti merupakan satu keutamaan, lebih-lebih lagi dalam kita hendak meraikan ulang tahun. Kalau sekiranya Yang Berhormat ada perkara-perkara yang berhubung kait dengan pencen, berhubung kait dengan elaun, berhubung kait dengan perkara-perkara lain, bolehlah panjangkan kepada pihak saya kerana memang merupakan satu perkara yang kita beri tumpuan. Terima kasih.

#### ■1120

**8. Tuan Lim Lip Eng [Segambut]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai telah ditangkap di bawah Ops Cantas setakat 16 September 2013 mengikut bangsa, jantina dan negeri. Daripada jumlah itu, berapa ramai yang telah dibebaskan, dibebas dengan ikat jamin polis, direman dan dituduh di mahkamah.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan berkaitan perkara yang ditanyakan oleh Yang Berhormat, yang dibangkitkan juga oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain memandangkan soalan-soalan berkenaan berkaitan. Soalan-soalan itu adalah daripada Yang Berhormat Libaran dan Yang Berhormat Bandar Kuching pada hari ini, Yang Berhormat Saratok pada 24 September, Yang Berhormat Sabak Bernam pada 24 September juga. Yang Berhormat Bentong pada 24 September, Yang Berhormat Tanjong Manis pada 25 September, Yang Berhormat Segambut pada 25 September, Yang Berhormat Tanah Merah pada 25 September, Yang Berhormat Kuala Selangor pada 26 September. Yang Berhormat Tanjong Malim pada 26 September, Yang Berhormat Sipitang pada 26 September, Yang Berhormat Klang pada 26 September, Yang Berhormat Kota Raja pada 2 Oktober dan Yang Berhormat Paya Besar pada 3 Oktober. Mohon izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri memandang serius dan sentiasa komited dalam usaha untuk membanteras aktiviti jenayah khususnya kes-kes yang melibatkan jenayah berat yang dilakukan oleh kumpulan kongsi gelap atau geng atau samseng. Di antara jenayah kekerasan yang ketara berlaku kebelakangan ini adalah kes-kes bunuh, cuba bunuh, samun, menandatangani cedera,

pemerasan dan ugutan. Kementerian Dalam Negeri telah mengisytiharkan 49 pertubuhan adalah tidak sah di bawah Akta Pertubuhan 1966. Melalui pengisytiharan tersebut, tiada sesiapa dibenarkan menggunakan semua tulisan, senarai anggota, panji-panji, logo, simbol atau tanda berhubung dengan sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

Sehubungan dengan itu, pihak polis telah melancarkan Ops Cantas Khas bermula 7 Ogos yang lalu bagi mengesan mereka yang terlibat dalam aktiviti kongsi gelap dan gengsterisme. Operasi ini dilaksanakan bertujuan membuat pengesanan, pemantauan dan pencegahan aktiviti-aktiviti kumpulan kongsi gelap melalui kaedah seperti berikut:

- (i) mengumpul risikan dan mengenal pasti kumpulan sasaran yang akan dibuat tapisan serta mendapatkan keterangan-keterangan yang boleh menyokong untuk tujuan mendakwa mereka yang ditangkap di mahkamah atas apa juga kesalahan dan aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan;
- (ii) melaksanakan dokumentasi atau rakaman percakapan risikan untuk tujuan penyimpanan data atau *indexing* perkara-perkara yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti dan ahli-ahli kongsi gelap atau geng ini;
- (iii) membuat pemantauan supaya tiada ahli-ahli kumpulan kongsi gelap dan orang-orang yang dikehendaki atau *wanted person* dengan izin, terlepas lari ke negara jiran. Pemeriksaan akan dibuat di kesemua pintu masuk di seluruh negara dan juga pemantauan di lorong-lorong tikus di sempadan-sempadan negara; dan
- (iv) membuat pemeriksaan dan pengeledahan di tempat persembunyian, tempat-tempat yang sering dikunjungi oleh mereka dan markas kumpulan kongsi gelap untuk mencari senjata-senjata berbahaya yang digunakan oleh kumpulan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada operasi yang dijalankan sehingga 18 September yang lalu, seramai 212,259 orang yang disyaki telah ditahan dan dibuat tapisan. Sebanyak 8,898 orang telah ditangkap dan sebanyak 289 senjata api dan senjata berbahaya telah dirampas. Kejayaan yang paling ketara dalam tempoh operasi ini dijalankan adalah penurunan jenayah indeks terutama kes yang melibatkan jenayah kekerasan seperti bunuh yang menurun hampir 42% daripada 69 kes kepada 40 kes dalam tempoh sebulan operasi dijalankan. Di sepanjang itu, sebanyak 214 kertas

siyasatan telah dibuka di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan 46 kes dibuka di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah yang ditangkap seramai 3,842 orang terdiri daripada bangsa Melayu di mana 3,645 lelaki dan 197 perempuan. Seramai 2,485 orang berbangsa India di mana 2,449 lelaki dan 36 perempuan. Seramai 1,088 orang berbangsa Cina di mana 1,021 lelaki dan 67 perempuan. Seramai 1,483 terdiri daripada lain-lain bangsa, di mana 1,227 lelaki dan 256 perempuan. Pecahan tangkapan mengikut negeri pula adalah sebanyak 3,889 di negeri Selangor, 1,790 di Johor, 749 di Kuala Lumpur, 505 di Kedah, 225 di Perak, 254 di Pulau Pinang, 225 di Pahang, 253 di Kelantan, 165 di Sarawak, 165 juga di Negeri Sembilan, 94 di Melaka, 25 di Terengganu dan 12 di Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, pihak polis akan meneruskan operasi ini supaya berterusan, tidak sebagaimana tuduhan ianya akan ditamatkan pada 19 Oktober. Akan diteruskan bagi menjamin keselamatan negara sentiasa terpelihara dan sehingga rakyat akan merasa selamat dan memastikan dengan izin, *fear of crime* di kalangan masyarakat dapat dikurangkan. [*Tepuk*] Terima kasih.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan asal saya ada tanya berapa yang ditangkap telah dituduh di mahkamah tetapi tadi Yang Berhormat Menteri tidak dijawab. Jadi saya ulangi soalan saya, berapa yang ditahan telah dituduh di mahkamah? Ini untuk membuktikan, menunjukkan kepada rakyat tindakan operasi khas ini bukan dibuat secara tergesa-gesa dan bukan satu tindakan yang membuang masa sebab lepas ditangkap tetapi tidak dituduh di mahkamah. Selepas seminggu dua, lepas sahaja.

Soalan tambahan saya, telah dilaporkan bahawa kumpulan yang ditahan dalam tindakan ini adalah di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959. Soalan saya, di bawah akta ini maksimum hari reman yang dibenarkan sebab ada yang kata 14 hari ada yang kata lebih, ada yang kata kurang. Jadi, saya minta jawapan berapa maksimum hari tahan reman yang dibenarkan bahawa akta ini, termasuk 24 jam yang selepas ditahan. Itu sahaja terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat ketahui, tentu Yang Berhormat juga tidak menyokong kumpulan-kumpulan berkenaan. Saya pasti Yang Berhormat tidak menyokong. Kalau menyokong pun saya akan senaraikan. [*Ketawa*] Berapa ramai yang dituduh di mahkamah kerana PCA 1959 Tuan Yang di-Pertua, mempunyai maksimum 72 hari untuk direman dan dijalankan siyasatan dan tidak ada seorang pun yang ditahan tanpa bicara, semuanya

akan dibicarakan. Daripada jumlah tersebut, sebagaimana yang saya nyatakan tadi walaupun 212,259 orang telah dilakukan tapisan, seramai 8,898 orang telah ditangkap dan sebanyak 289 senjata api telah dirampas.

Walau bagaimanapun 214 kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan 46 fail kes dibuka di bawah Akta Pencegahan Jenayah setakat ini. Akan tetapi daripada tangkapan 8,898 tadi tapisan-tapisan akan dilakukan dan saya fikir ini akan kita lakukan. Saya harap Yang Berhormat juga bekerjasama juga dengan saya dan pihak Polis Diraja Malaysia untuk menentukan...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Belum ada dituduh.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Supaya pertuduhan itu dapat dilakukan setelah siasatan sepenuhnya dilakukan.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuduhan sifar.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya beri sama Barisan Nasional. Silakan.

#### ■1130

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah mengambil tindakan tegas untuk membanteras jenayah. Seperti mana Yang Berhormat Menteri katakan 49 pertubuhan atau kongsi gelap telah diisytiharkan dan tiada sesiapa yang boleh dilihat mempunyai kaitan dengan pertubuhan ini.

Soalan saya, oleh kerana pada tahun 70-an dan 80-an, bekas ahli-ahli ini telah menubuhkan persatuan dan persatuan atau pertubuhan rekreasi ini sebenarnya, kita nampak logo-logonya menyerupai logo-logo yang diumumkan. Soalan saya, oleh kerana ini adalah pendaftaran di bawah ROS dan ianya telah direstui oleh ROS, bagaimana apabila kita mengecam seseorang yang mempunyai tatu dan juga melihat logo itu, pihak kementerian dapat membezakan dan apakah pendirian kita dalam soal ini supaya tidak salah tangkap ataupun mewujudkan satu situasi di mana keliru dengan logo-logo yang didaftarkan di bawah ROS. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut pemantauan yang telah kami lakukan, ada di kalangan mereka yang pernah menjadi tahanan ini telah menubuhkan dan mendaftarkan persatuan-persatuan, sama ada persatuan itu dibuat atas nama persatuan kebajikan, persatuan keagamaan atau persatuan mengikut keturunan dan kami sedang memantau. Jika didapati bahawa aktiviti pertubuhan berkenaan masih menyamai aktiviti yang pernah mereka lakukan walaupun



mereka telah bertaubat tanpa taubat nasuha, maka tindakan akan dilakukan mengikut Akta Pertubuhan 1966 tanpa mengira bulu dan warna. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]:** Tuan Yang di-Pertua, satu Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja. Boleh ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa, masa tempoh Yang Berhormat, telah melebihi masa.

**Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]:** Tak boleh juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 18(1).

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan satu usul tergepar pada 19 September, hari Khamis untuk membincangkan berkaitan sekolah jenis kebangsaan SRJK(C) Chin Woo di kawasan Parlimen Bukit Bintang oleh kerana menerima notis pemberitahuan dari PTG, mengarahkan sekolah mengosongkan tapak milik Kerajaan Persekutuan, Lot 1162 Seksyen 62, Bandar Kuala Lumpur, sebelum 23 September 2013 iaitu hari ini. Jika tidak, operasi merobohkan struktur pembinaan dan mengosongkan tapak akan dibuat pada hari esok iaitu 24 September.

Walaupun KSN, Tan Sri Ali Hamsa telah menyatakan bahawa robohan di tapak SJK(C) Chin Woo ditangguhkan, tetapi penyelesaian belum dapat dirundingkan antara kedua-dua belah pihak iaitu Kementerian Pelancongan dan juga pengelola sekolah SJK(C) Chin Woo. Saya berharap usul saya boleh didepankan oleh kerana usul mematuhi tiga syarat yang dikehendaki iaitu perkara tertentu, kepentingan orang ramai dan hendak disegerakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Ahli-ahli Yang Berhormat, biasanya apabila saya menerima notis untuk membuat usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) atau 18(2), saya mengambil kira laporan-laporan, input daripada pihak yang berwajib. Selepas itu saya akan membuat respons. Biasanya respons yang saya buat ialah mengutus satu surat kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Dalam hal ini, saya percaya saya telah pun menghantar satu

surat kepada Yang Berhormat Bukit Bintang dan dalam surat itu saya mengatakan apa sebabnya, mengapa saya menolak usul Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, oleh kerana Yang Berhormat telah berdiri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ini sebagai makluman, tujuan kita untuk membawa usul di bawah 18(1) ialah untuk membawa sesuatu perkara itu kepada perhatian kerajaan. Kedua, supaya kerajaan mengambil tindakan sewajarnya. Jadi dalam hal ini Yang Berhormat, maklum balas yang saya dapat daripada kementerian yang berkenaan secara bertulis iaitu keputusan untuk mengarahkan pihak sekolah untuk mengosongkan tempat itu telah ditangguhkan sehingga pihak-pihak yang berkenaan berunding. Jadi dalam hal ini bermakna kerajaan telah mengambil keputusan. Itu sebabnya saya menolak usul Yang Berhormat. Terima kasih. Sila.

### **UCAPAN TAKZIAH**

#### **Ucapan Takziah Kepada Keluarga Mendiang Puan Tan Ah Eng**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan yang amat dukacita dan sedih, ingin saya memaklumkan bahawa mendiang Puan Tan Ah Heng, mantan Ahli Parlimen Gelang Patah telah meninggal dunia pada hari Sabtu, 10 Ogos 2013.

Saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan dan pihak Parlimen seluruhnya ingin merakamkan ucapan takziah kepada suami mendiang, Encik Tan Hee Miang serta keluarga. Mendiang Puan Tan Ah Heng pernah menjadi Ahli Dewan Negara selama tiga tahun mulai 20 April 1997, manakala sebagai Ahli Parlimen Gelang Patah selama dua penggal mulai 20 Mac 2004 hingga 3 April 2013. Sebagai Ahli Dewan Rakyat, beliau pernah menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (pindaan) 2004, dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (pindaan) 2004 bagi Parlimen Kesebelas serta menjadi Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mulai 2008 hingga 2013 bagi Parlimen Kedua Belas.

Sesungguhnya pemergian mendiang adalah suatu kehilangan besar kepada Dewan Rakyat. Oleh yang demikian, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun dan minta bertafakur selama satu minit. Sila bangun.

***[Kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat bangun untuk bertafakur]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, sila duduk.

**RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG  
(PINDAAN) 2012 (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG AKTA PROFESION  
UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 1976****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2013) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**USUL****MERENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT  
DI BAWAH P.M. 90(2)****■1140**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

“Bahawa dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90(2), Majlis dengan ini merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 48 di sepanjang tempoh perbahasan:

- (i) Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013; dan
- (ii) Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2013;

serta merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 67(2) sepanjang tempoh perbahasan bagi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada yang menyokong?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG  
(PINDAAN) 2012 (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini pada dasarnya, Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 ini yang akan saya rujuk sebagai *[Akta A1444]* telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen pada 9 Julai 2012.

Lanjutan daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 April 2009 tentang keputusan kerajaan untuk meliberalisasikan 27 subsektor perkhidmatan dengan membenarkan 100% ekuiti asing berkuat kuasa dengan sertamerta. [Akta A1444] ini merupakan pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang 1976, [Akta 166] bagi meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan. [Akta A1444] tersebut juga telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 5 September 2012.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, [Akta A1444] ini masih belum mula berkuat kuasa memandangkan Jabatan Peguam Negara dan Majlis Peguam Negara Malaysia telah memutuskan supaya akta ini berkuat kuasa secara serentak dengan kedua-dua rang undang-undang, Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013 dan Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2013 yang akan dibentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, melalui [Akta A1444] tersebut, sektor perkhidmatan perundangan di Semenanjung Malaysia diliberalisasikan dengan membolehkan peguam asing untuk menjalankan amalan di dalam bidang amalan yang dibenarkan melalui perkongsian antarabangsa ataupun (*international partnership*), dengan izin. Firma guaman asing berkelayakan dengan izin *qualified foreign law firm* dan penggunaan khidmat peguam asing oleh firma guaman Malaysia.

Selain itu fasal 3 [Akta A1444] juga mengandungi peruntukan baru untuk dimasukkan ke dalam Akta 166 iaitu subseksyen 37(2A) yang memperuntukkan larangan terhadap mana-mana orang yang tidak diberi kuasa untuk melakukan apa-apa perbuatan yang lazimnya dalam fungsi atau tanggungjawab seorang peguam bela dan peguam cara. Pada dasarnya larangan tersebut adalah ditujukan kepada peguam asing yang memasuki Malaysia secara *fly in, fly out*, dengan izin dalam memberi khidmat undang-undang di Malaysia.

Berdasarkan maklum balas yang diterima oleh Jabatan Peguam Negara dan Majlis Peguam Malaysia, adalah dikhuatiri bahawa pelaksanaan subseksyen 37(2A) yang baru ini akan menimbulkan kekeliruan memandangkan pada umumnya seksyen 37 [Akta 166] merangkumi peruntukan-peruntukan yang terpakai kepada mana-mana orang yang tidak diberi kuasa dalam melakukan amalan seorang peguam bela dan peguam cara di Malaysia dan peruntukan di bawah subseksyen 37(2A) yang sedia ada pula tidak membezakan dengan jelas tentang pemakaian subseksyen tersebut antara peguam tempatan dan peguam asing.

Selain itu juga, subseksyen 37(2A) tersebut juga dikhuatiri akan menimbulkan pertikaian perdagangan antarabangsa kerana penggunaan beberapa terma yang tidak konsisten dengan komitmen antarabangsa Malaysia di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia atau dengan izin, *World Trade Organization*.

Berdasarkan maklum balas yang diterima oleh Jabatan Peguam Negara berkenaan implikasi beberapa peruntukan di bawah [Akta A1444] tersebut adalah wajar bagi [Akta A1444] untuk dipinda bagi mengelakkan sebarang kesulitan dari segi pelaksanaan peruntukan-peruntukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya asas bagi cadangan pindaan kepada [Akta A1444] mengandungi 4 hal perkara;

- (i) adalah pindaan kepada seksyen 1, [Akta A1444] untuk menggantikan subseksyen 1(2). Akta bagi membolehkan supaya peruntukan-peruntukan di bawah [Akta A1444] diberi tarikh kuat kuasa yang berlainan memandangkan [Akta A1444] mengandungi pindaan bagi peruntukan tata tertib di bawah Akta 166 dan juga peruntukan berkenaan liberalisasi perkhidmatan perundangan;
- (ii) adalah cadangan pindaan kepada subseksyen 37(2A) bagi memastikan konsistensi dengan komitmen antarabangsa;
- (iii) cadangan pindaan bagi memasukkan subseksyen baru 37(2B) untuk mengecualikan pemakaian peruntukan larangan di bawah subseksyen 37(2A); dan
- (iv) cadangan pindaan susulan kepada seksyen 40M bagi memperjelaskan kuasa pihak berkuasa tata tertib.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 2 rang undang-undang ini bertujuan meminda subseksyen 1(2) [Akta A1444] dengan mengadakan peruntukan bagi tarikh berperingkat bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam [Akta A1444]. Ini kerana selain liberalisasi profesion undang-undang, [Akta A1444] juga mengadakan peruntukan bagi pindaan kepada peruntukan tata tertib dalam [Akta 166].

Fasal 3 rang undang-undang ini pula melibatkan pindaan terhadap seksyen 3 [Akta A1444] dengan menggantikan subseksyen 37(2A) yang sedia ada dengan subseksyen 37(2A) yang baru dalam Akta 166. Seperti yang telah saya jelaskan sebentar tadi, secara umumnya subseksyen 37(2A), larangan terhadap peguam asing yang masuk secara dengan izin *fly in, fly out* dalam memberi khidmat undang-undang sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Dalam hal ini, saya ingin merujuk kepada komitmen antarabangsa Malaysia melalui *General Agreement on Trade in Services* atau GATS, dengan izin di bawah *World Trade Organization*, dengan izin di mana Malaysia telah membuat komitmen untuk tidak menyekat mana-mana perkhidmatan undang-undang yang dibekalkan melalui kaedah merentas sempadan, *mode 1 cross border supply*, dengan izin.

Secara ringkasnya, *cross border supply* melibatkan amalan di mana pembekal perkhidmatan asing membekalkan perkhidmatan merentas sempadan ke negara anggota WTO yang lain. Komitmen ini juga termasuklah apa-apa bentuk sekatan sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti melalui mel elektronik atau komunikasi telefon tidak boleh dikenakan.

Memandangkan peruntukan subseksyen 37(2A) yang sedia ada melarang semua kaedah bekalan ataupun *mode of supply*, dengan izin secara langsung atau tidak langsung dalam pemberian khidmat perundangan secara *fly in, fly out*, dengan izin adalah penting bagi peruntukan ini untuk dipinda bagi mengeluarkan terma yang secara langsung atau tidak langsung dengan izin, *directly* atau *indirectly* daripada peruntukan tersebut bagi memastikan *consistency* dengan komitmen antarabangsa Malaysia di bawah WTO bagi sektor perkhidmatan perundangan.

#### ■1150

Oleh yang demikian, cadangan pindaan bagi menggantikan subseksyen 37(2A) yang sedia ada dengan subseksyen 37(2A) yang baru dalam Akta 166 ini adalah supaya kaedah bekalan khidmat perundangan digambarkan secara umum dan tidak menggambarkan sebarang kekangan di bawah Akta 166.

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya melalui fasal 3 rang undang-undang ini juga adalah dicadangkan supaya satu subseksyen 37(2B) yang baru dimasukkan bagi mengecualikan pemakaian peruntukan larangan di bawah subseksyen 37(2A) kepada peguam asing yang memasuki Malaysia dalam memberi khidmat undang-undang tertakluk kepada syarat bahawa tempoh masa kemasukan peguam asing tersebut tidak melebihi 60 hari.

Melalui peruntukan baru subseksyen 37(2B) ini, larangan *fly-in, fly-out* dengan izin yang peruntukan di bawah subseksyen 37(2A) tidak akan terpakai bagi peguam asing yang termasuk di bawah definisi peguam asing dalam seksyen 40(A) Akta A1444. Mana-mana peguam asing yang memasuki Malaysia bagi memberi khidmat undang-undang dengan syarat bahawa tempoh masa kemasukan peguam asing tersebut mestilah tidak melebihi 60 hari.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, asas bagi cadangan pindaan ini adalah berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Jabatan Peguam Negara dan juga Majlis Peguam Malaysia, daripada pelbagai pihak yang agak keliru dengan pelaksanaan subseksyen 37(2A) memandangkan subseksyen tersebut merangkumi peruntukan-peruntukan yang terpakai kepada mana-mana orang yang tidak diberi kuasa dalam melakukan amalan seseorang peguam bela dan peguam cara di Malaysia dan larangan terhadap peguam asing yang memasuki Malaysia secara *fly-in, fly-out* dengan izin dalam memberi khidmat undang-undang.

Oleh yang demikian, secara ringkasnya, melalui subseksyen 37(2B), peguam asing dibenarkan memasuki Malaysia secara *fly-in, fly-out* dengan izin dalam memberi khidmat undang-undang yang tidak melibatkan apa-apa aspek undang-undang Malaysia tanpa perlu mendaftar kepada pihak Majlis Peguam Negara Malaysia untuk menjalankan amalan di dalam bidang amalan yang dibenarkan melalui perkongsian antarabangsa ataupun *international partnership* dengan izin.

Firma guaman asing berkelayakan ataupun *qualified foreign law firms* dengan izin dan penggunaan khidmat peguam asing oleh firma guaman Malaysia dengan syarat tempoh kemasukan tidak melebihi 60 hari.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan bagi membenarkan amalan *fly-in, fly-out* dengan izin selama 60 hari ini berdasarkan pendekatan yang telah diambil di bawah Akta Profesion Undang-undang Australia di mana undang-undang mereka membenarkan kaedah *fly-in, fly-out* oleh peguam asing untuk tempoh tidak melebihi 90 hari. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pindaan ini, tempoh masa 90 hari seperti mana yang dibenarkan di Australia telah digantikan dengan tempoh masa 60 hari agar selaras dengan perenggan 21 jadual 6 berkenaan pendapatan yang dikecualikan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

Perenggan 21 Jadual 6 di bawah Akta 53 memperuntukkan dengan izin:

*“The income of individual from an employment exercised by him in Malaysia-*

- (a) *for a period or periods which together do not exceed 60 days in the basis year of assessment; or*
- (b) *for a continuous period (not exceeding 60 days which overlaps the basis years for two successive years of assessment; or*
- (c) *for a continuous period (not exceeded 60 days) which overlaps the basis years for two successive years of assessment and for a period or periods which together with the continuous period do not*



*exceed in 60 days. If he's not a resident for that basis year or for each of those basis years, as the case, may be.*

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, fasal 4 mengandungi cadangan pindaan terhadap seksyen 4 [Akta A1444] dengan menggantikan seksyen 40M yang sedia ada di bawah bahagian 4A [Akta A1444] tersebut dengan seksyen 40M yang baru bagi memperjelaskan bahawa mana-mana peguam asing yang memasuki Malaysia sama ada melalui pendaftaran dan pelesenan di bawah bahagian 4A atau melalui amalan *fly-in, fly-out* di bawah subseksyen 37(2B) hendaklah mematuhi semua kaedah-kaedah dan keputusan Majlis Peguam dan tertakluk kepada kawalan Lembaga Tatatertib bagi maksud semua tindakan disiplin.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fakta-fakta yang telah yang saya kemukakan tadi, adalah jelas bahawa pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012, [Akta A1444] adalah satu keputusan yang wajar dan sejajar dengan peredaran dan keperluan masa kini. Pindaan terhadap [Akta A1444] khususnya yang berkaitan dengan liberalisasi sektor perundangan adalah perlu bagi Malaysia kerana ia akan memberikan pulangan yang lumayan sama ada dari segi kewangan, reputasi dan prestij di mata dunia. Pindaan lain yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan peruntukan yang berlainan dalam [Akta A1444].

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**  
Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Segambut.

**11.57 pg.**

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik dan menyokong kedua-dua rang undang-undang ini. Ini kerana liberalisasi adalah trend dunia sekarang. Mana-mana negara yang tidak mengambil trend ini akan ditinggal atau *left behind*. Saya hendak penjelasan daripada kerajaan. Sekarang kita kata liberalisasi industri peguam, tanah air Semenanjung kita ini, kita *allowed* peguam-peguam asing praktis di Semenanjung. Saya hendak satu penjelasan. Mengapa

kawan-kawan kita daripada Sabah dan Sarawak tidak diliberalisasi? Peguam-peguam Semenanjung tidak boleh praktis di Sabah dan Sarawak. Peguam Sabah dan Sarawak tidak boleh praktis di Semenanjung. Kita liberalisasi peguam negara asing tetapi di negara kita, kita tidak boleh liberalisasi. Saya bukan hendak sokong atau lawan. Saya hanya hendak minta penjelasan daripada kerajaan. Penjelasan ini untuk peguam-peguam dari seluruh dunia. Ini untuk mengelakkan sekali lagi Malaysia kita ini menjadi *laughing stock*.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Pohon penjelasan. Kalau peguam-peguam asing tidak boleh – Sabah dan Sarawak tidak boleh manakala peguam-peguam asing di bawah cadangan rang undang-undang ini boleh, adakah dari segi bidang peguam, peguam-peguam daripada Sabah dan Sarawak itu dianggap peguam asing? Kalau mereka peguam asing, adakah mereka tertakluk dan oleh itu bebas selepas ini untuk *serve practice* di Semenanjung. Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Peguam-peguam daripada Sabah, adakah mereka peguam asing di Semenanjung, itu saya tidak tahu. Akan tetapi saya adalah orang asing di Sabah sebab Sabah hanya benarkan saya di sana selama 60 hari.

Saya hendak menyentuh isu tanah air ini. Kalau peguam-peguam asing sekarang boleh mencari makan di Semenanjung, sekarang boleh cari makan di Semenanjung, dia dilahirkan di Sitiawan, bila dia hidup, sekarang dia mati, habuk atau mayatnya tidak dibenarkan ke tanah air. Saya juga minta satu penjelasan daripada kerajaan. *[Dewan riuh]*

#### ■1200

Soalan saya, apakah undang-undang yang dipakai oleh kerajaan tidak membenarkan *the remains of Chin Peng*, abu atau mayat Chin Peng dibawa balik ke negara kita?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Abu mayat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Abu? Abu mayat. *The remains of Chin Peng*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tumpukan kepada pindaan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, apa undang-undang yang dipakai oleh kerajaan tidak membenarkan *the remains of Chin Peng* pulang ke tanah air. Itu sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengerang.

**12.00 tgh.**

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau kita tengok daripada rang undang-undang yang telah dibawa, kita tidak boleh menafikan bahawa dunia semakin kecil. Kita juga tidak boleh menafikan bahawa dalam profesion guaman ini terdapatnya satu situasi yang mana profesion guaman tidak lagi menjadi satu profesion serpihan tetapi menjadi satu profesion yang boleh dilihat sebagai tulang belakang kepada pembangunan negara.

Kalau kita tengok Singapura sebagai contoh sudah 20 tahun mengamalkan pendekatan yang hendak dibawa dalam negara kita yang mana kalau kita tengoklah di negara ASEAN itu sendiri, Singapura boleh dilihat sebagai pemaju kepada beberapa sektor antarabangsa terutama sekali dalam bidang kewangan. Kalau kita tengok aspek ini pindaan ini boleh dilihat lebih untuk merangkumi perubahan yang paling besar dalam negara kita iaitu untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kepada sektor perbankan Islam. Kalau kita lihat kepakaran-kepakaran yang boleh dibawa daripada pindaan ini boleh dilihat sebagai sesuatu yang akan membawa kenaikan bukan sahaja kepada aspek ekonomi negara tetapi juga kenaikan yang begitu hebat kepada ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini tetapi ada beberapa perkara yang saya hendak timbulkan di sini supaya kerajaan boleh dalam proses mempunyai kepekaan. Pertama sekali kalau kita tengok dalam kemasukan atau kehadiran peguam-peguam antarabangsa ataupun syarikat-syarikat guaman antarabangsa atau pun dengan izin, *joint venture* antara syarikat antarabangsa dengan tempatan kita tengok yang menjadi mangsa kemungkinannya ialah syarikat-syarikat guaman yang kecil atau pun yang sederhana.

Kalau kita lihat dari segi profesion guaman ini perkara ini menjadi satu masalah di mana panel undang-undang sebagai contoh dalam syarikat-syarikat kerajaan GLC atau pun bank-bank antarabangsa, bila kita tengok pada profesion guaman yang hendak dilantik dalam panel mereka akan memilih panel-panel yang besar. Mereka akan memilih panel-panel yang mempunyai kepakaran. Jadi kalau pindaan ini berlaku memang baik

untuk negara tetapi kita mahu ia menafikan kemampuan bagi syarikat-syarikat guaman kecil dan juga yang sederhana diketepikan dalam mencari rezeki mereka.

Jadi saya memohon daripada kerajaan dalam perkara ini mesti menunjukkan satu keadaan yang mana syarikat-syarikat guaman yang kecil, syarikat-syarikat guaman yang sederhana diberikan peluang.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Syarikat-syarikat GLC kerajaan, bank-bank dalam negara kita mesti mempunyai satu prasyarat memberikan mereka kerja-kerja guaman. Jangan sisihkan mereka sebab kalau kita menyisihkan mereka secara tidak langsung kita memberi bantuan dan fokus hanya kepada syarikat-syarikat yang besar. Saya tidak menentang kehadiran syarikat besar atau syarikat antarabangsa. Saya tidak menentang tetapi yang saya takut ia tidak akan memberi tempat kepada orang tempatan.

Contohnya pertama sekali dalam isu pelantikan panel guaman. Saya hendak timbulkan kepada Yang Berhormat Menteri. Panel guaman ini mesti diberi jaminan oleh syarikat-syarikat besar - Petronas katakan, GLC-GLC mesti diberikan tempat. Mungkin jenis kerja, jumlah kes di mahkamah kos tertentu katakan RM5 juta ke bawah mesti syarikat tempatan kecil dan juga sederhana. Janganlah kita bagi hanya kepada yang besar. Ini satu yang saya hendak bawa.

Keduanya, berkenaan dengan isu ini saya takut sekarang bila kita tengok kepada pensyarah-pensyarah universiti ya. Sebelah saya ini pun Yang Berhormat Kuala Selangor juga bekas pensyarah, dia sendiri boleh cakap anak-anak kita yang belajar undang-undang hari ini banyak syarikat besar berkata bahawa kemampuan untuk fasih berbahasa Inggeris, hendak tulis atau baca semuanya tidak boleh.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Akan tetapi dia lulus disebabkan mungkin fakulti universiti tersebut memerlukan kelulusan. Jadi bila hendak keluar mencari pekerjaan dia tidak dapat bukan sahaja hari ini mendapat pekerjaan yang setimpal yang dia tidak mampu untuk bekerja. Inikan bila adanya syarikat-syarikat antarabangsa yang besar atau pun syarikat antarabangsa atau individu yang bekerja, saya yakin kemungkinan anak tempatan bukan dianaktirikan tetapi diketepikan. Ini sebab suka atau tidak suka antara keperluan yang penting pada zaman ini..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Dengan izin, saya hendak habis satu sahaja.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sedikit.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Anak-anak muda kita dalam universiti mesti mempunyai kemahiran. Jadi saya hendak bawa dalam isu kedua dengan adanya pindaan ini...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mohon penjelasan sedikit.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Satu sahaja saya hendak cakap. Biar saya habiskan dahulu. *Relax* lah *brother*.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Penjelasan yang tadi.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Biarlah saya habiskan selepas itu saya jemput. Tidak ada masalah. Apa yang saya hendak cakap dalam *point* kedua ialah kalau adanya pindaan yang hendak dibuat, yang hendak diluluskan ini kita mesti mewujudkan *specialization* dengan izin, di universiti iaitu universiti-universiti dalam negara kita dalam profesion undang-undang tidak boleh main belajar semua jenis undang-undang. Kita kena pilih.

Kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, di Amerika Syarikat hendak menjadi peguam tidak boleh calang-calang orang. Tidak boleh hanya habis Tingkatan Enam, habis diploma terus belajar jadi peguam, tidak boleh. Dia mesti ada *degree* pertama barulah dia boleh mendapat kemasukan untuk profesion kedua iaitu guaman. Ini sebab guaman ini adalah satu industri yang begitu profesional, begitu mantap.

Jadi dalam perkara ini kalau kita buat pindaan ini, kita sokong kepada pindaan ini, masa depan anak-anak kita di universiti dalam bidang guaman kita mesti tentukan subjek-subjeknya. Contohnya, katanya hendak masuk ini disebabkan oleh undang-undang perbankan Islam, kita fokuskan pengkhususan atau *specialization* anak-anak kita dalam universiti. Kita tentukan bahawa kita mengeluarkan anak-anak muda yang dapat saing kepada perubahan yang akan berlaku dengan pindaan ini, dengan izin.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pengerang kerana memberi peluang untuk memohon penjelasan kerana ada kenyataan awal Yang Berhormat Pengerang tadi menyebut bahawa ada institusi pengajian tinggi yang mendidik anak-anak kita sebagai peguam mungkin terpaksa diluluskan kerana mereka mesti meluluskan sejumlah peguam untuk masuk ke dalam pasaran kita, sedangkan dia punya *caution* tadi mereka mungkin tidak sampai kepada tahap boleh *handle* bahasa Inggeris dan sebagainya.

Apakah ini keadaan yang benar-benar berlaku atau kerisauan yang ada pada Yang Berhormat?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Yang saya hendak sebut ialah kalau kita tengok anak-anak muda kita yang belajar undang-undang dalam negara kita, dia hanya dapat lulus kepada subjek dalam *degree* tersebut. Dia buat *chambering* sembilan bulan mencukupi untuk menjadi peguam. Sembilan bulan *chambering* yang dia buat ini dia tidak perlu membuat undang-undang bertulis. Dia hanya pergi, keluar masuk ke mahkamah dan buat apa yang disuruh oleh dengan izin, *Master in Chambers* dia.

Akan tetapi kalau mereka adalah pelajar universiti yang buat undang-undang daripada luar negara yang balik ke negara kita, dia kena buat pengkhususan undang-undang Malaysia yang kita belajar di universiti tempatan empat tahun dikumpulkan hanya dalam masa satu tahun. Dia perlu membuat supaya dia dapat dilihat dan disesuaikan dalam undang-undang tempatan. Kalau kita tengok negara luar pula, dia hendak menjadi peguam, proses dia hendak menjadi peguam itu bukan proses yang mudah.

Sembilan bulan sistem *chambering* kita dengan izin, ialah pergi – saya sendiri jadi peguam dahulu sembilan bulan kerja saya naik bas turun bas, angkat *briefcase*, *master* saya punya *robe* saya bawa. Dia suruh buat kopi, saya buat kopi. Itu yang saya belajar sembilan bulan selepas itu bolehlah menjadi peguam. Akan tetapi hendak jadi hebat atau tidak jadi hebat peguam itu terpulang kepada individu itu sendiri.

Jadi jawapan saya kepada soalan itu ialah kita mesti menentukan bahawa bila anak-anak kita keluar daripada universiti, persediaan mereka kepada apa yang kita hendak buat dalam pindaan ini. Kemungkinan perkara ini berlaku kerana kerajaan kata tidak cukup pakar. Jadi isu kita, apakah tidak kita bila mendidik anak-anak kita belajar contohnya dalam profesion guaman tentukan setiap universiti mengeluarkan pengkhususan kepakaran tersebut. Janganlah main belajar semua sahaja setakat ada sarjana dia boleh memanggil diri dia peguam.

Itu sebab dalam aspek saya hendak timbul contohnya dalam aspek undang-undang kecuaiian sebagai contoh, dengan izin, *negligence of the lawyers*. Benda ini berlaku sebab peguam yang pergi ke mahkamah sebagai contoh, dia tahun satu, tahun dua dia keluar daripada universiti dia sudah menjadi peguam dia boleh berdiri. Pergi ke mahkamah rendah atau mahkamah tinggi tidak ada masalah. Yang dia lawan di depannya mungkin sudah sepuluh atau 15 tahun menjadi peguam. Jadi kita tidak ada sistem yang mana umur tertentu dengan pengalaman tertentu sahaja yang boleh pergi ke

mahkamah. Ini dalam aspek litigasi tetapi dalam aspek guaman yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, sebagai contohnya yang berlaku hari ini ramai peguam tempatan kita bila hendak mendapat pandangan antarabangsa dia mendapat pandangan dari syarikat antarabangsa tetapi pandangan ini dilihat dengan izin, sebagai *legal opinion*, dibayar.

■1210

Akan tetapi yang kita hendak melakukan hari ini, yang berlaku di Singapura sudah 20 tahun ialah kita mewujudkan syarikat guaman yang mempunyai kepakaran daripada luar atau mewujudkan syarikat guaman yang luar, *joint venture*, dengan izin, dengan syarikat tempatan. Akan tetapi seperti yang saya sebutkan tadi, kita mesti mengingati ini bahawa langkah yang kita hendak buat ini memang baik untuk imej negara, memang baik untuk ekonomi negara tetapi kita tidak mahu ia menjadi mangsa, menjadi senjata, menjadi pisau kepada syarikat-syarikat guaman di luar bandar yang kecil dan dalam saiz sederhana.

Sebab itu kalau kita tengok ini berlaku, maka secara tidak langsung bolehlah rakyat berkata bahawa kerajaan kita kerajaan zalim. Jadi, saya berharaplah Menteri yang bertanggungjawab mesti mempunyai sistem *facility*, dengan izin, supaya mereka dapat mempunyai peluang yang setimpal, peluang yang sama. Sebab kalau tidak, orang yang ada duit Timbalan Yang di-Pertua, orang yang ada duit, dia akan mendapatkan peguam yang terbaik. Akan tetapi tidak semestinya syarikat guaman yang besar yang peringkat antarabangsa itu lebih hebat daripada syarikat tempatan ataupun syarikat kecil. Akan tetapi disebabkan persepsi, disebabkan imej, maka mereka dianggap lebih baik daripada syarikat yang lebih kecil dan syarikat yang sederhana.

Yang saya tidak puas hati Timbalan Yang di-Pertua, ialah isu pelantikan peguam-peguam tempatan dalam syarikat GLC kerajaan. Saya tidak faham. Takkanlah bila hendak lantik, main bagi kes-kes, dengan izin, *debt collection* sahaja. Main pergi tarik kereta, pergi main saman untuk kredit kad. Takkan itu imej syarikat kita dalam negara kita. Kes besar-besar, pandangan *international*, dengan izin, *legal views*, *legal opinion*, semua bagi syarikat antarabangsa. Macamlah orang itu lagi pandai daripada kita.

Itu sebabnya *point* ketiga saya Timbalan Yang di-Pertua, Kita mesti menjamin daripada kerajaan kewujudan *transfer of technology*. Kerajaan mesti mewujudkan satu sistem, kehadiran mereka akan memberi jaminan, kebaikan kepada mereka dalam bidang yang sama iaitu anak tempatan. Kita mesti mencari caranya. Tidak ada gunanya kita menjemput mereka, saya yakin hari ini rakyat Malaysia peguam hendak jadi peguam di

Amerika Syarikat tidak boleh. Hendak jadi peguam dekat Australia, tidak boleh, hendak jadi peguam dekat United Kingdom, mati hidup balik pun tidak boleh. Kena pergi melalui sistem Bar mereka.

Jadi, kalau inilah yang kita hendak bawa kerana kita berkata bahawa kita kekurangan mereka yang lebih berilmu dan lebih pandai, saya menerima. Akan tetapi kita mesti mewujudkan satu sistem yang mana *transfer of technology* itu mesti diwujudkan. Setakat 60 hari keluar masuk boleh dan sebagainya, saya tahu itu memang satu proses sahaja. Akan tetapi kita tidak hendak kerana mereka sudah masuk, mereka mempunyai kemahiran, dia main simpan sesama dia, anak-anak kita dekat universiti, syarikat-syarikat peguam yang kecil, sederhana itu apa hendak jadi?

Kemungkinan kelebihan kita satu sahajalah, kita ini sebuah negara yang kata orang begitu besar. Kita mempunyai sistem-sistem dalam segi mahkamah dari aspek majistret, pergi aspek Mahkamah Tinggi dan sebagainya kemungkinan masih boleh dilaksanakan kerja-kerja untuk syarikat guaman yang kecil dan sederhana. Akan tetapi isunya, bagaimana kalau kemasukan mereka daripada luar nanti menjadikan satu kebiasaan, maka akan wujudnya kehakisan kepada individu tempatan untuk berjaya. Ini bagi saya *point* ketiga yang mesti diingati oleh kerajaan melalui Menteri.

*Last* sekali, saya hendak sebut Timbalan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu *legal aid*, dengan izin, ataupun saya hendak sebut bantuan guaman. Sekarang ini, hari ini bantuan guaman kita banyaknya kepada isu-isu, kes-kes jenayah. Dalam aspek ini saya takut dengan kemasukan syarikat-syarikat guaman besar, syarikat-syarikat guaman kecil dan syarikat-syarikat guaman sederhana tidak mampu untuk menjalankan kerja bagi anak guam mereka.

Jadi, kalau boleh sistem bantuan guaman itu diperbesarkan pada aspek undang-undang sivil. Kemungkinan subsidi petrol yang telah ditarik balik oleh kerajaan itu, kerajaan boleh turunkan duit itu untuk bantu dalam kes-kes guaman, bukan sahaja dalam aspek jenayah supaya kes-kes sivil juga rakyat dan masyarakat boleh diberi manfaat. Kalau tidak, apa yang berlaku hari ini Timbalan Yang di-Pertua, banyak kes bankrap. *Alhamdulillah* kerajaan sudah mewujudkan undang-undang, siapa jadi *guarantor* itu tidak semestinya automatik itu kepada kebangkrupan. Akan tetapi inilah yang berlaku.

Ini jangan cakap pula anak-anak kita dalam PTPTN yang tidak bayar, kalau ikut sistem semua boleh jadi bankrap. *Alhamdulillah* kerajaan memang peka, kita tidak hendak anayakan mereka dalam isu pinjaman pelajaran. Akan tetapi yang penting kita mesti ingat Timbalan Yang di-Pertua, bahawa kemasukan yang luar itu baik tetapi



janganlah kita terlampau khusyuk kepada mereka, kita terlampau hadap kepada mereka, bahawa merekalah yang lebih bijak daripada kita. Kita mesti ingat ini negara kita, walaupun biar dia masuk, *joint-venture* ke apa Timbalan Yang di-Pertua, biarlah kita majoriti. Kita memimpin supaya dia mengikut kita dan bukan kita mengikut dia. Dengan itu, saya Pengerang, menyokong kepada pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

**12.15 tgh.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terima baik pindaan Akta Profesion Undang-undang dan akan mengatakan syabas kepada Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri kerana cara isu liberalisasikan satu perkhidmatan dikendalikan. Di sini kita tengok kita sendiri bawa beberapa pindaan dalam sistem pengawasan perundangan kita. Ini juga dibawa selepas kita bincang dengan peguam-peguam kita. Saya rasa ada beberapa mesyuarat dengan *Bar Council* di mana isu-isu ini di bincang dan apakah sektor di dalam perundangan yang akan dibuka untuk peguam daripada luar negara ini di bincang oleh kita sendiri dan selepas itu kita bawa ini undang-undang, sebahagian daripada sektor perkhidmatan ini dibuka.

Sistem kaedah ini saya mengalu-alukan. Ini jika kita banding dengan kaedah yang dipakai dalam perundingan TPPA di mana satu sektor seluruhnya dibuka 100% kepada peguam-peguam atau bukan daripada profesional daripada luar negara, kaedahnya begitu berbeza. Macam untuk perakaunan, untuk insurans, untuk sektor kesihatan, untuk sektor *secretarial services*. Apa yang dipohon oleh Amerika Syarikat dalam TPPA ialah semua sektor ini dibuka serta-merta 100% dan firma-firma daripada Amerika Syarikat, daripada Australia boleh masuk dan kendalikan dan buat *business* secara undang-undang.

Bila kita *sign* TPPA ini, katakan satu firma *accountant* Amerika hendak buat apa-apa kerja *accounting* di Malaysia dan kita cuba sekat dia, dia boleh bawa kita ke Mahkamah Antarabangsa katakan ini bukan *national treatment*. Jadi, kaedah yang dipakai dalam kes ini, dalam kes rang undang-undang untuk perguaman ini, satu kaedah yang begitu baik kerana ini kita sendiri *initiate* selepas kita bincang secara dalam dengan sektor itu dan ini dibawa oleh Akta Undang-undang Dalam Negeri. So, kita buat undang-undang ini, jika kita hendak tukar undang-undang ini dimasa depan kita katakan kita

terbuka terlebih, kita boleh buat pindaan pada undang-undang ini dan buat perubahan dalam kelonggaran yang diwujudkan dalam undang-undang ini.

Akan tetapi TPPA sekali kita *sign*, itu kontrak dengan Amerika Syarikat dan dengan sebuah lagi negara, tidak boleh *draw-back*, tidak boleh pinda balik, tidak boleh kurangkan, tidak boleh sekat, tidak boleh ubahsuai. *So, saya, I acceptlah*, saya terima baik, saya katakan syabas, inilah caranya kita hendak liberalisasikan, inilah caranya. *Add our own steam, at our own pace*. Dengan kita bincang dengan sektor-sektor kita.

Saya harap ada orang daripada MITI di sini tolonglah belajar daripada *example* ini. Ini cara baik. Liberalisasi ya, kita kena buat tetapi macam mana. Bukan *at the point of a gun* katakan *you* kena *sign*. *So*, ini saya ingat saya haraplah, MITI, *especially* MITI, tolong belajar daripada Jabatan Perdana Menteri dan juga Jabatan Perdana Menteri tolong nasihat MITI, apakah caranya kita kendalikan ini, saya pohon sokong.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, saya mintak penjelasan sedikit.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Ya, sebelum itu.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Saya berfikir lain daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi tetapi apabila beliau memberi penjelasan, saya agak tertarik. Dalam penjelasan Menteri semasa membentangkan rang undang-undang ini tadi, beliau mengatakan bahawa pindaan ini dibawa ekoran daripada kedudukan Malaysia sebagai penandatanganan dalam *General Agreement of Trade Services WTO*. Ini berlaku dalam tahun 2006 kah? Ertinya, kalau begitu sudah agak lama, sudah 7-8 tahun baru kita membuat pindaan ini.

#### ■1220

Mengapa kita mengambil masa begitu lama untuk membuat pindaan sedangkan kita sudah *commit* kepada *gap* ini beberapa tahun yang lalu. Jadi, bila dikaitkan dengan TPPA, maka saya ingin meminta pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Siput. Adakah pindaan ini sebenarnya dibuat untuk persediaan kita menandatangani TPPA supaya kita berada dalam keadaan yang lebih selamat, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Akan tetapi kalau itu tujuannya, saya rasa kita memerlukan suatu pindaan yang lebih kuat, boleh lebih meletakkan kedudukan kita lebih selamat apabila TPPA ditandatangani. Tidak sekadar pindaan yang agak saya rasa tidak cukup kuat ya kerana ada perkaranya yang memberikan kelonggaran.

Contohnya, kalau peguam asing ini melibatkan diri dalam beberapa perkara yang melibatkan isu guaman, tidak boleh menyentuh undang-undang Malaysia contohnya tetapi kalau boleh dijustifikasikan tidak melibatkan fi, dia boleh melibatkan diri.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya rasa ini agak longgar ya, kalau kita tidak mahu mereka menyentuh undang-undang Malaysia, mereka tidak boleh menyentuh *fee or without fee*. Itu yang saya hendak mohon pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Okey, saya rasa ini bukan dibawa oleh kerana – okey, mungkin ia ada berkaitan kerana saya difahamkan oleh kawan-kawan saya di *Bar Council* bahawa mereka telah minta kepada MITI untuk dipanggil *...out legal profesion* daripada TPPA. Jadi, *you* jangan ikut rentak mereka. Jangan dia ikut dia punya *phase* untuk kita *open up* kita punya *legal services*. *So*, untuk itu apa yang mereka telah bincang ialah macam itu *bread and butter cases* macam *accident, divorce, house-bound* semua, kita jangan bagi peguam di luar negara masuk dan campur tangan. Akan tetapi untuk macam ini, *arbitration* yang mana ada *discussion*, ada antara pihak-pihak besar, firma-firma multinasional semua, dikatakan itu kita boleh buka dengan syarat-syarat macam ini.

*So*, ini adalah satu usaha oleh *Bar Council* untuk respons kepada TPPA kerana *pressure* daripada luar ialah buka seluruhnya. Ada baik untuk liberalisasi bagi firma-firma lain daripada Amerika juga, buka dia punya sekatan, masuk sini dan dia boleh buat apa juga dia mahu dengan undang-undang di belakang dia. Lepas kita *sign* macam itu, dia boleh buat apa-apa pun. Dia boleh buat *divorce case*, dia boleh buat *house conveyancing*, dia boleh buat semua dan kita tidak boleh sekat dia. Akan tetapi *Bar Council* telah berunding dengan kerajaan katakan *...up*, jangan beri mereka buka sistem guaman dalam TPPA, itu simpan di luar TPPA tetapi kita buka secara berperingkat.

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** *[Bangun]*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Saya rasa Yang Berhormat Kuala Krai, ini saya ingat memberi fakta di sini. Satu ialah ada perundingan antara kerajaan kita dengan profesional yang terlibat, satu. Yang kedua, kita buka secara berperingkat, *what we ready* kita buka dulu. Yang ketiga, kita yang buka dan bukan dipaksa oleh satu perjanjian. *So*, jika kita buka, kita boleh tutup balik juga. Ini semua kaedah yang cantik. Kenapa ini tidak boleh dipakai untuk semua sektor lain dalam

perkhidmatan? Sekarang, apa yang dipohon oleh Amerika Syarikat dalam TPPA ialah buka segalanya, *open up fully 100%, no entry*.

Saya ingat cara kita kendalikan ini bijak, bijak. Kita kena pakai kaedah yang sama untuk semua sektor. *So, saya rasa, I terima, I terima pindaan ini dan pendekatan yang dipakai dalam pindaan ini dan saya pohonlah kerajaan pakai pendekatan yang sama dalam semua, sektor juga. Step by step, peringkat, on our own team* di mana kita boleh tarik balik dan dengan adakan perbincangan dengan pihak sektor. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat.

**12.24 tgh.**

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian untuk membahar dalam kedua-dua rang undang-undang untuk meminda Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013. Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan tajuk ringkas Rang Undang-undang D.R. 5/2013. Kalau kita rujuk kepada tajuk ringkas iaitu fasal satu iaitu akta ini boleh dinamakan Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013. Adakah pindaan sebegini akan dilakukan pada masa yang akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang D.R. 5/2013 bertujuan untuk meminda Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012, [Akta A1444] yang telah terima perkenan Raja pada 5 September 2012 tetapi setakat hari ini Menteri masih belum melalui pemberitahuan menetapkan tarikh bagi permulaan kuat kuasanya. Tuan Yang di-Pertua, fasal 2 yang bertujuan untuk meminda subseksyen 12 [Akta A1444] dengan mengadakan peruntukan bagi tarikh berperingkat bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam akta tersebut.

Kita di sini harus mempertimbangkan sama ada satu tarikh yang sama, lebih sesuai atau tarikh berperingkat adalah perlu bagi permulaan kuat kuasa seksyen-seksyen yang berlainan, yang terkandung dalam [Akta A1444]. Ini kerana [Akta A1444] mempunyai 21 seksyen untuk meminda dan menambah baik [Akta 166] yang mengandungi 152 seksyen yang diguna pakai untuk mengawal dan mengurus serta mentadbir tingkah laku serta segala urusan peguam yang beramalan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkas kata adalah tidak wajar bagi Menteri menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa akta tersebut. Di sini saya cadangkan perkataan-perkataan seperti mana dalam [Akta A1444] kekal diguna pakai

iaitu akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam warta iaitu satu tarikh yang seragam untuk permulaan kuat kuasanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaan, pindaan akta dilaksanakan atas sebab akta-akta itu telah menjadi *absolute*, dengan izin, iaitu tidak sesuai lagi diguna atau terdapat keadaan yang timbul yang memerlukan keperluan pindaan yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga merujuk kepada Rang Undang-undang D.R. 6/2013. Seperti yang telah bahaskan tadi, Menteri seharusnya menetapkan tarikh yang seragam bagi permulaan kuat kuasa pindaan ini khususnya Rang Undang-undang D.R. 6/2013 cuma merujuk kepada satu isu utama sahaja iaitu prosiding timbang tara.

Oleh itu adalah dicadangkan fasal 1 dan 2 digantikan dengan perkataan berikut. Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam warta. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan kaedah-kaedah untuk mengendalikan dan menguruskan hal ehwal berkaitan prosiding timbang tara adalah tertakluk kepada Akta Timbang Tara 2005 iaitu [*Akta 646*]. Rang Undang-undang D.R. 6/2013 cuma secara nyata dan ketara mengeluarkan perkara timbang tara daripada skop [*Akta 166*] maka sokongan adalah perlu untuk kelulusan demi senang pentadbiran prosiding timbang tara.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan hujah-hujah di atas saya menyokong Rang Undang-undang D.R. 5/2013 dan D.R. 6/2013 kerana pergerakan profesional adalah digalakkan dengan syarat dapat dikawal dengan mekanisme yang teratur dan terkawal. Ia dapat menarik kemahiran di antara pakar-pakar yang sedia ada di Malaysia dan juga sokongan juga perlu untuk memastikan komitmen antarabangsa Malaysia di bawah *World Trade Organization* (WTO). Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Bharu.

#### ■1230

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih di atas keizinan yang diberikan kepada saya untuk turut sama menyumbangkan pandangan dan juga membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan ini iaitu rang undang-undang untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menerima pakai dan menerima baik pandangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberi pandangan sebelum ini, termasuklah Yang Berhormat Segambut dan juga Yang Berhormat Pengerang yang telah memberikan pandangan betapa perlunya suatu pindaan ini dibuat selaras dengan arus globalisasi dan juga liberalisasi ekonomi yang turut dialami oleh negara kita khususnya di dalam bidang guaman ini.

Namun demikian, beberapa pandangan khususnya telah diberikan oleh Yang Berhormat Pengerang tadi adalah pandangan yang mungkin agak terlewat. Sepatutnya pandangan tersebut telah diberikan semasa membahaskan pindaan terhadap akta ini pada tahun 2012 dulu, yang telah sebagaimana diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri tadi telah pun lulus untuk digazet, cuma Yang Berhormat Menteri belum lagi menetapkan tarikh untuk menguatkuasakan akta yang dipinda tersebut.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan rang undang-undang yang sedang kita bincang dan bahaskan sekarang ini iaitu mengenai sejauh mana kerajaan boleh menjamin perkara-perkara yang menjadi peraturan yang perlu dipatuhi oleh peguam-peguam asing ini dipatuhi oleh mereka apabila ianya dikuatkuasakan terhadap mereka.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat cadangan di dalam rang undang-undang ini khususnya di dalam subseksyen 2B(b) yang berbunyi:

*“2B(b) subseksyen 2A tidaklah terpakai bagi peguam asing yang memasuki Malaysia untuk menasihati atau merundingi anak guam tentang perkara-perkara atau perkara berkenaan undang-undang yang tidak melibatkan apa-apa aspek undang-undang Malaysia”*

Itu saya punya itu. Jadi dalam kes ini Tuan Yang di-Pertua, andaikanlah seorang peguam asing, mereka tidak memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan kita untuk mereka mendaftarkan sama ada firma mereka ataupun mendaftarkan individu mereka sendiri sebagai peguam yang menjalankan amalan di Malaysia. Apa kata jika sekiranya mereka memberikan nasihat kepada syarikat-syarikat atau individu-individu dalam negara kita ini melalui saluran internet ataupun e-mel. Mereka tidak hadir sendiri ke dalam negara kita ini. Mereka tidak mendaftarkan diri untuk mendaftar mereka ataupun firma mereka di Malaysia ini, tetapi mereka mempunyai peluang melalui saluran IT untuk mereka memberikan pandangan walaupun mereka tidak berada di dalam negara kita ini.

Keduaanya Tuan Yang di-Pertua, ini juga satu perkara yang mungkin tidak disentuh di dalam cadangan ataupun di dalam rang undang-undang untuk pindaan seksyen 37 ini,

iaitu apabila dikatakan peguam-peguam asing ini yang saya bacakan tadi, mereka boleh memberi nasihat kepada perkara-perkara yang tidak melibatkan aspek undang-undang Malaysia, tetapi mereka itu sebagai contohnya, kalaulah orang yang terlibat untuk mendapatkan nasihat itu adalah warga asing.

Sebagai contohnya seorang warga asing telah menjadi mangsa, bukan mereka dituduh, mereka menjadi mangsa dalam satu kejadian di Malaysia. Misalnya mereka dibunuh, mereka terlibat dalam satu pembunuhan maka keluarga kepada warga asing ini, mereka ingin melantik peguam asing yang menjalankan amalan di luar daripada Malaysia, mereka hendak mengambil peguam ini untuk menjadi peguam pemerhati sahaja atau dengan izin, disebut *watching brief* semasa prosiding kes jenayah terhadap orang yang menyebabkan kematian warga asing itu.

Katakanlah seorang warganegara Pakistan ataupun...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Mongolia, Mongolia.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Mongolia pun bolehlah. Jadi warga asing ini dibunuh di Malaysia. Orang yang dituduh untuk dituduh membunuh warga asing ini telah dihadapkan ke mahkamah. Mereka itu mengambil peguam di Malaysia, *of course*. Akan tetapi keluarga warga asing ini ingin mengambil peguam asing bukan sebagai peguam, bukan untuk membela kerana mereka tidak dituduh. Akan tetapi peguam asing untuk memberi nasihat atau menjadi peguam pemerhati kepada keluarga mangsa ini di dalam mahkamah di Malaysia ini. Adakah boleh?

Jadi inilah beberapa perkara-perkara yang saya kira satu lompong ataupun satu gap yang belum lagi diperjelaskan melalui rang undang-undang ini yang mungkin kalau tidak diperjelaskan akan menjadikan satu lakuna ataupun satu kekeliruan, kekaburan untuk kita hadapi kes ini di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya sekali lagi menyokong atas dasar globalisasi dan juga liberalisasi ekonomi terhadap pindaan ini dengan syarat bahawa perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi sebagai sumbangan untuk diperbaiki mungkin, rang undang-undang ini diberikan perhatian oleh pihak kerajaan supaya ia dapat dilaksanakan dengan baik dan tidak dijadikan sebagaimana Yang Berhormat Segambut menyebutkan tadi sebagai *laughing-stock* kepada peguam-peguam asing itu sendiri.

Pentingnya mereka dipastikan – apabila kita meletakkan garis panduan supaya mereka mematuhi termasuklah mematuhi Lembaga Tatatertib (*Bar Council*), mesti dipastikan mereka itu benar-benar mematuhi apa yang telah ditetapkan oleh undang-undang yang ada di dalam negara kita ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: [Bangun]**

**12.37 tgh.**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan dalam sesi perbahasan pindaan Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang 1976.

Tuan Yang di-Pertua sebelum saya memulakan, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan di atas pindaan ini yang saya lihat sebagai satu elemen dengan izin, *managing liberalization* dalam sektor guaman.

Tuan Yang di-Pertua, gesaan beberapa orang ahli akademik dan korporat di dalam Persidangan Perundangan Kebangsaan supaya para peguam di Malaysia meluaskan skop perkhidmatan dan perniagaan mereka perlu diambil perhatian serius oleh semua peguam di negara ini. Firma-firma guaman Malaysia diharapkan dapat mempromosikan khidmat dan kemahiran mereka di luar negara untuk membantu pelabur dan syarikat perniagaan asing menjalankan perniagaan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, adakah dengan pindaan undang-undang ini semacam terdapat pembayang bahawa standard peguam-peguam di Malaysia semakin menurun. Ini boleh memungkinkan perlukah timbulnya penubuhan satu jawatankuasa khas bagi pihak kerajaan untuk mengkaji cadangan diadakan peperiksaan bersama semua lulusan undang-undang universiti tempatan dan luar negara sebelum mereka layak menjadi peguam memandangkan kita masih kekurangan dalam bidang-bidang tertentu setelah 56 tahun merdeka. Jawatankuasa khas ini diharapkan dapat memulakan kajiannya dari semua sudut yang melibatkan pengajian akademik undang-undang di universiti dan latihan amali di firma guaman sebelum menjadi seorang peguam serta mengkaji bidang-bidang kemahiran yang masih belum dikuasai oleh peguam-peguam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, profesion guaman kini bukan lagi menjadi profesion elit dan kerjaya *glamour*. Ini kerana terlalu ramai graduan undang-undang yang dikeluarkan oleh universiti tempatan saban tahun. Keadaan ini ditambah pula dengan graduan undang-undang dari universiti luar negara dan diparahkan lagi dengan kehadiran graduan yang mengambil program ijazah undang-undang secara luar kampus dari luar negara. Ini seterusnya mengakibatkan persaingan bagi menawarkan khidmat guaman adalah amat sengit. Banyak firma guaman kecil tumbuh bagai cendawan selepas hujan. Ada yang hanya mampu hidup kurang dari tempoh setahun. Kedapatan juga graduan-graduan



undang-undang yang baru diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara terus menubuhkan firma guaman sendiri.

#### ■1240

Tuan Yang di-Pertua, paling menyedihkan terdapat firma guaman yang beroperasi berkongsi ruang perniagaan dengan kedai makan dan di lorong-lorong yang kurang sesuai dan ia menjatuhkan imej dan kredibiliti peguam itu sendiri. Akhirnya berlakulah penurunan standard peguam-peguam di Malaysia. Usaha strategik terancang dan terselaras perlu dibuat oleh semua pihak yang berkaitan sama ada pihak kerajaan, akademik mahupun Majlis Peguam.

Saya di sini ingin mencadangkan agar satu dana khas disediakan oleh pihak kerajaan untuk melatih kemahiran serta bidang baru yang kurang diceburi oleh peguam tempatan. Dana ini boleh digunakan oleh IPTA atau agensi-agensi yang lain bagi melatih penuntut-penuntut tahun akhir Fakulti Undang-undang bagi mendalami ilmu serta kemahiran yang kurang ada di Malaysia. Sebagai contoh jika kita lihat silibus yang diajar di Fakulti Undang-undang universiti tempatan, kita akan dapati sedikit undang-undang antarabangsa atau berkaitan undang-undang antarabangsa ditawarkan kepada pelajar undang-undang kita. Kadang-kadang ianya dianggap sebagai subjek pilihan yang sudah pasti kurang mendapat sambutan oleh para pelajar. Perkara yang sama turut berlaku dalam pengajian di peringkat Sarjana Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, di kala universiti luar negara sudah lama menyediakan pengkhususan tertentu dalam pengajian peringkat Sarjana Undang-undang, malangnya keadaan yang sama tidak berlaku di negara kita. Di sesetengah universiti tempatan di Malaysia bidang pengkhususan tertentu peringkat sarjana pun agak kecil jumlah penawarannya. Ini semua memberi kesan kepada standard para peguam di Malaysia bagi meningkatkan keilmuan dan kemahiran dalam perundangan tertentu khususnya perundangan antarabangsa. Akhirnya terpaksa mereka menjadi jagoan di kampung sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita teliti dua kes yang melibatkan Malaysia yang telah dibawa ke mahkamah atau tribunal antarabangsa iaitu Mahkamah Keadilan Antarabangsa di *The Hague* dan Tribunal Antarabangsa Undang-undang Laut di Humburg, Germany. Kes ini melibatkan isu kedaulatan dan sekali gus keselamatan negara iaitu kes kedaulatan Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan antara Indonesia dan Malaysia yang telah diputuskan pada tahun 2002 dan kes tebus guna tanah oleh Singapura di Selat Johor antara Malaysia dan Singapura pada pertengahan tahun ini. Barisan pendakwa dan

peguam bela bagi Malaysia untuk kedua-dua kes ini, maka kita akan lihat nama-nama seperti Elihu Lauterpacht, James Crawford dan Nicolaas Jan Schrijver. Ia hanya dalam kes kita dengan Singapura, terselit nama anak tempatan iaitu Tan Sri Abdul Ghani Patail. Ini menyebabkan kita kelihatan masih lagi bergantung harap kepada bangsa-bangsa yang pernah menjajah kita dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia dalam kes Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan diketuai oleh Tan Sri Abdul Kadir Mohamad, Duta Kembara sebagai agen dan Datuk Noor Farida yakni Duta Malaysia ke *The Hague* sebagai agen bersama dan kes tebus guna tanah oleh Singapura, Malaysia pula diketuai oleh Tan Sri Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri sebagai agen dan Datuk Kamal Ismail, Duta Malaysia ke Berlin sebagai agen bersama, sudah pasti fungsi dan tugas agen atau agen bersama berbeza dengan tugas serta tanggungjawab sebagai pihak pendakwa dan peguam bela Malaysia dalam membentangkan kes Malaysia di sidang mahkamah atau tribunal antarabangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya walaupun Malaysia menggunakan pendakwa dan peguam bela warga asing, namun hala tuju perjalanan kedua-dua kes ditetapkan oleh anak watan Malaysia sendiri. Begitu juga halnya dengan kajian dan pengumpulan bukti-bukti sokongan yang banyak menggunakan tenaga pakar dan hasil kerja anak tempatan. Namun hakikatnya siapa yang mengolah dan mencanai skrip penghujahan dan pernyataan balas yang menjadi teras dalam setiap kes.

Tuan Yang di-Pertua, barisan pendakwa dan peguam bela asing ini dibayar dengan kadar yuran guaman yang tinggi disebabkan kepakaran dan standard guaman mereka yang telah terbukti hebat. Sebagai peguam profesional antarabangsa, para peguam asing ini boleh menjadi pendakwa dan peguam bela negara lain dalam kes-kes yang lain. Sebagai contoh, mungkin Malaysia terpaksa mengemukakan penghujahannya untuk menuntut pemanjangan pelantar benuanya kepada Suruhanjaya Had Pelantar Benua (CLCS) dan sekali lagi Malaysia akan memerlukan para peguam antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang yang sedia ada dalam pindaan ini, orang asing tidak dibenarkan menjalankan amalan guaman di Malaysia. Akan tetapi dengan adanya undang-undang yang dicadangkan itu, firma guaman negara ini boleh menggunakan khidmat peguam asing dan mengambil firma luar negara sebagai rakan kongsi masing-masing. Saya difahamkan hanya lima firma undang-undang antarabangsa yang layak akan dibenarkan menawarkan khidmat guaman dalam bidang kewangan Islam dan ini adalah perkembangan penting dalam sejarah profesion guaman kita di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat proses itu perlu dilaksanakan secara berhati-hati untuk memastikan syarikat Malaysia mendapat khidmat guaman yang berkualiti tinggi. Ini bererti syarat ketat berkaitan kelayakan dan badan kawal selia yang berkesan perlu diwujudkan. Kerajaan juga harus meneliti kaedah bagaimana untuk mengawasi etika serta tatasusila peguam-peguam asing ini yang telah dibenarkan berada di Malaysia, antaranya:

- (i) bagaimana kaedah pembahagian ekuiti antara peguam asing dan peguam tempatan; dan
- (ii) bagaimana perkhidmatan mereka ini tidak akan menimbulkan perkara-perkara yang boleh mencabar kedaulatan serta budaya negara kita serta bagaimana kerajaan boleh mendapat manfaat ekonomi seperti cukai pendapatan dan lain-lain daripada khidmat peguam-peguam asing ini.

Di sini saya ingin mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini agar setiap lesen amalan guaman yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan perlu dipantau dan dikaji dari semasa ke semasa.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Maksud saya yang dikeluarkan oleh pihak *Bar Council* nanti perlu dipantau dan dikaji dari semasa ke semasa. Kerajaan harus tegas untuk membatalkan lesen amalan-amalan guaman yang diberikan kepada peguam-peguam asing sekiranya wujudnya anasir-anasir yang boleh mengganggu gugat kedaulatan negara kita. Satu unit atau jabatan khas perlu diwujudkan dalam Jabatan Peguam Negara bagi memantau setiap aduan serta perilaku peguam-peguam asing yang dibenarkan berada di Malaysia dan keahlian jawatankuasa yang akan menentukan lesen amalan guaman untuk diberikan kepada peguam-peguam asing ini perlu dimasukkan juga wakil daripada ahli akademik seperti dekan fakulti-fakulti undang-undang IPTA ataupun ahli akademik yang berpengalaman dalam bidang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya melihat pindaan Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012, (Pindaan) 2013 dan juga Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2013 ini merupakan satu langkah yang sangat positif yang saya anggap sebagai satu kaedah *managing liberalization*, dengan izin, yang akan mengukuhkan ekonomi negara, memantapkan sektor perkhidmatan perundangan timbang tara khususnya dalam sektor perkhidmatan negara amnya.

Langkah ini akan membantu menjadikan Malaysia sebagai hab perniagaan ulung di Asia dan pusat kewangan Islam di rantau ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Malaysia yang telah mengambil inisiatif ini. Syarikat Malaysia dan syarikat multinasional yang menjalankan perniagaan di negara ini akan diberikan ruang untuk mendapatkan nasihat guaman dari luar negara berkaitan urusan niaga yang membabitkan undang-undang asing. Pihak Jabatan Peguam Negara dan juga kepada Majlis Peguam harus mengambil tindakan proaktif untuk memantau dan meneliti setiap pergerakan dan perkhidmatan yang diberikan oleh peguam-peguam asing supaya tidak menimbulkan sebarang persepsi negatif daripada rakyat dan pengamal undang-undang tempatan.

Di sini juga saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih di atas beberapa pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat tadi berkaitan tentang isu kedaulatan di negara kita. Akhirnya saya mohon mencadangkan agar pindaan ini diterima dan dipersetujui. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai.

#### ■1250

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mengenai rang undang-undang ini secara prinsip, saya rasa kita tidak ada bantahan yang begitu serius terhadap liberalisasi seperti ini. Akan tetapi, kerajaan telah gagal untuk membuat perubahan secara komprehensif. Profesion guaman adalah satu profesion yang mana tahap kemahiran dan kecekapan yang amat tinggi diperlukan. Ia adalah satu profesion. *You make no mistakes* kerana apabila kemahiran yang tinggi tidak ada, maka rakyat, *public, consumer, client* yang akan menghadapi risikonya. Jadi, jika apabila peguam asing dibenarkan, kita lihat bahawa persaingan akan menjadi lebih sengit dan soalnya, apakah persiapan yang dibuat oleh kerajaan bagi menghadapi persaingan seperti ini.

Baru-baru ini kita lihat bahawa standard universiti-universiti kita yang mengeluarkan graduan-graduan undang-undang ini telah sekali lagi menurun prestasinya. Ini termasuk universiti *premier* kita iaitu Universiti Malaya dan juga universiti-universiti lain yang jatuh sekali lagi dalam prestasi. Bukan itu sahaja, berbanding dengan *National University of Singapore* (NUS) dan pada satu masa dahulu, Universiti Malaya dan NUS adalah institusi-institusi yang sama tetapi NUS telah begitu ke hadapan dan kita tertinggal. Masalah ini telah ditimbulkan banyak kali, berulang-kali sejak bertahun-tahun,

berdekad-dekad tetapi tiada tindakan yang serius diambil oleh pihak kerajaan seolah-olah kerajaan *paralyzed*, dengan izin, *paralyzed* apabila menghadapi masalah kejatuhan standard institusi pengajian tinggi kita.

Masalah menjadi lebih teruk disebabkan oleh akta-akta yang mengongkong dan membatasi pemikiran dan kemahiran penuntut-penuntut universiti. Contohnya adalah *Universities and Universities Colleges Act* (UUCA). Tahun lalu ataupun sesi Parlimen yang lalu ada pindaan yang cetek yang telah dibuat kepada UUCA tetapi ia masih mengongkong. Pengurusan universiti masih di dalam tangan pihak kerajaan, pelantikan utama kepada *Senate Chancellorship* dan sebagainya masih di dalam tangan Menteri. Disebabkan ini, kesan UUCA ini adalah satu kesan yang amat serius terhadap prestasi universiti-universiti kita.

Apa yang lebih penting dan relevan lagi kepada isu ini adalah bahawa disebabkan adanya UUCA, graduan-graduan kita kekurangan kebolehan untuk memikir seperti yang diperlukan di dalam profesion seperti profesion guaman, disebabkan UUCA penuntut-penuntut universiti kita diperlakukan seolah-olah mereka adalah penuntut masih di sekolah rendah ataupun sekolah menengah tinggi dan bukan seperti sepatutnya di dalam tahap universiti. Walaupun janji-janji dibuat, kita lihat ini adalah janji kosong, pindaan yang tidak mencukupi dan tidak memberi kesan yang besar pada kualiti graduan-graduan universiti kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang telah berada di dalam profesion guaman hampir 20 tahun, saya telah juga lihat kualiti graduan yang keluar dan kita tidak mahu menyalahkan graduan-graduan kita. Ini adalah kesilapan, kegagalan pihak kerajaan. Ada yang masuk *interview*, bahasa Inggeris yang *basic* pun tidak dapat menguasai bahasa Inggeris yang *basic*. Bagaimana mereka hendak *survive*, dengan izin di dalam profesion guaman yang tekanannya tinggi dan kemahiran yang tinggi diperlukan dan sekarang pula dengan kemasukan peguam asing pula? Bagaimana mereka hendak *survive* kerana di dalam profesion guaman, *text book*, *law journal*, *precedent* dan sebagainya semuanya adalah di dalam bahasa Inggeris. Juga semasa berhujah di mahkamah juga, ramai hakim juga memerlukan hujahan separuh bahasa Malaysia, separuh bahasa Inggeris dan apabila materialnya pun adalah dalam bahasa Inggeris, hujahan bahasa Inggeris, hujahan pun perlu ada di dalam bahasa Inggeris.

Jadi, ini masalah-masalah yang kita lihat dan juga isu kekurangan penguasaan bahasa Inggeris ini juga adalah isu yang lama, telah ditimbulkan berkali-kali tetapi sekali

lagi kegagalan mengambil tindakan yang serius untuk menangani masalah ini. Jadi, seperti saya kata...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Pencelahan Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Walaupun secara prinsip kita tidak ada...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Saya ingin mencelah sedikit di sini tentang profesion peguam ini kerana saya ingat profesion peguam dan profesion kedoktoran adalah dua profesion yang sangat dipandang tinggi oleh masyarakat kita. Saya bukanlah hendak mengatakan bahawa saya – saya ingin membandingkan sedikit di antara profesion perguaman dan profesion kedoktoran.

Saya lihat bahawa latihan dan pendedahan graduan-graduan perubatan lebih berstruktur kerana mereka ada dua tahun sekarang ini untuk dilatih. Itu pun bukan secara pengkhususan. Jadi selepas itu di dalam kedoktoran, sebelum seseorang itu dipanggil pakar dalam bidang kerana kita banyak sub-bidang. Saya percaya di dalam guaman juga sub-bidang, *sub-speciality* itu semakin banyak. Jadi untuk mengharapkan *fresh graduate*, seorang graduan baru untuk terus mendapat kemahiran tanpa ada struktur latihan pendedahan kepada mereka untuk *sub-speciality* ini tidak dirangka sama ada oleh pihak kerajaan atau oleh pihak *Bar Council*, Majlis Peguam, kita akan lihat bahawa masa depan peguam-peguam kita gelap. Saya lihat ramai peguam muda mengambil jalan mudah membuka mungkin *advocates and solicitors*, dan ramai yang buat bidang-bidang yang kurang mencabar.

Sehingga hari ini, saya akan terpinga-pinga apabila ada orang bertanya kepada saya, "*Yang Berhormat, boleh atau tidak rekomen peguam jenayah, peguam litigation ataupun untuk saman itu, saman ini dan sebagainya?*". Ini kerana saya lihat mungkin peguam diberi *recognition* ataupun pengiktirafan ini setelah nama mereka masyhur di dalam bidang guaman. Sekarang ini kalau orang tanya, saya hanya boleh sebut satu atau dua orang yang saya selalu tengok tampil dalam kes-kes di dalam akhbar. Akan tetapi bagaimana untuk orang ramai untuk mereka mencari peguam untuk kes mereka.

Jadi, mungkinkah untuk persediaan masa depan kita dengan liberalisasi bidang guaman ini, kita perlu melihat semula kepada skema latihan, skema pendedahan kepada anak-anak peguam muda kita yang baru *graduate*. Kita tidak boleh hendak salahkan universiti semata-mata kerana sebagai penuntut sekarang, saya rasa adalah mustahil

untuk mereka menguasai semua bidang. Dalam bidang perubatan pun begitu. Kita ada subjek-subjek, mata-mata pelajaran yang asas tetapi selepas itu mereka perlu menjalani pengkhususan untuk menjadi pakar dalam bidang-bidang tertentu. Apakah pendapat Yang Berhormat Padang Serai?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, memang itu menjadi masalah yang besar. Soalnya ialah *the basic* ataupun kemahiran-kemahiran *basic* pun tidak dapat dipelajari dengan sempurna semasa di bangku universiti. Saya lihat apabila datang *graduate* baru, dia hendak *chambering*, begitu *excited* dia hendak menjadi peguam, tetapi saya rasa simpati kepada mereka kerana tidak dapat menguasai apa yang perlu termasuk bahasa dan sebagainya dan *basic skills* itu, mereka menjadi begitu *intimidated*, tidak dapat *function* di dalam *environment* tekanan tinggi ataupun tidak dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna, takut dan sebagainya. Jadi, *to be fair* kepada graduan-graduan kita, saya harap pada masa yang sama kita menjalankan liberalisasi ini yang selari dengan obligasi-obligasi antarabangsa negara. Pada masa yang sama kita mestilah, kerajaan mestilah mengambil secara serius isu kekurangan prestasi universiti graduan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sambung petang nanti Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh sambung.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Saya sudah habis dah. Dengan itu, walaupun kita menyokong secara prinsip, harap-harap bahawa isu-isu ini dilihat. Terima kasih. Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sila. Ada wakil-wakil rakyat kita yang hendak berbahas lagi? Sila, Yang Berhormat Masjid Tanah.

**2.33 ptg.**

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk sama-sama saya membahaskan rang undang-undang pada hari ini. Saya juga ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada sahabat-sahabat saya yang merupakan pengamal undang-undang di atas usaha untuk membuka ruang dan peluang meliberalisasikan proses perundangan di dalam negara kita yang telah dinanti lama.

Mengikut [*Akta A1444*], peguam-peguam asing dibenarkan untuk menjalankan amalan di Malaysia melalui tiga kaedah. Yang pertamanya perkongsian antarabangsa, kedua firma guaman asing berkecualan dan yang ketiga khidmat untuk menjalankan amalan di bawah firma guaman tempatan. Pindaan ini telah diperkenalkan pada tahun lepas melalui [*Akta A1444*] dan merupakan petanda bahawa Malaysia telah bergerak satu langkah ke hadapan dalam meliberalisasikan landskap perundangan negara Malaysia. Antara kelebihan membawa masuk peguam asing ke negara antaranya ialah penambahan kepakaran dalam bidang amalan undang-undang terutamanya perbankan Islam sebagaimana yang kita ketahui mempunyai potensi yang tinggi di negara kita, juga melalui ramai graduan-graduan yang mempunyai latar belakang sistem perbankan Islam. Begitu juga kepakaran dalam undang-undang hutang antarabangsa, pasaran *capital equity*, *asset equity*, produk-produk berstruktur dan juga berbentuk terbitan dan perbankan serta transaksi korporat.

Kedua, perpindahan ilmu pengetahuan dan cara-cara kerja berkenaan dengan bidang perundangan antarabangsa contohnya isu-isu seperti *Malaysia Competition Commission*, MyCC sudah bermula melihat dan mengkaji fail-fail yang berkenaan dan amat bermanfaat kepada peguam-peguam untuk menimba ilmu daripada bidang kuasa berkenaan dengan perkembangan perundangan khusus bagaimana kita mengendalikan bidang baru undang-undang. Sebagai contohnya *airline cases* di mana firma-firma



guaman tertentu sahaja yang menguasai serta memonopoli bidang tersebut. Peguam tempatan akan dapat manfaat, pengalaman dan ilmu hasil dari pertukaran maklumat, idea dan strategi daripada peguam dan firma guaman asing.

Ketiga, penjenamaan firma-firma guaman tempatan yang dapat melalui pemilihan kerjasama serta rakan kongsi yang mempunyai reputasi yang lebih tinggi dan dikenali di peringkat antarabangsa.

Keempat, berusaha untuk berdaya saing dengan negara-negara luar yang telah melaksanakan proses liberalisasi lebih awal daripada Malaysia seperti contoh Singapura, di mana negara ini telah menjadi berprestij dan memperlihatkan keyakinan yang tinggi dalam aspek perundangan negara yang mana dapat mengendalikan kes-kes berprofil tinggi yang melibatkan undang-undang antarabangsa juga telah membuka peluang dan ruang kepada pelabur-pelabur asing.

Kita ingin menjadikan Malaysia lebih baik daripada negara-negara lain dengan hasil daripada pindaan ini. Saya juga berpendapat bahawa para peguam di Malaysia tidak perlu bimbang dengan pindaan baru ini kerana saya yakin dan percaya, hak mereka akan dilindungi seperti berikut. Pindaan ini diperkenalkan secara berperingkat-peringkat dengan hanya mengeluarkan lima lesen kepada firma guaman asing dan bukannya cara tergesa-gesa.

Selain daripada itu juga, lima firma guaman ini juga perlu melalui proses pemilihan yang ketat serta memenuhi beberapa kriteria dan perlu memberi *business plan* mereka kepada pihak autoriti yang berkenaan yang dianggotai oleh Majlis Jawatankuasa Peguam Malaysia dan juga Jabatan Peguam Negara. Pindaan ini hanya melibatkan firma-firma guaman yang berurusan dengan kes-kes yang melibatkan perundangan antarabangsa. Firma guaman lain tidak akan merasai kesan ataupun terkesan dengan pindaan ini. Sebagai contoh, firma guaman yang menjalankan *convincing* ataupun undang-undang keluarga.

Pindaan baru ini juga akan memastikan keselarasan dengan komitmen antarabangsa Malaysia di bawah *World Trade Organization* (WTO) bagi sektor perkhidmatan perundangan. Ini adalah sangat penting kerana kita tidak mahu menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak bertamadun serta ketinggalan ke belakang dan juga kolot.

Peguam luar yang masuk ke Malaysia perlu diperhalusi dan memenuhi beberapa kriteria yang ditentukan oleh *select committee* yang dianggotai oleh *Bar Council* dan juga

AG supaya mereka benar-benar ingin menyumbang kepada kefahaman undang-undang antarabangsa kepada peguam-peguam tempatan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, hari ini apa yang ingin kita bahaskan hanyalah berkaitan dengan membenarkan peguam-peguam asing untuk datang ke negara kita untuk memberi khidmat mereka dalam tempoh 60 hari. Dengan menjelaskan sekatan ini tidak diguna pakai kepada kes-kes yang melibatkan penimbang tara. Tempoh 60 hari ini saya percaya bukanlah ditetapkan secara suka-suka dengan izin *the random number that was plucked out from the sky*. Akan tetapi, mengambil kira semua faktor yang terlibat dan hasilnya 60 hari berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967, [Akta 53].

Sidang Dewan yang dihormati, pindaan 2012 hanya menjelaskan, hanya penimbang tara sahaja yang tidak dikenakan sekatan 60 hari. Akan tetapi, pindaan baru ini bukan sahaja melibatkan penimbang tara, tetapi melibatkan semua mereka yang ada di dalam prosiding timbang tara tersebut. Malaysia telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam menuju dan membangunkan negara yang mesra dengan pengamalan timbang tara ini. Pindaan baru ini akan menjadi dan memperlihatkan Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang mempunyai bidang kuasa timbang tara yang mesra atau lebih dikenali sebagai *arbitration friendly jurisdiction* dan menjadi sebuah destinasi pilihan utama yang menjanjikan penyelesaian, pertikaian alternatif. Kita juga berharap bahawa Malaysia satu hari nanti akan menjadi sebuah negara yang terkenal di mata dunia dengan perkhidmatan timbang tara.

Hari ini Malaysia merupakan negara yang penting dalam pengamalan timbang tara di kalangan negara-negara di Asia Pasifik. Perkembangan ini didorong oleh inisiatif yang diambil oleh kerajaan dan mahkamah mesra timbang tara. *Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration* juga telah melakukan pemasaran strategik yang berkesan sehingga menjadikan KLRCA sebagai sebuah institut yang menerajui arena timbang tara.

Ini juga akan menjadikan faktor pihak-pihak luar memilih Malaysia sebagai tempat untuk melakukan proses timbang tara yang mampu menjimatkan kos serta perbelanjaan.

#### ■1440

KLRCA juga adalah merupakan sebuah institusi yang mementingkan pengamalan integriti dan menjadikan ketelusan dalam segala bentuk pembayaran yang membolehkan Malaysia merupakan destinasi yang sesuai untuk menjalankan proses *arbitration* di rantau ini yang mana kos melakukan proses timbang tara di Malaysia adalah 60% lebih rendah daripada Singapura. Keseluruhannya kita melihat Malaysia merupakan negara yang

mesra dengan proses *arbitration* yang memperlihatkan kepada harga yang lebih kompetitif, kemudahan yang lengkap dan mudah diakses oleh pihak industri yang memerlukan. Ini akan mewujudkan sebuah senario perundangan negara yang lebih stabil dan boleh dipercayai yang mana akan menggalakkan keyakinan pelabur-pelabur luar untuk mendapatkan perkhidmatan penimbang tara atau pihak pengantara di Malaysia di mana mereka akan mendapat servis yang terbaik di negara ini hasil daripada proses liberalisasi pindaan ini.

Sidang Dewan yang saya hormati, walaupun pada dasarnya saya menyokong pada pindaan ini yang membenarkan kemasukan peguam-peguam serta firma guaman asing secara berperingkat-peringkat sebagaimana yang kita ketahui, lima sahaja lesen amalan guaman yang diberikan. Akan tetapi persoalan yang bermain di fikiran saya adalah adakah terdapat skala ataupun pelan jangka masa panjang ataupun sekatan dalam menambahkan jumlah lesen yang dikeluarkan. Memang betul bermula dengan lima, adakah tahun hadapan kita akan naikkan kepada 100 ataupun 50 ataupun 500. Ini boleh jadi.

Oleh sebab itu perlu dijelaskan apakah skala, sekatan atau pelan jangka masa panjang mengenai pengeluaran lesen amalan guaman ini kepada mereka ini dengan mengambil kira kekusaran yang dilahirkan oleh Yang Berhormat Pengerang terhadap peguam serta firma guaman bersaiz kecil dan sederhana di negara kita serta juga cadangan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor yang mana perlu diberi pengkhususan dan fokus dalam bidang undang-undang antarabangsa bagi pelajar universiti-universiti tempatan.

Persoalan kedua yang menjadi kemusykilan juga, dalam proses liberalisasi ini di mana kita akan melihat kesannya dalam jangka masa panjang, bolehkah pada masa akan datang sama ada secara langsung atau tidak langsung membuka peluang dan ruang kepada peguam dan firma guaman asing yang telah diintegrasikan dalam sektor perundangan kita. Adakah mereka akan dibenarkan untuk menyentuh tentang hal-hal perundangan Malaysia yang mana bidang-bidang amalan itu tidak dibenarkan pada masa akan datang? Dengan itu, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Sila Yang Berhormat Sepang.

**2.43 ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang

di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk turut sama partisipasi dalam perbahasan mengenai rang undang-undang pindaan yang dicadangkan. Seperti mana yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Parlimen yang lain, pada *spiritnya*, rohnyanya, pindaan ini tidaklah satu pindaan yang memberi satu kesan yang negatif kepada negara kita.

Akan tetapi pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebelum kita meluluskan mana-mana pindaan ini, kita harus mengkaji juga. Adakah negara kita sudah bersedia untuk membuka kemasukan peguam-peguam asing dalam negara kita ini. Ini kerana dikhuatiri pindaan ini adalah satu mukadimah ke arah untuk meluluskan atau untuk mengiktiraf ataupun untuk kerajaan mengiktiraf tentang TPPA. Jadi, ini mungkin mukadimah ke arah itu. Jadi, saya harap kerajaan mestilah bersikap telus untuk memberitahu kepada kita adakah cadangan pindaan ini adalah satu desakan daripada pihak-pihak yang terlibat dalam *negotiation* TPPA ini. Untuk melihat bahawa Malaysia memberi komitmen ke atas rundingan tersebut, maka cadangan pindaan ini hendaklah dikemukakan seberapa segera yang boleh. Ini saya minta supaya kerajaan bersikap telus dan memberi kita penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat *the essence*, dengan izin, pindaan ini adalah lebih kepada untuk melarang mana-mana pihak yang tidak mempunyai kelayakan dalam perundangan untuk bertindak sebagai seolah-olah mereka sebagai seorang peguam. Tuan Yang di-Pertua, saya dapati...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Sepang, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengkhuatiri sebagai seorang pengamal undang-undang, melihat daripada pindaan yang hendak dilakukan oleh kerajaan. Membolehkan, menjurus kepada kebebasan daripada segi undang-undang luaran untuk menganggotai ataupun mencampuri undang-undang dalaman yang diamalkan oleh peguam-peguam kita.

Sebagai seorang peguam, adakah Yang Berhormat Sepang setuju bahawa pindaan ini menjurus kepada lingkaran TPPA yang membolehkan prejudisnya peguam-peguam kita dalam membentuk dan juga menjadi mangsa kepada kebangkitan undang-undang baru ini yang membolehkan peguam-peguam luar untuk monopoli dan memberi persaingan yang terlalu tidak upaya oleh peguam-peguam kecil dalam negara ini. Apakah Yang Berhormat Sepang setuju dengan saya bahawa pindaan ini menjurus kepada

'kemangsaan' peguam-peguam pengamal yang berada dalam kumpulan yang kecil? Apa pandangan Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berkecenderungan untuk bersetuju dengan rakan saya sebab saya melihat *timing* atau pun masa yang dicadangkan untuk pindaan ini yang begitu dekat dengan proses perundingan TPPA ini. Jadi kita kluatir, kebimbangan kita pihak kerajaan tidak dapat bersikap tegas dalam rundingan TPPA itu sehinggakan apabila ada tekanan daripada pihak-pihak yang terlibat dalam TPPA itu, maka kerajaan bersedia secara *gradual* membuka ruang liberalisasi ini. Walaupun kita faham dalam masa yang sama dalam era globalisasi ini, liberalisasi ini memang diperlukan dalam semua sektor, bukan sahaja sektor perundangan. Akan tetapi kita harap, di sinilah saya harap kerajaan betul-betul telus. Ini kerana kita tidak mahu pindaan ini adalah sebagai satu *disguise* untuk kita menerima TPPA ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa *essence* ataupun asas pindaan ini adalah untuk menghalang mana-mana pihak yang tidak layak. Saya harap dari segi pengertian tidak layak itu, kadang-kadang kita harus juga lanjutkan ke atas orang-orang yang kadang-kadang sering memberi kenyataan-kenyataan berkaitan undang-undang ini. Saya beri contoh, pihak-pihak yang terlibat secara langsung seperti Ketua Polis Negara, seperti Pengerusi SPR dan sebagainya. Di mana mereka ini kadangkala juga memberikan kenyataan-kenyataan yang menyentuh tentang isu perundangan. Kita ambil contoh dalam isu mayat Chin Peng atau abu mayat dia. Saya melihat adanya percanggahan yang jelas di pihak kerajaan sendiri. Sebagai contoh, Ketua Polis Negara menyatakan tidak boleh langsung. Abu mayatnya tidak boleh langsung dibawa ke Malaysia. Pada peringkat permulaan isu itu timbul sampai Ketua Polis Negara mengeluarkan kenyataan, "*Kita akan pastikan adanya kawalan-kawalan di pintu masuk*". Sedangkan ketika itu belum lagi diketahui sama ada Chin Peng betul-betul mahukan abu mayatnya untuk dibawa. Akan tetapi kenyataan daripada Ketua Polis Negara ini satu kenyataan yang kadang-kadang kita lihat begitu prejudis kepada pihak Chin Peng ini atau pihak yang terlibat dalam isu ini.

Jadi, saya perhatikan dan telah diperakui oleh Timbalan Menteri juga bahawa memang tidak ada undang-undang yang melarang mayat ataupun abu mayatnya di bawa ke dalam negara kita. Jadi, jika tidak ada larangan, tidak ada sekatan dari segi undang-undang, mengapakah Ketua Polis Negara boleh mengeluarkan kenyataan yang menunjukkan sifat prejudis yang begitu tebal? Sedangkan bekas Ketua Polis Negara, Tan

Sri Rahim Noor membuat kenyataan yang boleh diakses di media-media alternatif termasuklah di dalam *MalaysiaKini*.

■1450

Saya hendak *quote* yang diberitahu oleh Tan Sri Rahim Noor, yang dilaporkan di dalam *Malaysiakini* dan juga *Malaysian Insider*. Beliau mengatakan “*Janganlah negara kita ini menjadi bahan ketawa dalam isu melarang abu Chin Peng ini.*” Jangan jadi bahan ketawa, pihak yang memberi kenyataan ini adalah pihak yang terbabit. Tan Sri Rahim Noor adalah pihak yang diarahkan oleh kerajaan untuk berunding dan dia menyatakan dia sendiri yang draf perjanjian itu. Kalau dia sendiri terlibat dalam mendraf perjanjian itu, “*dia mengatakan bukan sahaja abu mayat Chin Peng seharusnya dibenarkan bawa ke Malaysia malahan sepatutnya Chin Peng juga seharusnya masa dia hidup dibenarkan untuk masuk ke Malaysia.*” Ini bukan saya kata, ini Tan Sri Rahim Noor.

Kalaulah kenyataan ini adalah orang-orang daripada pihak Pakatan Rakyat, kalau yang bercakap ini sebagai contoh Tuan Haji Mat Sabu, kita akan lihat seribu *report* akan dibuat seperti mana kes Mat Indera. Akan tetapi bila Rahim Noor bercakap, tidak ada seorang pun Menteri, Ahli Parlimen Barisan Nasional yang berani mencanggah kenyataan Tan Sri Rahim Noor. Jadi, seolah-olah kita melihat segala isu yang berkaitan dengan Chin Peng ini, mereka bercakap semata-mata hanya kerana emosi, bukan kerana faktor sejarah, bukan kerana kemanusiaan dan sebagainya. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengakui sama ada kita suka atau tidak suka, pihak yang terbabit dalam menuntut kemerdekaan, yang memperjuangkan kemerdekaan negara kita tidak terhad kepada golongan-golongan tertentu. Chin Peng ada sumbangannya malahan Henry Gurney, saya hendak beritahu kepada orang-orang UMNO, mereka mungkin tidak tahu. Henry Gurney adalah orang yang terlibat membunuh orang Islam di Palestin tetapi dia dibunuh oleh Chin Peng. Bagi kita pembunuhan oleh Chin Peng ke atas Henry Gurney, kita patut rasa bangga kerana Henry Gurney adalah orang yang terlibat membunuh, menjatuhkan darah umat Islam di Palestin. [*Tepuk*]

In fakta sejarah. Kalau kita cakap tentang fakta sejarah, kita harus adil. Kita jangan bercakap macam pemimpin Perkasa. [*Tepuk*] Kita jangan bercakap macam pemimpin yang buta sejarah. Sejarah ini adalah satu benda yang kita harus adil. Kalau mereka terlibat dalam perjuangan menentang penjajah, Rahim Noor mengatakan sendiri “*seharusnya ahli sejarah mengkaji sumbangan Chin Peng.*” Ini bukan saya kata, Rahim Noor kata. Kalaulah Ahli Parlimen Gelang Patah, Yang Berhormat Permatang Pauh kata

kita mesti kaji sejarah sumbangan Chin Peng, hari ini dia bercakap, semalam dah kena tangkap. [Ketawa]

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab apa, sebab negara kita tidak melihat apa yang dicakapkan, dia lihat siapa yang bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Masjid Tanah bangun.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Saya hendak tanya, Yang Berhormat Sepang melalut banyak-banyak dalam ini, apa kena-mengena Chin Peng dengan LPA ini? *Legal Profession Act* ini? Tolong terus bahas tentang inilah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Masjid Tanah. Saya hendak katakan ada hubungan, saya hendak katakan pihak-pihak yang bercakap tentang undang-undang ini kena bercakap dengan betul sebab undang-undang ini melarang orang-orang yang bukan peguam untuk memberi nasihat guaman. Jadi, kalau Ketua Polis Negara yang sepatutnya tahu undang-undang, bercakap pun macam pemimpin Perkasa, kalau KPN macam ini bersepeh di Chow Kit.

Kita boleh dapat pemimpin, kalau KPN sebagai orang yang mempunyai kuasa, mempunyai satu pangkat yang tinggi, sepatutnya bercakap dengan nada, dengan emosi yang *calm*, yang tidak terpengaruh dengan mana-mana pihak. Jadi sebab itulah saya mengatakan bahawa dari segi kita bercakap tentang undang-undang ini, kita mesti bercakap dengan fakta, kita mesti mengikut peruntukan undang-undang yang betul supaya segala kenyataan kita tidak bersifat prejudis.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa apabila kerajaan membuat liberalisasi dengan membenarkan peguam-peguam daripada *foreign firms* untuk praktis dalam negara kita. Sepatutnya liberalisasi ini mestilah ditunjukkan dengan, sebelum pindaan ini dibuat, sepatutnya kerajaan mesti menunjukkan liberalisasi juga dalam bidang-bidang lain.

Saya hendak beri contoh, tahun lepas kita menyaksikan dua orang peguam antarabangsa cuba datang ke negara kita. Satu peguam daripada Perancis, William Bourdon. Datang ke negara kita, minta supaya dia dibenarkan memberikan taklimat kepada Ahli Parlimen berkaitan dengan skandal Scorpene. Dia datang dengan niat yang baik, hendak beri taklimat kepada Ahli Parlimen, bukan hendak beri taklimat kepada JKK. Sepatutnya negara kita kalau bercakap tentang liberalisasi, apa salahnya peguam

antarabangsa itu datang. Dia bukan datang bawa senjata, dia datang bawa idea, datang bawa pemikiran. Kenapa kita takut dengan beliau? Dilarang masuk.

Kemudiannya seorang lagi peguam Imran Khan yang terlibat dalam membela orang-orang India, bawa kes di London, peguam hak asasi manusia, pun juga dilarang. Ditahan 12 jam dan pukul dua pagi dibawa balik ke London. Ini adalah satu keadaan yang memalukan. Saya rasa walaupun mungkin kita buka undang-undang kita, kita pinda undang-undang ini, benarkan peguam-peguam luar masuk ke negara kita tetapi bila mereka melihat keadaan-keadaan ini, mereka kata *you* buatlah undang-undang tetapi kami pun mungkin tidak mahu praktis di negara kita dalam keadaan *environment* yang tidak kondusif untuk mereka praktis dalam negara kita.

Jadi sebab itulah saya mengatakan kita mesti menunjukkan satu contoh yang baik. Sebelum kita pinda undang-undang, kita tengok *track* rekod negara kita sendiri supaya jangan kita buat undang-undang semata-mata. Kalau kita lihat segala sistem kehakiman tidak kita ubah, sistem pendakwaan dan sebagainya. Kita lihat, kita hendak mendapatkan *expertise* daripada luar negara tetapi Jabatan Peguam Negara hendak membuat rayuan ke atas kes Yang Berhormat Permatang Pauh pun tidak ada kepakaran, terpaksa pakai peguam lain. Apa ini?

Dalam kes Altantuya, kes yang menjatuhkan maruah negara kita yang sampai sekarang kita menyaksikan tidak ada seorang pun yang disabitkan oleh mahkamah. Sepatutnya dalam kes seperti itu, Peguam Negara sendiri yang buat kes itu. Apabila Razak Baginda dibebaskan, sepatutnya Peguam Negara rayu tetapi kita lihat dalam kes yang sepenting itu, kes yang melibatkan imej negara kita, Peguam Negara tidak buat, Razak Baginda dibebaskan tidak rayu, kes Anwar, kes Yang Berhormat Permatang Pauh sanggup pakai peguam. Saya hendak tanya berapa harga bayaran yang dibayar ke atas peguam ini sedangkan peguam ini berpotensi...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Yang Berhormat Sepang, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tumpat mencelah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Berkaitan dengan kes rayuan Yang Berhormat Permatang Pauh, saya bukan peguam tetapi pelik sebab Peguam Negara membuat keputusan untuk merayu. Maksudnya, sebelum membuat keputusan untuk merayu, mesti Peguam Negara ada membuat perkiraan bahawa kes ini sesuai, boleh dan mungkin berjaya jika dirayu. Akan tetapi apabila dimasukkan, difailkan rayuan, orang luar



ditarik untuk menjadi peguamnya. Adakah ini bermakna Peguam Negara sebenarnya tidak berhajat untuk merayu, tidak ada idea untuk merayu, tidak ada *point* hujah untuk merayu tetapi daripada awal lagi dinasihatkan, dimaklumkan, diberikan maklumat oleh orang luar untuk merayu. Jadi sebab itu beliau hanya merayu, kemudian menggunakan pakar luar, peguam luar untuk mengendalikan kes rayuan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Batu, sila.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya juga ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Sepang. Bila Peguam Negara buat keputusan untuk mengupah Shafie Abdullah untuk mendakwa dalam rayuan ini, saya tidak tahu pandangan Yang Berhormat Sepang. Adakah *AG Chamber* ini betul-betul siasat peranan Peguam Shafie dalam peranan kes ini. Sebenarnya didapati dalam afidavitnya sendiri mengakui bahawa pada malam bersama di rumah Perdana Menteri yang kini, waktu itu bukan, terdapat, dia sendiri berada di sana. Adakah ini kita dapat tahu orang seperti ini layak diupah jadi pendakwa atau sebenarnya AG tidak *check* betul-betul latar belakang dia.

■1500

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat dan Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu. Saya melihat apabila dalam negara kita apabila melibatkan pendakwaan ke atas Yang Berhormat Permatang Pauh, segala prinsip undang-undang seolah-olah sudah tidak terpakai dah. Kalau kita lihat dalam kes Yang Berhormat Permatang Pauh ini, segala perbicaraan daripada permulaan dahulu, peringkat pertama lagi beliau didakwa, banyak insiden-insiden yang menunjukkan seolah-olah bukannya wujud *prosecution* ke atas Yang Berhormat Permatang Pauh tetapi *persecution* ke atas Yang Berhormat permatang Pauhh. Apabila Yang Berhormat Permatang Pauh didakwa, kita lihat banyak prinsip undang-undang yang kadang-kadang kita peguam pun tidak faham macam mana prinsip ini boleh bertukar? Akan tetapi inilah keadaan negara kita, tanah air kita.

Jadi saya melihat dalam kes apabila kerajaan, Peguam Negara sendiri tidak mahu terlibat sendiri sebagai pihak yang akan berhujah untuk rayuan itu, sebaliknya menggunakan khidmat seorang peguam *private* sedangkan peguam itu sendiri seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat Batu, beliau juga adalah sebenarnya adalah saksi pendakwa, ditawarkan oleh pendakwa ke atas peguam bela. Walaupun hujah

mengatakan, "Oh, pembela tidak panggil beliau sebagai saksi". Kita kena faham dalam rayuan nanti, sekiranya rayuan dibenarkan, mahkamah mungkin boleh memutuskan supaya kes itu mungkin sama ada di bicara semula ataupun dan sebagainya dan ketika itu mungkin peguam yang terlibat dalam mendakwa ini kemungkinan akan dipanggil saksi. Maknanya, ruang itu ada dan sepatutnya pihak kerajaan harus sensitif. Biarlah kita membuat apa-apa keputusan sama ada mendakwa ataupun merayu ke atas mana-mana kes jenayah ini, kita mestilah berpegang kepada prinsip kebenaran, prinsip keadilan yang sebenar supaya rakyat tidak mempertikaikan.

Sekarang ini apabila kita benarkan peguam *private* untuk mendakwa, untuk terlibat dalam pendakwaan, terlibat dalam rayuan, sedangkan dalam kes Altantuya yang lebih penting yang kita rasa kes yang seperti itu kalau sekiranya kerajaan hendak pakai *private* pun kita boleh terima lagi sebab ia tidak melibatkan kepentingan mana-mana. Memang saya akui dari segi sistem perundangan di negara-negara lain pun, di Australia sebagai contoh, memang kadang-kadang kerajaan boleh membenarkan peguam-peguam senior yang ada pengalaman untuk mengendalikan kes-kes pendakwaan. Ini bukan perkara yang luar biasa.

Akan tetapi keadaan negara kita apabila banyak berlaku insiden yang dipertikaikan ini, jadi apabila kerajaan mengambil tindakan untuk mengambil peguam *private* ini, ia menimbulkan satu keadaan yang orang boleh mempertikaikan kewibawaan Peguam Negara itu sendiri. Oleh sebab itulah saya menyarankan supaya kerajaan oleh sebab rayuan ini belum lagi diteruskan, kerajaan mestilah tarik balik. Biar Peguam Negara, tadi Yang Berhormat Kuala Selangor mengatakan dalam kes yang melibatkan Batu Puteh, Peguam Negara terlibat. Memanglah dia terlibat, sebab itulah dia kalah [Ketawa] Apabila saya hendak beritahu dengan mungkin Yang Berhormat Kuala Selangor dia tidak baca keseluruhan perbincangan itu.

Saya baca daripada 'A' to 'Z' dan saya melihat dalam kes Batu Puteh itu, sebenarnya pihak kerajaan sendiri yang terlibat dalam kes itu mengakui sepatutnya kes itu tidak harus dibawa di peringkat awal lagi sebab kita bawa kes dalam keadaan kita tidak mempunyai bukti yang kuat. Oleh sebab itulah disebabkan kecuaiannya pihak peguam negara menyebabkan negara kita hilang sebuah pulau. Jadi saya berhubung dengan pindaan yang dikemukakan ini berkaitan dengan seksyen 2(b) ini iaitu ayat yang berbunyi, "*Memasuki ke Malaysia untuk menasihati atau merunding anak guam bagi peguam asing ini dengan syarat bahawa tempoh terkumpul peguam asing ini tinggal tidak boleh melebihi*

60 hari.” Tadi pihak Yang Berhormat Menteri mengatakan rundingan ataupun pihak kerajaan telah mengadakan rundingan dengan Majlis Peguam.

Saya ingin menyatakan bahawa pihak Majlis Peguam ada menyarankan supaya tempoh 60 hari itu hendaklah dilanjutkan lagi dan rasional yang dikemukakan oleh pihak Majlis Peguam, izinkan saya membaca apa yang dinyatakan oleh pihak Majlis Peguam. Kenapakah 60 hari itu seharusnya dilanjutkan? Saya bacakan dalam bahasa Inggeris, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *There was, ada recession antara pihak Peguam Negara dengan pihak-pihak yang terlibat dalam pindaan ini. Dinyatakan bahawa, “Bar Council also proposed that foreign lawyers coming into Malaysia must stay for a minimum of 182 days in a calendar year. This is to ensure that they have a real presence in the country and their law firms in Malaysia are not just as a token office. Bar Council and an AGC are not have also agreed that in order to set up party in Malaysia, qualified for in law firms and international partnership should show business plan that have the objective of enhancing the Malaysian legal professions and making Malaysia a regional legal destination”.*

Jadi Majlis Peguam sebagai pihak yang ada *stick* ataupun ada kepentingan terhadap segala pindaan berkaitan dengan undang-undang ini telah membuat cadangan supaya masa dilanjutkan kepada 182 dan rasional yang diberikan oleh Majlis Peguam adalah satu yang boleh diterima. Jadi saya mengharapkan pihak kerajaan boleh mengambil kira cadangan daripada *Bar Council* ini supaya kita harap segala pindaan ini bukan sahaja menguntungkan. Ia mestilah dalam keadaan *win-win*. Ia mesti dalam keadaan menguntungkan pihak peguam di dalam negara kita dan juga peguam-peguam asing yang akan dibenarkan untuk praktis ataupun beramal dalam negara kita.

Seterusnya yang saya ingin juga sentuh di sini, tadi Yang Berhormat Pengerang telah menyentuh bahawa kualiti pengajian undang-undang di universiti telah menurun. Saya juga ada didatangi oleh beberapa pelajar daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang juga menawarkan kuliah undang-undang kepada pelajar-pelajar di sana. Akan tetapi saya diberitahu sehingga kini, pelajar-pelajar dah ada pun yang sudah *graduate*. Ijazah undang-undang yang dikeluarkan oleh pihak universiti tidak diiktiraf sampai sekarang. Maknanya, mereka ini walaupun belajar undang-undang, belajar undang-undang Islam, tetapi mereka tidak dibenarkan untuk menjadi seorang peguam di dalam negara kita. jadi *there must be something wrong somewhere*.

Saya memohon supaya kerajaan mengambil tindakan. Kita tidak mahu anak-anak kita yang memang mungkin berhasrat hendak menjadi peguam, mereka merasakan bahawa pergi ke USIM itu mereka boleh belajar *comparative law*, tiba-tiba selepas empat tahun belajar, bercita-cita menjadi seorang peguam ataupun terlibat dalam bidang guaman tiba-tiba tidak boleh beramal sebagai seorang peguam sedangkan, maknanya pihak Kementerian Pendidikan, saya harap pihak-pihak yang terbabit dalam penganugerahan ijazah ini mestilah mengambil inisiatif supaya proses pengiktirafan ijazah undang-undang itu dipercepatkan supaya tidak menjadi mangsa anak-anak kita yang dihantar ke universiti tersebut.

Secara spiritnya, saya menyokong pindaan ini tetapi saya mengharapkan juga kerajaan mestilah menunjukkan satu komitmen yang serius dalam meliberalisasikan juga suasana dalam negara kita. Suasana supaya wujudnya supaya segala proses demokrasi itu juga diambil kira. Proses liberalisasi dalam kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun dan sebagainya juga mestilah juga diwujudkan serentak dengan liberalisasi ini. Jangan kita hanya liberal dalam sektor perundangan ini tetapi prasarana, ruang, *environment* supaya undang-undang ini boleh *grow* dengan baik, tidak wujud. Kita tidak mahu nanti negara kita liberalisasi dari segi servis tetapi terkebelakang dari segi hak-hak asasi manusia. Pengiktirafan penghormatan kepada kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun dan sebagainya. Ini juga adalah satu *core values* untuk praktis sebagai seorang peguam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Terima kasih. Ya, sila Yang Berhormat Beruas.

### **3.10 ptg.**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahas suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa dunia globalisasi sudah sampai ke pantai Malaysia dan tidak ada seorang pun boleh mengelak daripada globalisasi ini. Memandangkan keadaan sedemikian adalah masanya untuk kita mengkaji semula sama ada bahasa Inggeris patut menjadi bahasa alternatif untuk mahkamah dan juga lebih digalakkan dalam amalan guaman di Malaysia ini. Memang dahulu negara kita ini merupakan negara yang sangat pandai ataupun mempunyai standard yang tinggi dalam bahasa Inggeris di seluruh Asia tetapi malangnya semenjak polisi kerajaan hendak

menggalakkan bahasa Melayu dan kemudian juga menjadikan ia satu keputusan supaya Bahasa Melayu ataupun bahasa Malaysia dijadikan bahasa perantaraan di mahkamah dan juga dalam lain-lain sektor. Kita nampak bahasa Inggeris sekarang ini ketinggalan hinggalan ramai peguam yang kelulusan daripada universiti tidak dapat menulis surat ataupun menyediakan dokumen-dokumen dalam bahasa Inggeris yang betul. Ini sangat menyedihkan.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa saya masih menyokong Bahasa Malaysia sebagai bahasa perantaraan di mahkamah. Apa yang saya hanya mohon ialah supaya ia dijadikan satu bahasa alternatif kerana kita hendak peguam-peguam Malaysia menjadi peguam-peguam yang *world class*, dengan izin, ataupun dengan pengetahuan Inggeris yang ada kita boleh menjadi peguam di mana-mana negara ataupun peguam antarabangsa. Kita tahu bahawa selepas ini nanti kita akan pinda satu lagi pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang iaitu Akta Profesion Undang-undang Tahun 1976 di mana dinyatakan proses timbang tara yang akan diadakan di Malaysia ini akan dikecualikan daripada seksyen 37 yang sedang kita pinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa khuatir bahawa kalau timbang tara antarabangsa ini yang ditempatkan di Malaysia ini ia akan menggunakan bahasa Inggeris sahaja kerana pihak-pihak berkenaan dalam pertikaian akan merupakan syarikat-syarikat antarabangsa dan mereka memerlukan bahasa Inggeris digunakan untuk proses timbang tara ini. Kalau peguam-peguam kita tidak fasih dalam bahasa Inggeris, ini akan menyebabkan keperluan untuk mengimport pada masa itu peguam-peguam dari luar negara pula. Ini akan menjadi satu situasi yang amat menyedihkan kalau tidak menjadi bahan ketawa orang lain bahawa orang Malaysia ini sungguhpun ada *centre of arbitration*, dengan izin, pusat timbang tara di Malaysia terpaksa menggunakan peguam-peguam dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun tahu bahawa sekarang sungguhpun bahasa Melayu ataupun bahasa Malaysia menjadi bahasa perantaraan dalam mahkamah tetapi pada hakikatnya bahasa Inggeris masih luas digunakan dan peguam-peguam terpaksa memfailkan semua *pleadings* dan dokumen-dokumen dalam dwibahasa. Ini membazirkan masa dan juga menurunkan produktiviti peguam-peguam kita di mahkamah. Kalau dijadikan alternatif, biasanya hakim-hakim kita mempunyai pengetahuan dua bahasa iaitu bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris, satu set dokumen difailkan sudah mencukupi. Jadi tidak perlunya ada proses membuat penterjemahan. Ada kalanya ada peguam yang fasih dalam bahasa Inggeris tetapi terpaksa juga membuat penterjemahan dalam bahasa

Malaysia kerana itulah yang diperuntukkan oleh undang-undang bahasa Malaysia perlu digunakan, padahal hakim kita ini memang sudah fasih dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa semua kerana kita mengikut sistem perundangan yang diwarisi dari *England* iaitu *Common Law*. Buku-buku rujukan kita ini kebanyakannya daripada dunia Inggeris sama ada daripada *England* atau Australia atau India dan juga lain-lain negara Komanwel. Semua bahan-bahan bacaan mereka ini adalah dalam bahasa Inggeris dan saya harap perkara ini dapat diperbaiki supaya standard tahap bahasa Inggeris peguam-peguam Malaysia ini akan mencapai satu tahap yang membanggakan ataupun tahap antarabangsa.

Saya pernah mengendalikan satu kes di mana anak guam saya kalah dalam kes tersebut hanya semata-mata kerana perkataan yang digunakan itu *future tense* yang mengatakan sesuatu yang akan berlaku ataupun *future tense*. Sungguhpun perkara itu sudah berlaku iaitu sesuatu pinjaman wang telah diberikan tetapi apabila dalam bon berkenaan ditulis *in consideration of a some or RM250,000 to be paid under this bon*. Sungguhpun duit sudah bayar tetapi kerana perkataan dikatakan akan dibayar, dia kalah kes kerana di bawah bon itu memang duit tidak dibayar. Oleh yang demikian, maksud saya bagi misalan ini untuk menerangkan betapa pentingnya bahasa yang tepat digunakan dalam sistem perundangan dan juga penyediaan dokumen-dokumen seharian dan kita pun tahu bahawa memang hampir semua perjanjian perniagaan ataupun perjanjian yang sedang digunakan di Malaysia ini merupakan dokumen-dokumen dalam bahasa Inggeris. Jadi saya harap perkara ini boleh dipertimbangkan oleh pihak kerajaan supaya menjadikan bahasa Inggeris bahasa alternatif mahkamah dan juga digalakkan peningkatan bahasa Inggeris di kalangan peguam-peguam kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya bangkitkan iaitu tentang proses timbang tara yang ada di Malaysia ini. Memang di bawah Akta Timbang Tara dinyatakan pihak-pihak berkenaan boleh memilih untuk menyelesaikan apa-apa pertikaian di bawah Akta Timbang Tara atau dalam bahasa Inggeris, *Arbitration Act*, dengan izin. Di bawah akta tersebut kalau dipersetujui oleh kedua-dua pihak, mereka tidak boleh pergi ke mahkamah sebelum menyelesaikan kes di bawah proses timbang tara. Malangnya di Malaysia ini proses timbang tara untuk orang biasa hampir tidak wujud dan timbang tara yang ada sekarang ini hanya untuk mereka atau syarikat-syarikat yang besar dan kos untuk mengendalikan satu timbang tara ini biasanya kosnya boleh menjangkau berpuh-puluh ribu ringgit untuk mengendalikan sesuatu kes itu.

## ■1520

Saya harap kerajaan boleh mewujudkan sistem timbang tara yang lebih dengan izin, *a simple arbitration process* untuk orang tempatan yang hendak menyelesaikan pertikaian mereka tanpa pergi ke mahkamah ataupun melalui timbang tara yang sedia ada di Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang ingin saya bangkitkan iaitu dalam banyak perjanjian yang saya baca berkenaan dengan pelabur-pelabur multinasional, syarikat multinasional asing yang melabur di negara Malaysia. Dalam perjanjian mereka dengan syarikat-syarikat tempatan atau kontraktor-kontraktor dinyatakan kalau ada apa-apa timbulnya pertikaian tempat penyelesaian untuk pertikaian ini hendaklah diselesaikan di *Centre of Arbitration Singapura*. Bagi saya ini satu perkara yang kerajaan mesti ambil perhatian kerana ini satu tamparan kepada kehakiman kita dan juga kepada martabat negara Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati oleh dunia.

Ini berlaku atas berapa sebab. Tadi saya sudah katakan satu daripadanya ialah kerana bahasa Inggeris yang digunakan oleh syarikat-syarikat antarabangsa. Kedua ialah pelabur-pelabur antarabangsa ini berasaskan sistem kehakiman di Singapura lebih telus dan boleh dipercayai dan kurang dengan izin, *influence by politic of money* ataupun rasuah. Ini satu perkara yang kita mesti mengambil berat terutamanya oleh pihak kerajaan dan juga kehakiman kita. Apa yang berlaku baru-baru ini di mana mahkamah kita menolak lebih daripada 40 kes petisyen pilihan raya biar pun daripada Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat. Atas alasan teknikal merupakan satu lagi tamparan hebat kepada kepercayaan dunia dan juga rakyat Malaysia ke atas kehakiman kita ini.

Saya rasa adalah perlu Parlimen mungkin perlu menggubal undang-undang dalam kes-kes *election petition* ataupun petisyen pilihan raya untuk memastikan ini tidak berlaku lagi. Ini kerana rakyat datang ke mahkamah untuk mendapat keadilan. Mereka hendakkan kes mereka didengar secara penuh sebelum sesuatu keputusan dibuat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Beruas duduk sekejap ya. Ada tetamu kita. Ahli-Ahli Yang Berhormat sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini delegasi dari *Thailand/Malaysia Parliamentarian Friendship Group Delegation* yang diketuai oleh *Honorable Mr. Narung Nuding* dan anggota seramai lapan orang. Kepada Yang Berhormat Narung Ruding dan delegasi Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini. Ya terima kasih sila.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Dalam lebih daripada 40 kes petisyen pilihan raya ini dikatakan semua peguam-peguam ini tidak tahu memfailkan dokumen-dokumen mereka dengan betul. Ini memeranjatkan kerana semua peguam-peguam yang telah digaji ataupun yang mengendalikan kes-kes ini merupakan peguam-peguam yang berpengalaman dan yang terbaik di Malaysia. Kalau semua peguam-peguam ini tidak tahu pun memfailkan dokumen dengan betul siapa lagi layak untuk memfailkan dokumen? Apatah lagi hendak mengendalikan kes petisyen pilihan raya ini. Bagi saya ini satu tamparan lagi kepada kepercayaan rakyat kepada kehakiman kita.

Saya harap perkara ini dapat diperbetulkan dan juga dalam kes-kes petisyen ini dalam pengalaman kami di negeri Perak atas alasan kes ditolak atas satu alasan teknikal sahaja kos sebanyak RM80,000 hingga RM100,000 diperintahkan atau *is awarded*. Ini memeranjatkan. Adakah kehakiman kita sekarang kita ini hendak beritahu rakyat hanya mereka yang terkaya sahaja boleh datang ke mahkamah. Kalau atas alasan teknikal kos RM80,000 hingga RM150,000 dikenakan, adakah kos sebanyak lebih daripada setengah juta akan dikenakan kalau kes itu berjalan dengan sepenuhnya. Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan dalam perkara ini mengambil berat kalau tidak dunia tidak akan ada kepercayaan kepada kita. Pelabur-pelabur asing dan juga pelabur-pelabur tempatan yang juga akan kekurangan keyakinan kepada kepercayaan kita kepada kehakiman kita. Ini akan merugikan negara kita.

Akhir kata saya berharap cadangan saya ini mendapat jawapan yang baik daripada pihak kerajaan. Ini bukan politik semata-mata kerana ia kes *election petition* tetapi ini sistem demokrasi kita satu badan dalam sistem demokrasi kita iaitu kehakiman ini sudah pun mendapat pandangan rendah daripada rakyat. Ini kerana sama ada mereka boleh dipercayai untuk melaksanakan keadilan atau tidak menjadi satu keraguan. Ini lanjutan daripada kes-kes negeri Perak, krisis negeri Perak di mana hakim-hakim tidak mengikut undang-undang sendiri dan sudah ada *precedent-precedent* yang dibuat oleh kehakiman sendiri pun tidak diikuti. Oleh yang demikian saya menyokong akta pindaan ini dengan harapan kerajaan boleh membuat pindaan kepada akta, *Election Act and Election Offences Act* dan semua undang-undang berkenaan dengan *election petition* agar ini tidak berlaku pada masa depan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Yang Berhormat Shah Alam. Hendak berucap tidak? Telefon mana boleh Yang Berhormat Shah Alam. Sila di belakang sekali Yang Berhormat Kampar.



**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

**3.27 ptg.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada prinsipnya saya menyokong pindaan ini tetapi sekiranya *livelihood*, ataupun dengan izin kehidupan dan pendapatan peguam tempatan kecil dan sederhana tidak terjejas. Oleh itu saya minta penjelasan daripada kerajaan dua perkara. Perkara yang pertama saya minta kerajaan membuat satu *impact study* kepada peguam tempatan kecil dan sederhana di Malaysia. Saya setuju dengan Yang Berhormat Sungai Siput bahawa isu ini adalah banyak kaitannya dengan TPPA. Setahu saya dan di sini saya bercanggah pendapat saya dengan Yang Berhormat Pengerang iaitu selepas Singapura menandatangani US FTA iaitu *equivalent* dengan TPPA kita ini. Peguam tempatan kecil dan sederhana di Singapura kesemuanya mengalami kemerosotan pendapatan yang ketara. Oleh itu, ia memang penting bahawa kita kena jaga masa hadapan peguam-peguam kecil dan sederhana ini dengan cara yang betul iaitu membuat satu *impact study* yang cepat.

Juga ini saya hendak tanya sedikit kepada rakan-rakan saya daripada Barisan Nasional. Setahu saya Barisan Nasional telah menyatakan bahawa mereka sokong pindaan ini. Akan tetapi Barisan Nasional perlu kalau betul-betul hendak sokong pindaan ini Barisan Nasional perlu tolak *Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA)*. Sebab dalam satu bab TPPA iaitu bab, *chapter* tentang *services*. Ia akan membuka profesion undang-undang 100% kepada peguam asing. Bagi TPPA ini dijangka ditandatangani pada bulan Disember ini atau selewat-lewatnya bulan Mac 2014. Jadi kalau Barisan Nasional sokong pindaan ini beberapa bulan selepas TPPA, Barisan Nasional kena pinda balik semula undang-undang ini untuk membenarkan 100% peguam asing masuk dalam profesion undang-undang.

■1530

Soalan kedua saya ialah meminta penjelasan daripada kerajaan tentang isu panel bank dan panel GLC. Sebelum jadi Ahli Parlimen Kelana Jaya, saya adalah seorang peguam korporat selama 22 tahun dan dalam amalan saya sebagai peguam, saya tahu bahawa terdapat banyak bank-bank dan juga GLC yang mengekshaskan kerja kepada peguam bumiputera sahaja iaitu kalau nak masuk bank panel ataupun GLC panel, mesti ada *partner* bumiputera. Soalan saya dan saya rasa memang banyak Yang Berhormat

daripada Barisan Nasional perlu tahu adalah sama ada amalan ini akan berterusan selepas kita buat pindaan ini ataupun dengan pindaan ini sama ada semua peguam termasuk kaum lain dan juga orang asing boleh menjadi ahli panel bank-bank dan GLC yang tertentu. Itu sahajalah yang saya hendak tambahkan sedikit untuk isu-isu debat mengenai pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Sila Yang Berhormat Tumpat.

### **3.31 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** *Assalamualaikum*, salam sejahtera, selamat petang. Yang dihormati Tuan Yang di-Pertua, memandangkan peguam-peguam sudah tidak mahu bercakap lagi, biarlah peguam-peguam yang tak layak masuk mahkamah bercakap pula dan biarlah saya memulakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai mana yang kita dengar rakan-rakan daripada kedua-dua belah pihak berucap daripada pagi hingga sekarang menganggap bahawa rang undang-undang yang dicadangkan ini ada unsur-unsur yang positif tetapi ada juga kebimbangan-kebimbangan kita. Ini adalah kerana kita berada dalam suasana di mana kerajaan nampaknya ingin menekankan kepada penerimaan TPPA yang mana di waktu yang sama pihak-pihak tertentu termasuk daripada kerajaan sendiri mempunyai dengan izin, *reservation* atau kebimbangan bahawa TPPA itu akan menjadikan negara kita kehilangan kekuasaan kita sebagai sebuah negara yang bebas dan merdeka.

Oleh itu, pembentangan rang undang-undang ini yang melibatkan kita memberi keterbukaan yang terhad kepada peguam-peguam asing untuk berkhidmat dan bertugas dan bekerja di negara kita ini sudah tentu sedikit sebanyak membawa kembali kebimbangan dan keraguan tersebut. Tambah-tambah lagi sebagaimana Yang Berhormat Segambut sebutkan awal-awal tadi, kita dalam keadaan profesion ke perguaman yang amat aneh, yang mana walau sudah lebih daripada setengah abad negara kita merdeka, lebih daripada setengah abad negara kita menjadikan Sabah dan Sarawak sama seperti Tanah Melayu Semenanjung ini sebagai satu negara tetapi profesion perundangan seolah-olah tidak mengiktiraf bahawa kita sebuah negara daripada sudut itu. Jadi, pembukaan terhad pun kepada pengamal-pengamal profesion undang-undang luar Malaysia ini dalam suasana keadaan profesion dalam negara kita ini belum lagi teratur dengan sebaik-baiknya menjadikan rang undang-undang ini malah keseluruhan profesion

peguam dalam negara kita ini suatu profesion yang amat aneh daripada segi kebebasan rakyatnya untuk bekerja di seluruh negara.

Jadi oleh sebab itulah kita melihat walaupun ianya suatu rang undang-undang yang mudah, ringkas dan sepatutnya pada dasarnya kita boleh menerima tetapi kebimbangan-kebimbangan tersebut akan ada dan terus ada selagi pertamanya, TPPA itu kita tidak selesaikan dengan cara yang baik dan positif yang menguntungkan negara dan keduanya jika profesion peguam itu tidak diperbetulkan *for once and for all* dengan izin untuk demi kebaikan dan penyatuan tulen kita sebagai sebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan cadangan pindaan ini iaitulah adakah kementerian dan kerajaan berfikir jika liberalisasi ini kita hendak cadangkan untuk mahkamah-mahkamah negara kita ini, adakah kerajaan berhasrat untuk juga memulakan proses liberalisasi ini juga kepada mahkamah-mahkamah syariah negara kita.

Sebabnya undang-undang Islam bukan sahaja dilaksanakan di Malaysia tetapi di puluhan negara-negara yang lain dan sebabnya juga bahawa pertamanya aktiviti-aktiviti yang bukan khususnya Islam sahaja atau melibatkan orang-orang Islam sahaja contohnya perbankan Islam, takaful dan sebagainya adalah aktiviti yang melibatkan semua manusia ataupun terbuka kepada semua manusia dan ianya bukan lagi aktiviti domestik dalaman satu-satu negara sahaja tetapi sudah menjadi suatu aktiviti antarabangsa yang melibatkan ramai manusia, yang melibatkan kalau sistem perbankan dan takafulnya *trillions* dengan izin, *in value even in US Dollars*. Jadi adakah oleh sebab itu akan timbul masalah-masalah perundangan, tafsiran tentang hukum-hukum Islam yang perlu diselesaikan oleh mahkamah-mahkamah kita termasuklah oleh mahkamah syariah dan jika dalam kes-kes seperti ini, tokoh-tokoh perundangan Islamnya bukan sahaja ada di negara kita tetapi ada juga di negara-negara lain yang kita mungkin memerlukan khidmat tokoh-tokoh peguam perundangan Islam ini.

Adakah kerana kes-kes seperti itu, kita mungkin tidak mahu ataupun perlunya sekarang ini memikirkan kemungkinan bahawa proses usaha liberalisasi perundangan ini juga meliputi sistem mahkamah syariah. Lagi pun negara kita ingin mengeksport versi bentuk Islam kita, kesederhanaan, *wassatiyah* dan sebagainya. Jadi adakah kita tidak ingin mengambil peluang ini untuk kita melihat daripada sudut profesional peguam perundangan untuk mengembangkan dasar dan amalan Islam kita yang amat kita banggakan tersebut. Lagi pula kes hujah ketiga saya ialah di dalam kes dalam negara kita pun kes-kes mahkamah syariah ini bukan kecil nilainya, bukan kes seribu ringgit, dua ribu

ringgit, tiga ribu ringgit. Ada kes dalam mahkamah syariah kita ini berkaitan dengan penceraian melibatkan nilai ratusan juta ringgit malah lebih daripada seribu juta ringgit mengikut tuntutan oleh isteri yang diceraikan oleh anak-anak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di dalam sebuah negara Malaysia ini kita.

Jadi kes-kes seperti ini menandakan bahawa perundangan Islam juga besar *value*, nilai sama ada daripada segi prinsip-prinsipnya, perundangannya dan juga daripada segi nilai nilai wang ringgitnya. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan juga berhajat, bercita-cita dan ada rancangan untuk melebarkan liberalisasi ini kepada bidang undang-undang Islam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Sila Yang Berhormat Setiu.

### 3.38 ptg.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk bercakap sepatah dua. Sebenarnya kalau diikutkan kepada cadangan untuk pinda Akta Profesional Undang-undang (Pindaan) 2012 ini, sebenarnya bidang amalan yang ada sekatan terhadap bidang amalannya iaitu tidak boleh kepada undang-undang jenayah, tidak kepada undang-undang keluarga, undang-undang teras *law* dan juga tidak boleh hadir di mahkamah. Itu sebenarnya yang ada had dia. Cuma dalam pindaan tidak disebut tentang penalti kepada mereka yang melakukan kesalahan bila mereka datang ke Malaysia. Cuma ada di bawah 40(b) hanya disebut kalau tidak ada lesen, maknanya syarikat guaman itu boleh dihukum tidak melebihi RM100,000. Yang lain-lain tidak ada, bawah 40 pindaan.

#### ■1540

Kalau bawah 2A tadi, pindaan 37, telah melakukan satu kesalahan kepada orang yang tidak diberi kuasa, telah melakukan kesalahan dan 2B dikecualikan. Makna, tidak terpakai 2A. Cuma dikatakan bawah 40M ini ia tertakluk kepada semua kaedah dan keputusan tetapi penaltinya tidak disebut. Ada kelompangan di sana, ada lakuna sedikit.

Kemudian, satu lagi berkenaan dengan *foreign lawyer* ini, disebut dalam 40A, termasuk juga pekerja, *employee* juga termasuk. Jadi, sebenarnya tidak tahu siapa yang datang untuk beramal sebagai peguam, sama pekerja juga termasuk. Jadi, *foreign lawyer*

ini disebut apabila termasuk juga pekerja, jadi perlu ada kawalan supaya maknanya kalau mereka datang melakukan kesalahan-kesalahan, bagaimana hukuman-hukuman yang perlu ada?

Contoh, kalau kita tengok, kalau dahulu dari segi pendidikan boleh dibenarkan 'mat-mat hitam' datang ke Malaysia untuk belajar dan sebagainya tetapi mereka melakukan kesalahan. Banyak perkara jenayah telah dilakukan. Begini juga akan berlaku kalau dibenarkan tidak hanya kepada peguam yang betul-betul yang boleh beramal.

Satu lagi, kalau kita hendak sebut, kalau berlaku satu kesalahan, bagaimana kita hendak ambil tindakan? Kalau dia, biasanya orang luar ini sama ada kita bagi jaminan di mahkamah ataupun kita tidak bagi. Dua keadaan sekarang ini. Kalau kita bagi, dia orang balik ke tempat dia orang. Hendak datang balik macam mana? Untuk kita teruskan dengan perbicaraan dan sebagainya. Di sini tidak ada, dalam akta kita tidak disebut tentang perkara itu.

Jadi, perkara inilah perlu diekstradisi, akta ekstradisi perlu ada daripada negeri-negeri yang daripada mana mereka datang, perlu ada akta ekstradisi disebut dalam akta ekstradisi itu sendiri. Saya rasa tidak ada apa yang perkara lain, itu sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Bukit Katil.

**3.43 ptg.**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta izin untuk mengalu-alukan kehadiran para pelajar daripada kawasan saya dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Muhamad, Bukit Katil. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar perbahasan sebentar tadi yang menjurus kepada persoalan terhadap pindaan Akta Profesion Undang-undang, khususnya berkaitan dengan perancangan kerajaan untuk membuka profesion ini kepada para peguam daripada luar negara. Antara yang menarik yang saya teliti dan telaah pandangan tadi ialah beberapa contoh yang diberikan, misalnya liberalisasi kepeguaman yang telah dilakukan di Singapura misalnya sebagai satu contoh. Kalau tidak salah saya dikemukakan oleh Yang Berhormat Masjid Tanah sebentar tadi.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, kalau kita mengambil pengalaman Singapura, kesediaan kerajaan untuk membuka profesion kepeguaman ini telah dilakukan hampir tiga dekad yang lalu. Pendekatan yang dilakukan adalah

pendekatan yang *gradual*, yang perlahan dan melalui satu siri perancangan yang strategik dan tidak dibuat dengan terburu-buru.

Misalnya, pada tahun 1981 iaitu bermulanya Kerajaan Singapura membenarkan ataupun badan terutamanya Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara membenarkan bank-bank luar yang beroperasi di Singapura itu memanggil peguam-peguam daripada luar dalam memberikan nasihat kepada mereka terhadap pertelingkahan atau pertikaian yang berlaku. Kemudiannya dilakukan secara perlahan dan perlahan tetapi dalam kerangka yang cukup jelas iaitu bagaimana profesion undang-undang ini boleh membantu memberi dan menjana pertumbuhan ekonomi dan menyumbang kepada ekonomi Singapura yang lebih baik.

Oleh sebab itu kalau kita teliti fakta pada tahun 2012 baru-baru ini, bahagian atau servis, *Legal Service Sector* ini di Singapura telah mencapai kepada SGD1.9 bilion, meningkat sebanyak 25%. Ini tentunya memberikan sumbangan ekonomi kepada negara seperti Singapura iaitu dalam bahagian servis, dalam bahagian perkhidmatan.

Oleh sebab itu soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan punya mekanisme untuk memastikan agar kesediaan kita untuk membuka pasaran kepeguaman kepada peguam-peguam asing ini dilakukan dengan penuh teliti agar ianya dari segi strategik boleh memberikan sumbangan ekonomi, pertumbuhan ekonomi yang baik kepada negara. Ini kerana saya bimbang, macam Singapura ini walaupun kita tahu dari segi *Transparency International Corruption Perception Index 2012*, dia berada di tangga yang ke-5 selepas daripada Denmark, Finland, New Zealand dan Sweden dan Singapura. Akan tetapi Malaysia realitinya sekarang pada tahap yang ke-54. Kalau kita terburu-buru dan tidak melakukan perancangan yang teliti, ianya akhirnya akan memberikan kesan kepada pengamal undang-undang di peringkat tempatan. Ini tentunya tidak baik untuk persaingan yang dalam maksud persaingan yang sihat kepada pasaran ataupun kepada profesion kepeguaman yang berada di negara kita.

Saya ingin cadangkan juga supaya beberapa pendekatan yang dilakukan. Misalnya, pada tahun 2008 kalau kita mengambil pendekatan *Ministry of Law* ataupun Kementerian Undang-undang Singapura. Ia meletakkan satu strategi agar mereka yang ingin mengamalkan undang-undang di dalam negara Singapura itu mesti menunjukkan ada *add value*, tambahan nilai ekonomi kepada pertumbuhan ekonomi Singapura. Ini yang dilakukan secara strategik. Ini kerana saya fikir dan saya bimbang kalau misal kata kita melakukan tanpa satu pendekatan yang strategik, ianya tidak memberikan kesan yang baik kepada negara dalam erti kata persaingan yang sihat.

Begitu juga dalam hal berkaitan dengan timbang-tara, *arbitration*. Saya setuju dengan Yang Berhormat Tumpat tadi bahawa perlu juga dilihat dari segi bukan sekadar aspek memperkasa Mahkamah Syariah. Ini kerana sekarang ini di peringkat Mahkamah Syariah kita sekadar ada Mahkamah Rendah Syariah, kemudian Mahkamah Tinggi Syariah dan kemudian Mahkamah Rayuan Syariah. Ketiga-tiga mahkamah ini kita lihat hanya tertumpu kepada persoalan hal-hal yang berkaitan dengan keluarga, Undang-undang Keluarga, Undang-undang Jenayah Syariah dan tidak lebih kepada itu.

Walhal saya ingin cadangkan dan saya juga ingin minta penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan punya perancangan untuk diperkasakan Mahkamah Syariah itu kepada satu peringkat lagi. Mungkin ada seperti Mahkamah Persekutuan Syariah misalnya agar ianya seimbang dan setara dengan Mahkamah Persekutuan yang sedia ada dalam negara kita.

Berbalik kepada persoalan timbang-tara. Selain daripada kita mempunyai dan membuka ruang kepada pengamal-pengamal daripada luar untuk membantu meningkatkan dan memberikan sumbangan kepada badan arbitrase atau badan timbang-tara dalam negara. Saya juga ingin cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, saya ingin mohon pertanyaan, apakah kerajaan mempunyai perancangan untuk melakukan atau menyediakan satu platform agar ada satu badan arbitrase atau badan timbang-tara muamalat yang akan mengambil kes-kes yang berkaitan dengan pertikaian Bank Islam dan sebagainya. Agar ianya bukan sekadar kepada bank-bank ataupun pertikaian secara umum tetapi juga khusus kepada hal-hal yang berkaitan dengan Syariah yang saya tahu sekarang ini dari segi dia punya pendekatan jauh lebih *sophisticated*, misalnya sukuk dan sebagainya.

Ini tentunya memberikan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi. Saya lihat pengalaman-pengalaman negara jiran misalnya, di bawah negara selatan, Singapura saya sebutkan tadi, mereka ada *Singapore International Arbitration Centre* yang telah ditubuhkan sejak tahun 1981. Oleh kerana dokongan kerajaan itu baik dan kuat, maka akhirnya sekarang mereka boleh menyelesaikan pertikaian-pertikaian yang pada tahun 2012 sahaja berjumlah hampir SGD3.61 bilion.

#### ■1550

Ini memberikan pertumbuhan ekonomi yang baik kepada negara. Sekarang mereka melangkah kepada satu lagi peringkat iaitu ingin membuat pula satu yang dipanggil *Singapore International Commercial Court*. Pada kita di Malaysia ini, kita ada *niche market*. *Niche market* kita ialah tentunya yang berkaitan dengan muamalah Islam,

syariah Islam, Bank Islam dan kita punya transaksi itu pada saya mencecah berbilion ringgit dan sewajarnya kita memanfaatkan perkara ini.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** [*Bangun*]

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Saya juga ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah kerajaan bersedia dalam hal yang berkaitan dengan perkara-perkara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Alor Setar bangun.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Minta untuk memberi sedikit. Satu minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Berkenaan dengan yang dibangkitkan mengenai kepakaran perguaman negara kita untuk disebarkan dan berkembang secara *international*. Saya ingin bertanya, bukan sahaja daripada segi undang-undang syariah. Kita tahu bahawa baru-baru ini kita ada *Kuala Lumpur War Crimes Tribunal* yang saya percaya telah pun berjaya untuk membangkitkan kesedaran kes-kes *war crime* yang dilakukan di Israel, Palestin dan sebagainya. Akan tetapi malangnya peraturan-peraturan *war crime tribunal* ini tidak mempunyai *binding effect* dan ada banyak orang dan banyak pengkritik yang mengatakan *war crime tribunal* di Kuala Lumpur ini adalah hanya *show task*. Di sebaliknya, Kerajaan Malaysia dalam tahun 2011 telah pun mengumumkan bahawa Malaysia sekarang bersedia dan bersetuju untuk menjadi ahli dalam *International Criminal Court*. Itu dalam tahun 2011.

Dua tahun telah pun berlalu dan sehingga hari ini, nampaknya tidak ada usaha *to rectify*, meratifikasikan keinginan Malaysia untuk menjadi ahli dalam *International Criminal Court* ini. Saya percaya bahawa Malaysia ini boleh memainkan satu peranan yang penting dari segi meningkatkan keadilan *international*. Kita ada pakar-pakar peguam di Malaysia juga dan kita boleh menjadi satu contoh di Asia Tenggara. Apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Ketil? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Bukit Katil. Bukan Yang Berhormat Kuala Ketil.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Minta maaf.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Mungkin sebelah petang ini selepas kena nasi, dia *confuse* sedikit.



Yang Berhormat Alor Setar membangkitkan soal yang agak relevan kepada persoalan yang sedang kita bahaskan ini iaitu mengenai beberapa siri yang saya boleh *quote* ataupun dengan izin *show off* satu *war crime tribunal* yang dibuat di Kuala Lumpur yang pada saya sekadar merupakan satu *show*. Satu pertunjukan yang tidak lebih bertujuan untuk menunjukkan bahawa kita prihatin terhadap masalah jenayah terutama jenayah perang di negara-negara yang lain malah dalam negara kita sendiri kita masih lagi berperang dan bergelut dengan masalah demokrasi dan hak asasi manusia dan sebagainya.

Akan tetapi saya setuju dengan pandangan bahawa kita perlu konsisten dan dalam hal ini saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan mempunyai perancangan yang serius untuk memastikan agar imej badan kehakiman ini betul-betul dihormati oleh rakyat dan juga oleh negara-negara jiran sepertimana yang dikemukakan oleh rakan-rakan Ahli Parlimen tadi. Kita ada berbagai-bagai siri kes yang mana meletakkan bukan sekadar seseorang itu dibicarakan tetapi badan kehakiman itu seolah-olah *put on trial*. Begitu juga negara, *put on trial*. Tentunya dalam kes Yang Berhormat Permatang Pauh misalnya. Kes-kes yang berkaitan dengan kebebasan dalam pilihan raya. Kes-kes yang berkaitan dengan perhimpunan aman.

Kes-kes ini sebenarnya walaupun dilihat remeh dan boleh dipandang sebagai satu pandangan yang dalam erti kata ini kerja pembangkang tetapi dalam satu sudut pandangan yang lain, ia membina satu *confidence*. Membina satu keyakinan agar sistem kehakiman itu mesti diperbetulkan agar bertindak dari segi persepsinya diberikan keadilan. Oleh sebab itu dalam hal ini, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah langkah-langkah ataupun cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak dalam Dewan yang mulia ini supaya dalam satu sesi, kita membuka profesion kepeguaman untuk menarik sokongan atau menarik keprihatinan ataupun perhatian daripada peguam-peguam yang terkemuka di dunia untuk beramal di Malaysia. Akan tetapi kita tidak meletakkan dan menggunakan ataupun menyediakan suasana yang kondusif untuk mereka mengamalkan undang-undang ini.

Ini sebenarnya yang lebih penting. Jauh lebih penting daripada pindaan-pindaan yang telah pun kita lakukan dan bahaskan ini. Yang lebih penting itu ialah bagaimana kerajaan menunjukkan kesediaan. Dari segi *good governance* dengan izin, dari segi *rule of law* dan dari segi *justice* sistem keadilan itu kerana kalau ketiga-tiga pakej ini dapat ditunjukkan dengan begitu meyakinkan maka saya fikir bukan sekadar profesion kepeguaman ini dapat berkembang dengan baik, malah ia mempunyai kaitan langsung

dengan pertumbuhan ekonomi. Jadi sebab itu kalau saya tunjukkan angka-angka tadi, ia membantu menjana kewangan, menjana pertumbuhan ekonomi yang baik dan akhirnya menjadikan Malaysia sebuah rantau yang terbaik dalam ASEAN khususnya, apatah lagi di peta dunia.

Jadi dengan itu, sekadar itu sahaja pandangan saya tentang perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai. Sila.

### **3.57 ptg.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin memberikan buah fikiran terhadap rang undang-undang yang telah dibahaskan dengan begitu panjang lebar hari ini, dengan pandangan-pandangan yang banyak memberikan sokongan kepada rang undang-undang ini. Saya juga berpandangan bahawa tadi saya sudah sentuh di dalam pencilan kepada beberapa orang rakan tadi bahawa kita memerlukan satu rang undang-undang ataupun pindaan yang lebih mantap bagi memastikan apa yang hendak kita sampaikan itu sampai kepada sasaran kita.

Contohnya, saya sebut tadi kita tidak boleh membenarkan mana-mana orang ataupun pihak yang bercakap mengenai perkara undang-undang ini kalau mereka bukan daripada kalangan peguam dan juga bagi mereka yang peguam dari luar negara, mereka tidak boleh menyentuh perkara yang berkaitan dengan undang-undang Malaysia melainkan jika mereka memberikan pandangan dan nasihat itu *free of charge* (FOC) dengan izin atau tanpa mengenakan sebarang fi. Kalau ada fi tidak boleh. Jadi, saya hendak minta penjelasan. Apa cara atau apa mekanisme kita untuk membuktikan bahawa konsultasi yang mereka berikan tidak melibatkan satu *charge* ataupun bayaran. Maka mereka boleh memberikan sebarang komen terhadap perkara yang terdapat dan menyentuh undang-undang di Malaysia. Jadi, saya rasa agak sukar. Mungkin sukar tetapi saya tidak menolak kemungkinan kerajaan ada cara ataupun pihak yang berkenaan ada cara untuk mengawal daripada perkara ini berlaku.

Kalau caj yang menjadi pertimbangan, maka saya rasa kalau kita hendak mendapatkan satu konteks liberalisasi yang betul-betul liberal, maka apa salahnya kalau kita buka pandangan-pandangan ini daripada peguam-peguam daripada luar ini. Tidak kiralah di caj ataupun tidak di caj. Biar mereka memberikan pandangan-pandangannya. Kalau kita menganggap ini akan mengancam periuk nasi para peguam kita, itu

mendedahkan kita kepada suatu andaian bahawa para peguam kita tidak berkemampuan ataupun tidak sampai tahap di mana orang akan merujuk mereka untuk pandangan-pandangan yang lebih profesional dan saya tidak rasa begitu.

■1600

Saya merasakan bahawa peguam kita dengan segala pengalaman dan latihan yang ada boleh menjadi sumber rujukan dan pandangan atas perkara ini. Jadi biarkan mereka bersaing secara yang betul-betul terbuka. Kalau pula tidak mahu membuka ruang ini maka tutuplah ruang ini. Jangan kata kalau tidak ada fi boleh, kalau ada fi tidak boleh ya...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh beri laluan?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, sila.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih. Saya hendak dapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Krai bahawa untuk mendapat keadilan ini, janganlah kos atau pun bayaran terlalu tinggi sehinggakan orang miskin atau rakyat biasa tidak mendapat keadilan daripada sistem kehakiman atau pun timbang tara yang ada. Adakah bersetuju bahawa memfailkan fi di mahkamah pada 1 Mac 2013 ini, pihak mahkamah telah menaikkan fi, memfailkan dokumen secara sekali gus seratus peratus. Ini membebankan. Setuju atau tidak? Diharap kehakiman atau pun kerajaan boleh mengkaji keputusan ini. Seratus peratus memang sangat tinggi.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas atas pertanyaan tersebut. Saya menganggap kos-kos yang *prohibitive* ini atau yang boleh menghalang rakyat kita daripada mengemukakan apa-apa saman atau pun membuka fail di mahkamah sebagai menghalang keadilan daripada dilaksanakan dengan lebih mudah dan telus. Kenaikan seratus peratus kalau benar seperti apa yang didakwa dan saya yakin sebagai peguam apa yang dibangkitkan pada 1 Mac itu adalah betul, merupakan satu perkara yang akan di *pass* kan atau diperturunkan kepada anak guam. Tentulah ini akan menimbulkan masalah, kerana kalau biasanya membuka fail RM5,000 menjadi RM10,000, di situ sahaja pun sudah menimbulkan satu kegawatan bagi mereka yang ingin mendapatkan keadilan di mahkamah kita.

Jadi saya menyokong saranan Yang Berhormat Beruas tadi supaya dipertimbangkan semula. Kos-kos ini ada orang mengatakan bukan ramai yang kena, hanya mereka yang terlibat di mahkamah. Jadi mungkin tidak menjejaskan kita punya inflasi dan sebagainya. Akan tetapi dari segi keadilan ianya sudah pasti akan menjejaskan anak guam mereka. Ditambah pula dalam kes-kes tertentu di mana bayaran kos

mahkamah apabila selesai penghakiman itu juga kadang-kadang *prohibitive* dan menyebabkan ada orang yang merasa lebih baik tidak membawa kes-kes ini. Ini saya ambil contoh daripada petisyen-petisyen pilihan raya yang telah dikemukakan. Ada peguam-peguam yang menuntut kos ini mengancam untuk menuntut jumlah sampai orang yang membawa atau pun yang menentang petisyen itu bankrap. Jadi ini satu perkara juga yang tidak elok kita dengar.

Jadi itu yang melibatkan kos. Saya harap kerajaan dapat memikirkan bagaimana sama ada hendak buka terus atau pun hendak tutup terus penglibatan konsultan asing dalam undang-undang ini. Bagi rakyat yang tentunya tidak berkemampuan saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat Pengerang tadi supaya urusan Biro *Legal Aid* ini dapat diperkemas dan dipertingkatkan meliputi seperti apa yang dicadangkan tadi. Bukan hanya kes-kes jenayah tetapi juga kes-kes sivil yang sekarang ini semakin banyak didengar di mahkamah-mahkamah.

Ini kerana ada *double jeopardy*, dengan izin, bagi rakyat kita. Pertamanya, mereka tidak mampu tentang isu undang-undang ini dan kadang-kadang mudah mengalami kesan terhadap kesilapan-kesilapan atau pun penipuan-penipuan perjanjian yang berat sebelah yang merugikan mereka. Contohnya, itu satu kesan kemudian apabila mereka ingin membawa kes ini untuk tuntutan sivil, maka kos yang *prohibitive* tadi mungkin akan menjejaskan pula usaha mereka untuk mendapat balik apa-apa juga kehilangan-kehilangan daripada pihak-pihak yang mereka tuntutan.

Dalam keadaan ini, saya amat bersetuju supaya *Legal Aid Bureau* atau pun pihak Majlis Peguam atau pun yang ada di dalam kerajaan iaitu Biro Bantuan Guaman diperkukuhkan untuk membantu bukan hanya sekadar kes-kes jenayah tetapi juga membuka ruang untuk kes-kes.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tumpat bangun.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, sila.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tentang bantuan guaman atau *legal aid* ini dan kaitannya dengan petisyen pilihan raya. Oleh kerana kos-kos nampaknya melambung walaupun kata kerajaan tidak ada inflasi sangat dalam negara ini tetapi kos petisyennya seperti mana yang diumumkan melambung agak tinggi peratusannya. Bolehkah *legal aid* itu kita libatkan dalam kes petisyen pilihan raya ini? Anggapkan bahawa kes-kes petisyen ini boleh dibiayai melalui *Legal Aid Bureau* ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Cadangan yang sangat inovatif dan perlu dipertimbangkan. Ini kerana yang membuat tuntutan, yang cuba membawa bantahan kepada petisyen bukan semestinya kita yang berkedudukan baik dalam ekonomi. Lainlah saman-saman terhadap *Utusan* misalnya, *Utusan* boleh kendalikan dengan mudah sebab mereka mendapat sokongan kuat dari kepimpinan negara dan iklan-iklan GLC yang banyak, mereka boleh menghadapi *claim-claim* ini dengan mudah. Akan tetapi bagi kita yang berada dalam kalangan awam ini sudah pasti ianya akan memberikan kesan yang agak memudaratkan mereka kalau tidak ada bantuan-bantuan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai keadaan peguam-peguam kita yang akan berhadapan dengan satu senario liberalisasi yang cukup mencabar. Saya tidak kata mengancam tetapi cukup mencabar. Antara *argument* di dalam perbahasan TPPA ialah apabila ruang dibuka sepenuhnya, *full liberalization*, dengan izin, dalam semua urusan *trade* dan juga perkhidmatan.

Jadi seperti yang rakan-rakan saya sudah sebut dan saya sekadar ingin mengulangi balik desakan supaya sesuatu dibuat agar keseluruhan Majlis Peguam-peguam kita yang ada di Malaysia ini berkemampuan untuk menghadapi kebanjiran masuk kepakaran guaman asing. Itu pertama,

Keduanya mampu untuk membawa peguam-peguam kita ini pula keluar ke negara-negara rakan dagang kita supaya dapat membuat urusan-urusan yang sama di luar negara. Ertinya menambah baik hasil pendapatan mereka. Tadi saya mencelah Yang Berhormat Pengerang apabila ada sedikit waswas sama ada institusi pengajian tempatan ini menghasilkan peguam yang betul-betul cukup mantap dan cukup hebat. Ini kerana dikatakan bahawa sesetengah institusi ini *they have to pass the student for the sake of passing*, dengan izin.

Kalau itu benar-benar berlaku dan saya rasa ianya kemungkinan andaian semata-mata. Akan tetapi kalau ada unsur-unsur sedemikian, saya rasa bukan hanya menjejaskan imej kelompok guaman ini tetapi masa depan individu-individu yang mungkin tidak melepasi satu tahap minimum untuk membuat amalan guaman akan masuk dalam *circulation* ini, akan masuk dalam kelompok ini. Seperti juga kalau ada doktor yang tidak dilatih dengan baik tetapi entah bagaimana masih lulus dan berada di dalam profesion perubatan negara kita, mereka mungkin akan menjadi doktor-doktor yang bahaya.

Kalau kita dapat mengesannya mungkin kita dapat mengelakkan anak-anak kita ataupun diri kita dilayan, dirawat oleh doktor-doktor sedemikian. Begitu juga kalau ada para-para peguam yang tidak mencapai tahap tersebut, mungkin ianya akan membahayakan juga anak-anak guam, klien mereka.

Jadi ini mesti diberikan perhatian dan saya bersetuju sangat kerana saya lihatlah oleh kerana kita kerap juga keluar masuk mahkamah, memerhatikan bahawa suatu *command* yang baik kepada bahasa Inggeris itu merupakan suatu nilai tambah yang cukup tinggi kepada para-para peguam kita dengan tidak memperkecilkan peguam-peguam kita yang ada yang memang mahir dan dapat berbahas dengan baik di dalam mahkamah dalam Bahasa Malaysia tetapi dalam suasana yang baru yang akan kita hadapi dengan liberalisasi ini, saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Beruas tadi bahawa *a good command of English* sudah merupakan menjadi suatu kemestian kepada pihak guaman kita.

Jadi apa langkah kita di peringkat pendidikan *tertiary* untuk menghasilkan para peguam-peguam kita ini? Kalau kita masih lagi belum selesai berbahas mengenai pendidikan bahasa Inggeris di sekolah rendah dan sekolah menengah. Bagaimana agaknya kalau kita hendak menangani isu ini di peringkat IPT? Jadi kerajaan perlu segera kerana tindakan-tindakan yang diperlukan ini akan menghasilkan peguam-peguam yang saya rasa yang akan lebih baik, boleh bersaing dengan rakan-rakan mereka daripada luar negara yang tentunya tidak akan bertolak ansur apabila berkomunikasi. Kebanyakannya akan berkomunikasi pada *terms* mereka terutamanya dalam bahasa yang mereka lebih faham.

Jadi itu memerlukan selain daripada kita meminda untuk menguatkan profesion undang-undang ini, kita memperkasakan juga peguam-peguam tersebut supaya dapat bersaing dan yang akhir sekali saya ingin merujuk sedikit apa yang ada di dalam rang undang-undang ini mengenai pihak berkuasa tatatertib. Saya rasa tidak ada khilaf di sini bahawa semuanya mesti tunduk kepada kawalan tatatertib yang satu di Malaysia ini. Ertinya tidak ada kelonggaran bagi mana-mana pihak yang mungkin datang membuat amalan di Malaysia ini mendapat sebarang bentuk pengecualian dan menyebabkan ada dua bentuk tindakan yang berbeza untuk kumpulan yang berbeza. Jadi kita harus tegas dalam hal ini. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**4.13 ptg.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]* Ini bukan soal tarik panjang-panjang, cuma ada keperluannya. Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin berbahas walaupun saya ini latar belakang bukanlah peguam tetapi rasa saya keperluan itu bukan hanya menjurus kepada pihak guaman semata-mata. Apa yang saya lihat bahawa langkah kerajaan untuk mengetengahkan akta ini merupakan satu langkah yang proaktif ke arah ingin melihat bagaimana negara kita boleh mencetuskan peguam-peguam yang bertaraf dunia ataupun yang berkualiti.

Sebab apa yang kita lihat di negara kita ini kalau peguam Melayu Bumiputera kita lihat ada Dato' Muhammad Shafee bin Mohamed Abdullah sahaja yang menyerlah sehingga diguna pakai oleh mana-mana pihak termasuk pihak luar, termasuk pihak AG sendiri mengguna beliau ini termasuk pembangkang. Cuma Yang Berhormat Seputeh sahajalah tetapi kalau Yang Berhormat Seputeh ada kes mungkin dia akan guna juga sebab dia tahu Dato' Muhammad Shafee bin Mohamed Abdullah ini seorang peguam yang hebat. Dia dari segi teknikalnya, dari segi keterampilannya dan kita pun tahu berapa banyak peguam-peguam yang seperti Dato' Muhammad Shafee bin Mohamed Abdullah ini yang ada dalam negara kita.

Sebab kalau dia seorang sahaja jadi ekoran daripada dia seorang sahaja yang hebat maka bayaran guaman itu pun meningkat. Sebab dia seorang yang profesional dan luar biasa. Kalau Yang Berhormat Pokok Sena mungkin dia dipanggil orang bilang *lau-ya* bukan *lawyer*. Jadi sebab itu dia tidak menyertai...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]* Kita berbahas dia cakap kita cari gaduh. Ini petang mana boleh cari gaduh. Ini Dewan Rakyat untuk kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena tidak bising pun tetapi Yang Berhormat Seputeh bising.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh bising. Yang Berhormat Seputeh bagus balik pergi kerjalah pergi Selangor sana, selaku *Exco* kena jaga negeri Selangor. Apabila saya melihat bahawa kita hendak membuka ruang kepada peguam luar negara, jadi bagaimana pula ketentuan untung nasib peguam-peguam di negara kita? Sebab hari ini pun profesion guaman ini tidak ada jaminan ada kerja ataupun boleh mencari peluang untuk berniaga. Saya lihat banyak peguam-peguam keluaran dari negara kita betul, mereka ada *certificate* sebagai seorang peguam tetapi

tidak menyerlah. Akhirnya, jangan saya tidak memburukkan jurusan peguam ini tetapi akhirnya mereka menjadi peguam kaki jalanan yang *collect* duit sana sini, yang hendak..., mereka cetuskan satu jurusan sendiri iaitu mempengaruhi orang yang tidak berpendidikan itu dan membayar sebarang bayaran kepada mereka dan wang itu lesap. Hilang tidak tahu ke mana.

Jadi ini pun berlaku kepada peguam-peguam dan menjejaskan imej peguam itu sendiri. Jadi ini yang tidak baik. Ini seharusnya ada badan pemantau ataupun monitor kepada aktiviti-aktiviti sebegini sebab dahulu kalau kita dengar nama peguam, orang kampung pun takut. Dia ingat peguam ini satu entiti yang boleh memudaratkan tetapi sekarang ini dengar peguam, "*Ah! Penipulah itu peguam*", dia kata. Itu pula imej dia.

Jadi berapa banyak yang kita harus cetus bukan sahaja kita mahu melahirkan berapa banyak graduan dari segi guaman ini tetapi *when come* itu - kualitinya perbicaraan, dia kalah sahaja. Jadi masyarakat ini pun rupanya peguam ini pun ada dia punya rating. Kalau peguam itu dia terus kalah kes dia di mahkamah, alamat peguam itu dia tutup kedai. Dia tidak boleh cari makan. Akan tetapi kalau peguam itu dia menang terus macam kita punya Yang Berhormat Puchong punya wakil rakyat. Dia menang terus dia punya harga bukan alang-alang. Sebab itu dia laku. Dia boleh jadi *millionaire* macam kita punya Yang Berhormat Gelang Patah dahulu. Dia jadi laku macam kita punya...

Yang Berhormat Beruas... Bukan, Yang Berhormat Beruas dia tidak berapa laku [Ketawa] Dia punya peguam lain sedikit [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor mungkin, ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor, ya. Wah! Kalau ada macam Yang Berhormat Bukit Gelugor dengan Dato' Muhammad Shafee bin Mohamed Abdullah, sepuluh kali seratus orang kah, mungkin banyak penjenayah-penjenayah juga terlepas. Itu pun saya tidak suka juga sebab dia sudah melakukan jenayah tetapi oleh kerana peguam itu hebat dia boleh terlepas. Orang yang membunuh sudah bukan jadi pembunuh. Dia bunuh lagi akan datang. Hah! Ini masalah.

Jadi kalau macam Yang Berhormat Beruas sebab itu Yang Berhormat Beruas sudah jadi wakil rakyat sepenuh masa sebab dia tidak begitu yakin dengan guamannya. Tidak banyak kemasukan. Jadi itu sebab peguam ini pun sebetulnya bukan semua boleh berjaya. Ada guna landasan guaman itu untuk dia lonjakkan ke satu tahap pula.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, ini sangkaan jahat. Tidak patut.



**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]*.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tidak patut...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]*. Ia bukan sangkaan jahat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tidak patutlah buat tuduhan sedemikian.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebab saya nampak...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Hakim yang buat keputusan, bukan Yang Berhormat Bukit Gelugor yang buat keputusan seorang itu bersalah ataupun tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat pujilah peguam-peguam yang ada di dalam Dewan, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau dia sangka, Yang Berhormat Beruas cakap saya punya sangkaan jahat, kalau begini kalau ada kes-kes di luar panggillah Yang Berhormat Beruas sebagai peguam bela. Mungkin dia boleh macam Yang Berhormat Puchong, macam Yang Berhormat Bukit Gelugor. Akan tetapi itu sebab saya tidak baca rekod dia di mahkamah. Dia ini sudah luar biasa. Kalau Yang Berhormat Puchong, ini Dato' Muhammad Shafee bin Mohamed Abdullah rekod dia sudah ada. Sebab itu kalau peguam yang hebat ini dia satu kali ada kes RM100,000 deposit.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Timbalan Speaker kita ini peguam juga tahu. Kenapa Yang Berhormat Kinabatangan tidak sebut nama dia *[Dewan riuh]*

#### ■1620

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini *[Ketawa]* Haiya ini...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia baru *punch card*, baru datang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia mahu *punch card* saja. Baru datang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Oh, baru sampaikah?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Punch card* saja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mana ada kempen lagi ini. Oleh kerana itu pada saya kerajaan juga harus meneliti persoalan-persoalan, prospek-prospek dia. Kita dalam tahun 2013, 2014 berapa banyak graduan peguam yang hendak kita keluarkan tapi bukan itu sahaja. Bukan setakat jadi peguam, maka kita sudah mengeluarkan mereka daripada masalah. Itu saya katakan sekarang ini pun ada peguam

yang jual burger sebab tidak ada *opportunity*. Ya, tidak ada peluang. Jadi apa yang hendak kita banggakan kalau ini pun tidak boleh menyelesaikan masalah. Seharusnya kenalah ada peguam-peguam itu yang ada kualiti dia, ada kehebatan dia, luar biasa. Kenapa yang lain boleh, kenapa tidak boleh. Kenapa Yang Berhormat Puchong boleh jadi hebat, kenapa yang lain tidak hebat. Apa sebab dia?...

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak, dalam Pakatan pun yang lain tidak hebat juga. *You* pun peguam tidak hebat juga. Lagi ayam mati saya nampak. Lagi teruk. Sebab kalau hebat ini dia jadi rebutan. Kalau tidak hebat, macam inilah duduk dalam Dewan diam-diam. Tengok Yang Berhormat Puchong, dia hebat, dia tidak ada dalam Dewan sebab dia sibuk untuk melayan pelanggan-pelanggan dia. Ini yang kita mahu. Yang tidak hebat terpaksa di sinilah. Tunggu kesian dalam Dewan macam saya jugalah.

Jadi itu antara bandingan dia yang luar biasa sama tidak. Tengok itu Yang Berhormat Beruas, dia tidak berapa laku di luar sebagai peguam, dia di sinilah. Ini bukan sangkaan jahat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini membuang masa. Saya buat banyak kes juga tapi kita buat banyak kes sivil, saya pernah buat 39B, *drug case, murder case, rape case, corporate case*. Kita banyak, *military case* pun saya buat, tujuh kes. Banyak kes. Bagi saya ini buang masalah. Kalau boleh kita balik ke bil kerana ini masa Ahli Parlimen sangat penting.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Billah yang saya bahas ini. Sebab kita mahu ada peguam keluar saja dia punya kerja *contract agreement*, sain saja. Dia harap kontrak kerajaan negeri. Kalau macam dulu waktu memerintah di Perak, *housing agreement*, semua, banyak peguam begitu. Maksud saya ini peguam yang menyerlah. Jadi ini tidak membuang masa. Kalau peguam menyerlah, dia akan menjadi seorang peguam yang tahap dia, *level* dia, standard dia tinggi. Macam itu Yang Berhormat Bukit Gelugor, siapa tidak kenal. Kadang-kadang orang UMNO pun ambil dia. Sebab dia hebat. Mahu menang kes itu, kena peguam yang hebat. Kalau kita ambil peguam yang ayam mati semua orang cakap, alamat masuk penjara.

Sebab itu, oleh kerana itu saya tidak menuduh Yang Berhormat Beruas tidak hebat. Banyak kes-kes. Cuma mungkin kes-kes dia kecil-kecilan tetapi Yang Berhormat Bukit Gelugor punya, Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah ini dia punya kes menyeluruh.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, ini menghina mahkamah kerana dia beri gambaran di Malaysia ini kita menang kalah kes ikut peguam. Bukan mahkamah mengikut keterangan yang diberikan di mahkamah, kita buat keputusan ini memburuk-burukkan mahkamah yang sudah saya tadi katakan memang sudah mempunyai imej yang tidak baik. Ini tuduhan yang amat menghina mahkamah. Saya harap ini ditarik balik agar kita tidak lagi memberi gambaran yang lagi buruk terhadap kehakiman kita.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya kata memang ada kes tapi kes kecil-kecilan. Bukan saya cakap menghina mahkamah. Macam mencuri kes juga tapi dikira kecil-kecilan. Dadah pun dadah juga cuma berapa *content* dia. Kalau dia sedikit, dadah juga. Hukuman dia ada tapi kecil-kecilanlah, begitu. Bukan menghina mahkamah ini lain. Saya mana pandai menghina mahkamah. Mahkamah adalah rakan kita. Satu institusi yang kita harus banggakan. Selain daripada institusi Parlimen, kita ada institusi mahkamah, kehakiman. So kita selari bersama sebab itu saya tidak lari daripada hujah saya. Kalau Yang Berhormat Beruas kata menghina, itu jauh sekali.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sila, sila. Ini peguam juga ini.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya seronok juga dapat bagi Yang Berhormat Kinabatangan rehat sekejap. Saya juga bukan seorang peguam. Saya terpanggil juga untuk memberi pendapat tentang perbahasan pada petang ini kerana daripada tadi saya melihat banyak Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan dan mengatakan bahawa ada peguam-peguam sekarang ini yang tidak fasih, *not fluent in English*, dengan izin, dan dengan ini menimbulkan ketakutan apabila peguam-peguam dari luar yang asing dan masuk sini dan mengecil-kecilkan kewibawaan kita.

So saya rasa terpanggil kerana saya fikir kritikal profesion macam *lawyers*, macam peguam, macam doktor, kita telah menjalani kursus daripada tahun satu hingga tahun akhir dan kita telah banyak menggunakan bahasa Inggeris dalam pembelajaran kita. Contohnya *in medicine*, contohnya dalam perubatan, kalau seseorang tidak *fluent*, kalau seseorang tidak cekap dan tidak fasih berbahasa Inggeris maka bukan senang untuk dia menjalani pemeriksaan dan lulus dengan cemerlang, dan lulus dengan baik. Kalau saya

kira kalau seseorang yang tidak fasih, *not fluent in English*, dengan izin, maka macam mana dia dapat lulus dari peperiksaan dia.

Jadi berbalik kepada profesion perguaman, yang mana peguam-peguam ini adalah orang-orang yang pandai bercakap berbanding dengan profesion yang lain. Kalau peguam-peguam tidak pandai bercakap, macam mana dia jadi peguam dan *of course* sudah tentulah saya kira perbahasan kalau diperlukan dalam bahasa Inggeris, peguam-peguam mestilah efisien dan mestilah *fluent*. Jadi pada pendapat saya, berapa peratuskah peguam-peguam yang ada sekarang ataupun peguam-peguam yang ada di dalam Dewan yang mulia ini yang tidak fasih dalam bahasa Inggeris yang saya lihat banyak teman-teman Ahli Yang Berhormat selalu berbahasa Inggeris.

Jadi peratusan yang saya kira ada daripada peguam-peguam yang tidak fasih dalam bahasa Inggeris mungkin ada tapi sangat-sangatlah kecil dan mungkin ini tidak akan menggugat jika ada peguam-peguam dari luar yang masuk ke dalam profesion amalan perguaman di negara kita ini. Itu pendapat saya. Apa pendapat Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya sebetulnya amat bersetuju dengan Yang Berhormat ini sebab profesion peguam ini macam doktor juga. Dia ada sebutan-sebutan yang saintifik dan rata-rata kalau tidak ada fasih berbahasa Inggeris bermakna gagallah seorang peguam itu. Mungkin sebab itu juga mungkin akta ini dia punya pindaan membenarkan peguam daripada luar untuk masuk ke negara kita dengan syarat tidak melebihi tempoh visa imigresen 60 hari diperoleh.

Jadi sebab itu saya awal-awal lagi dan mungkin Yang Berhormat sebab itu juga kerajaan kita telah mentransformasikan pendidikan kita mensyaratkan peperiksaan akan datang kena lulus subjek Bahasa Inggeris. Ini mungkin untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris itu sendiri kepada pelajar-pelajar kita dan lebih-lebih lagi dalam jurusan guaman ini memang memerlukan bahasa Inggeris sebab interaksi dengan peguam-peguam yang lain.

Jadi dengan akta ini membenarkan, sebab itu saya persoalkan apakah keperluan dia kita membenarkan peguam-peguam daripada luar memasuki negara kita, memberi nasihat. Apakah peguam-peguam di negara kita ini sudah tidak boleh menasihati kita dalam bentuk-bentuk yang lain. Sebab itu saya kata di situlah soal kualiti itu perlu ada kualiti yang ada pada kita dan saya juga meminta kerajaan, kalau pun mungkin Yang Berhormat Puchong ini pembangkang tetapi dalam bidang guaman dia hebat, maka bolehlah dia menasihati kerajaan dalam bidang-bidang tertentu. Tidak perlu tunggu

peguam-peguam daripada luar. Kalau semua peguam-peguam dari pembangkang ini hebat, boleh diambil tapi saya tengok dua, tiga orang sahaja yang hebat, jadi jangan marahlah. Saya rekomen dua nama sahajalah, Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Bukit Gelugor sebab dia hebat. Kalau yang lain-lain ini peguam juga tapi *sorry lah*, tidak cukup *qualified* saya rasa untuk menasihati sebab tidak begitu menyerlah.

Jadi bagi NGO pula kita ada Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah, mungkin itu kita boleh jadi mentor kita dan kita *encourage* kan pelajar-pelajar jurusan undang-undang di universiti ini supaya dia ada idola dia. Kalau idola mungkin pembangkang tidak berapa baik, kita jadikan Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah ini sebagai idola peguam-peguam kita.

#### ■1630

Ini supaya kalau dia boleh menyerlah, kenapa kita tidak boleh? Begitu ceritanya. Akan tetapi kalau Dato' Muhammad Shafee bin Mohamed Abdullah satu-satu orang, kalau dia sudah tidak ada legasi dia pun tidak ada, *so* macam mana kita hendak menyusun struktur guaman-guaman dalam negara kita untuk masa depan kita ini? Kalau harap Yang Berhormat Seputeh, harap kiamatlah. Dia ingat politik sahaja, dia tidak mahu ada dalam minda dia untuk cetusan melahirkan guaman-guaman yang bergenerasi baru untuk membantu membentuk negara...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, ini sangkaan jahat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]* Sangkaan jahat lagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bercakap dengan Peraturan Mesyuarat. Sebenarnya dia tidak ada *point*.

**Seorang Ahli:** Betul!

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya dengar dia cakap ada dua orang peguam yang handal dekat sini dan ada dekat sana. Tiba-tiba Dato' Muhammad Shafee bin Mohamed Abdullah jadi NGO. Haiyoo...! Dia hanya hendak panjangkan masa sahajakan *[Dewan riuh]* Adakah Menteri sudah siap untuk jawab semua perbahasan tadi supaya dia jangan pusing-pusing, bawa kita tidak tahu pusing pergi entah ke mana...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Seolah-olah kita tidak ada isu hendak bahas.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Wah! Ini Yang Berhormat Seputeh mahu jadi Speakerkah? Tidak perlulah mahu jadi Speaker. Yang Berhormat Seputeh di Selangor sudah jadi Exco Kerajaan Negeri, cukuplah. Semua hujah saya

mana ada sangkaan jahat Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya merosakkan minda masyarakat, itu adalah sangkaan jahat. Ini saya seorang yang baik, jadikan Dato' Muhammad Shafee bin Mohamed Abdullah idola untuk pelajar-pelajar guaman, salahkah?

Sebab dia seorang peguam yang luar biasa. Orang Putih pun pakai dia. Kerajaan pun guna dia. Pembangkang pun kadang-kadang pakai dia. Kenapa tidak boleh? Mana ada dalam pembangkang yang menyerlah selain daripada yang saya sebut tadi, Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Walaupun pembangkang akan tetapi saya respek dia dari segi profesion dia sebagai guaman. Dia telah menyerlah, berjaya. Hampir 100% *court case* yang dia hadiri, dia menang. Jarang kalah. Inilah rasa saya peguam yang menyerlah. Kalau harap yang lain, saya tidak mahu sebutlah. Kalau rakan-rakan macam Yang Berhormat Beruas memang matilah. Kalau dia dihukum bunuh, cari peguam yang tidak menentu...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bukan jahat. Ini contoh, contoh dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, ini buang masa sahaja. Rekod saya, saya menang 80% semua kes yang saya buat.

**Beberapa Ahli:** [*Tepuk*] [*Dewan riuh*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hah! Kalau begitu ini peluang Yang Berhormatlah untuk mengetengahkan. Jadi boleh buat promosilah. Kalau Yang Berhormat masih lagi berminat meneruskan karier guaman, mana tahu lain kali tanding kalah, jadi boleh lagi. Jangan tutup itu pejabat peguam. Sebab kalau tutup, nanti tutup politik tutup dua-dua. Jadi kita tidak boleh. Kita kena ada *reserve* belakang [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua sebab itu saya balik kepada soal pokok kita iaitu untuk memperkasakan akta ini, bukan sahaja akta kita perkasakan, akan tetapi realitinya, bagaimana hendak implementasi kaedah-kaedahnya. Itu yang penting. Kalau pun kita tahun ini universiti kita melahirkan 2,000 orang peguam tetapi 2,000 orang peguam tenggelam tidak tahu ke mana. Ini alamat yang tidak baik.

Ada juga peguam kita yang muda tetapi menjerit di jalan raya, ikut BERSIH, ikut macam-macam, itu lagi teruk. Sebab peguam ini seorang yang dihormati. Apabila dia turun untuk buat hujah bermakna ada satu kepentingan. Akan tetapi kalau dia ikut telunjuk

orang lain, nama sahaja peguam tetapi diheret oleh Yang Berhormat Pokok Sena yang bukan peguam, itu bukan peguam namanya. Itu dipanggil orang kampung “Lawiya”, bukan “lawyer”.

Ini yang kita mahu. Kita harus mahu ada memikirkan kualiti itu sendiri untuk memastikan peguam-peguam yang kita lahir ini boleh membimbing masyarakat pada masa akan datang. Bukan hanya dia pula ada bimbing. Jadi peguam hanya untuk mendapat *certificate*, tiba-tiba hendak mencari pekerjaan pun tidak boleh...

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Bangun]**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Hendak buka guaman sendiri, tiga bulan tutup, ini saya rasa satu malapetaka dan harus kita lihat bagaimana yangrasa saya... Ya, rakan saya ini dia peguam. Saya rasa di Kelantan dia ditabik sebab dia ada kualiti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, belakang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Yang Berhormat Jelebu, sila.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kinabatangan. Saya tertarik dengan perbincangan ini. Cuma hendak menarik perhatian berkaitan dengan tugas peguam dan mahkamah ini. Jadi mahkamah merupakan satu tempat di mana kita mencari keadilan dan kebenaran. Ini tempat kita mengadu dan kita mencari perkara yang berkenaan.

Jadi ia diurus oleh peguam-peguam. Jadi berasaskan kepada pencarian kebenaran dan juga hak mengikut lunas undang-undang, maka saya terdengar kadang-kadang pandangan masyarakat. Kalau begitulah niat dan maksud kita ke mahkamah, kenapa kadang-kadang didapati peguam apabila bertemu dengan fakta yang dia sendiri boleh nilai bahawa ia merupakan fakta yang salah, tetapi dia teruskan juga mencari supaya kebenaran yang dia hendak itu walaupun salah mahu diterjemahkan menerusi mahkamah.

Jadi bagaimana agaknya pandangan Yang Berhormat Kinabatangan berkaitan dengan etika, sifat dan perilaku yang sedemikian yang menyebabkan kadang-kadang peguam-peguam ini dia bukan mencari kebenaran. Akan tetapi dia cuba menegakkan sesuatu yang dia tahu tidak betul pun hendak betulkan juga sehingga boleh melepaskan orang yang tidak betul di mahkamah. Jadi ini macam mana? Mungkin Yang Berhormat Kinabatangan boleh memberi pandangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Inilah undang-undang, walaupun kita lihat undang-undang itu tidak semuanya baik, tetapi apabila dia undang-undang yang tidak baik pun jadi baik. Sebab itu ada guru saya berkata, dia kata, "*Kalau boleh anak, jangan jadi peguam?*". "*Kenapa cikgu?*". "*Sebab ahli neraka itu banyak dari peguam-peguam*", dia kata.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kenapa dia kata? Sebab peguam ini sebetulnya apabila dia jadi peguam bela, dia akan memastikan anak buahnya itu akan menang walaupun dengan cara yang bagaimana. Dia akan cari cara untuk memenangkan.

Peguam ini biasanya menang dari segi teknikal. Kadang-kadang dia pendakwa, polis, penyiasat ada masalah teknikal sedikit. Di situlah *loophole* dia akan menang. Akan tetapi ada peguam-peguam dia tidak nampak. Macam ada seorang kawan saya. Yang Berhormat Ipoh Barat ini memang peguam yang hebat. Akan tetapi kadang-kadang dia tidak hebat. Sebab dia ikut bos dia tidak hebat, itu masalah dia. Dia ganding sama Yang Berhormat Seputeh lagi teruk [Ketawa] Kita lihat ada satu orang kawan saya, dahulu dia ada *court case*. Jadi dia kena *introduce* satu peguam, saya tidak mahu sebut nama. Dia pergi *office*, dan peguam itu pegang tiga ekor kucing. So, anak buah dia ceritalah kesnya, dia tidak dengar.

Jadi budak ini pun dia kata, "*Macam mana saya hendak ambil dia ni ya? Potongannya macam ini*". So, apabila sudah cerita, cerita okey, *see you in court*, kita dengar dahulu apa dulu *court* cerita. Rupa-rupanya dia hebat di mahkamah. Akan tetapi dia tidak mahu dengar apa dia punya..., dia dengar dahulu apa *court* punya dakwaan apa semua dan budak itu pun terlepas. Dia bilang dia ada buat salah tetapi dia terlepas. Itu sebab saya betul dengan cikgu saya itu, saya tidak ingat. "*Kalau boleh anak, jangan jadi peguam*", dia kata. Sebab itu masalahnya. Apabila kita jadi peguam maka sebagai menegakkan, menjaga kepentingan anak guaman kita, walaupun anak guaman kita itu salah, kita harus bela dia untuk seadil-adilnya supaya dia menang.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: [Bangun]**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi, peguam dengan hakim kena ada pula. Hakim tidak boleh berat sebelah. Sebab itu hakim...

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Yang Berhormat Kinabatangan, minta laluan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sila-sila.



**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua saya hendak minta persetujuan daripada Yang Berhormat Kinabatangan sama ada dia bersetuju atau tidak yang globalisasi ini kita tidak dapat hendak elakkan. Mahu tidak mahu akhirnya, kita juga akan berhadapan dengan keterbukaan ini. Ini kerana keterbukaan ini sudah pasti membawa kebaikan dan juga keburukan dalam semua bidang termasuk juga bidang perundangan yang kita bahaskan pada petang ini.

■1640

Saya melihat dari segi kebaikan memang ada kebaikan apabila kita membuka pasaran guaman ini kepada luar. Cuma seperti mana rakan-rakan lain, saya juga ada kebimbangan, sejauh manakah kesediaan peguam-peguam kita untuk bersaing dengan peguam-peguam yang lain daripada luar. Apabila kita membuka peluang ini kepada pihak luar, sudah pastilah orang luar yang nak datang itu mempunyai kehebatan yang lebih baik daripada kita. Kita juga tahu bahawa peguam-peguam kita juga mempunyai peluang untuk menjalankan aktiviti guaman mereka di luar negara.

Persoalannya, apakah kualiti peguam-peguam kita ini berada sama tahap, sama taraf dengan peguam-peguam lain? Kalau ada pun, sejauh manakah kerajaan telah meneliti bilangan peguam-peguam kita dengan bilangan peguam-peguam asing yang berada di luar yang taraf kehebatan peguam-peguam kita? Apakah ukurannya, lebih ramai kita atau lebih ramai peguam luar? Ini kerana saya amat bimbang bila kita mengharapkan peguam kita mendapat pasaran di luar tetapi sebaliknya keterbukaan ini dibimbangi ia mengancam kepada peluang peguam-peguam kita di Malaysia. Ini kerana syarikat-syarikat guaman yang nak datang ke Malaysia ini tentulah pasti ia mempunyai bukan sahaja kepakaran tetapi saiz modal syarikat mereka juga jauh lebih besar selain daripada pengalaman mereka yang lebih luas berbanding dengan peguam-peguam kita.

Tadi masalah bahasa juga dinyatakan oleh rakan-rakan kita kerana amalan di luar sana mungkin kalau kita melihat seperti di *England* dan juga di Amerika Syarikat, bahasa yang mereka gunakan sudah pastilah bahasa Inggeris berbanding dengan mungkin mahkamah kita. Peguam-peguam kita sekarang ini kebanyakan menggunakan mungkin bahasa perantaraan ialah Bahasa Malaysia. Jadi, kemungkinan akibat daripada kebiasaan menggunakan bahasa Inggeris ini, mungkin peguam-peguam kita agak kurang untuk boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

Jadi, persoalan kita ialah apakah masa depan peguam-peguam kita di Malaysia ini. Sama ada mereka boleh bersaing dengan peguam-peguam ataupun syarikat-syarikat

guaman antarabangsa kerana saya bimbang syarikat-syarikat guaman kita tidak mempunyai persiapan yang cukup kuat dan kemas untuk berhadapan dengan suasana globalisasi ini. Jadi, minta pandangan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Kinabatangan, kalau boleh saya nak tambah sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Adakah Kinabatangan sedar bahawa peguam juga berada di perkhidmatan angkatan tentera di dalam PDRM, SPRM. Soalnya, bagaimanakah kita boleh mengangkat martabat peguam-peguam ini supaya boleh berada sama taraf dengan peguam-peguam yang di luar daripada agensi tersebut? Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan. Saya ada dua perkara nak minta penjelasan daripada Kinabatangan. Pertamanya, sekejap tadi Yang Berhormat Kinabatangan mengatakan bahawa ini tok guru dia pesan atau apa, peguam ini banyak masuk neraka. Saya nak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar ini satu hadis Nabi yang mengatakan bahawa dua hakim di neraka, satu hakim di syurga. Bukan peguam itu. Dari kombinasi ramai-ramai hakim itu, dua orang hakim di neraka, satu di syurga. Itu tak ada peguam [Disampuk] Peguam tak ada hadis.

Kedua, Yang Berhormat tahu atau tidak dalam prinsip undang-undang, apabila timbulnya satu kes, misalnya kes jenayah, beban untuk membuktikan satu kes jenayah itu terletak kepada pendakwa. *The burden of proof lies on the prosecution*, dengan izin, bukan kepada peguam. Apabila pendakwa mendakwa dengan lemah, kelemahan pendakwa, oleh kerana itu dia kena cari *lawyer* untuk tolong pendakwa. Jadi, bukannya peguam yang menyebabkan satu kes yang *genuine* tetapi terlepas di mahkamah. Itu adalah faktor-faktor yang lain. Minta penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Sebetulnya dia bukan minta penjelasan, dia jelaskan [Ketawa] Jadi, penjelasan Kota Bharu memang hebat. Inilah peguam yang hebat saya kata. Bukan macam yang lain. Kalau yang lain itu dia pusing-pusing tetapi Kota Bharu tadi dia masuk, ini saya bilang rakan saya Kota Bharu dia memang hebat. Oleh sebab itu, guaman dia di Kota Bharu, 'Maju Jaya'. Bukan itu sahaja, kariernya pun maju jaya. Inilah orang ada

kehebatan *[Disampuk] [Ketawa]* Tak apa. Mana yang betul kita memang perbetulkan sebetulnya. Jangan kita *deny* perkara yang betul. Jadi, daripada Yang Berhormat Jerantut tadi, memang pada awal-awal lagi Seputeh menganggap saya punya ucapan ini panjang lebar. Apa yang saya beri penekanan walaupun cara saya tidak serius iaitu penekanan saya, kualiti. Kita ada 1,000 peguam setiap tahun tetapi kualiti dia tidak ada, maka kita tidak berjaya.

Di UK kita ada *Queen Council*. Kebetulan pula pemerintah dia diperintah oleh perempuan, makanya dipanggil "*queen*". Kita di Malaysia, "*King control*", bukan "*Queen*" *[Ketawa]* Jadi, mungkin kita boleh kontrol. Mestilah, takkan *you* punya *wife Queen control*. Kalau tak, tak tahulah Ipoh Barat orang rumahnya *Queen control* sebab kalau di London saya percaya *Queen control, men no say*. Di sini kita *King control, men ada say, ada umph*, ada gagah. Jadi, kalau sana ada *Queen Council*, kenapa kita tak boleh *create King Council*, dari Malaysia.

Bermakna, *Queen Council* ini dia punya harga kalau datang ke Malaysia, kalau kita ini mungkin tidak mampu membayar kosnya. Orang-orang terpilih sahaja. Akan tetapi kita berapa orang yang ada? Itu yang saya sebut awal-awal tadi, kalau yang satu orang Melayu, kita ada Hasbi Abdullah. Kalau di sini kita ada Puchong, kita ada Beruas dan Kota Bharu mungkin. Yang lain-lain mana ada *[Disampuk]* Ya, jadi tidak... Seputeh jangan! Inilah bikin saya panjang. Sebab itu saya mahu berhenti, Seputeh yang kasi panjang *[Disampuk]*

Jadi, oleh kerana itu seharusnya kementerian memikirkan soal kualiti itu sendiri, kualiti peguam-peguam itu sendiri. Melahirkan peguam yang ada ilmu bukan hanya *certificate* peguam, sudah tamat, habis. Itu sahaja. Selepas itu, demikian juga dengan wakil daripada Lumut. Ada peguam di tentera, mana-mana memang ada. Akan tetapi apabila ada kes-kes di SPRM dan saya setuju dengan Kota Bharu tadi. Oleh kerana kelonggaran pendakwaan itu, maka peguam yang cerdik itu boleh memenangkan dia, boleh mengalahkan dia. Kalau pendakwaan itu hebat, berjumpa sama-sama hebat, mungkin pertembungan dari segi hujah pula berlaku.

Saya bukan peguam tetapi saya suka menonton di televisyen, saya sedap tengok cerita-cerita begini sebab begitu menarik minat saya mengetahui kenapa dia begini-begini. Saya tahu tetapi di negara Eropah dan UK, lain sistemnya. Dia pakai sistem juri. Kita tidak ada. Sistem kita hakim memutuskan. Jadi, mungkin peguam-peguam kita bersatu, jadi mungkin kita boleh cadang menggunakan sistem juri kalau perlu. Mungkin kalau sistem juri perlu, maknanya hakim terlepaslah. Kalau dua tadi masuk neraka, satu

masuk syurga, mungkin dengan sistem juri, hakim mungkin semua masuk syurga. Ini mungkin lebih baik. Kesian pula hakim kita. Mana tahu salah dia menghakimi. Jadi, mungkin *Bar Council* boleh mencadangkan dengan persetujuan kalau ini perlu, di Dewan Rakyat kita sokong, kita sokong menggunakan sistem juri yang boleh diyakini dengan orang lain. Ini kerana kalau hakim satu orang, sebab itulah hakim di negara kita ini dihormati. Bukan mudah kita temui. Bukan mudah kita bergaul sebab takut ada *conflict of interest*, ada unsur-unsur rundingan luar.

■1650

Oleh kerana itu, kita simpati juga dengan hakim kita. Takut pula nanti sudah baik-baik dia niat hendak masuk syurga, tiba-tiba masuk ke situ pula sebab tersalah hukum. Jadi oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, rasa saya akta ini memang baik cuma perlu ada pengukuhan daripada segi kualiti itu sendiri.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** [*Bangun*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Akan tetapi saya tidak tahulah kerajaan sahaja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Gajah bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sila, sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Kinabatangan berkaitan terutamanya apabila dia menyentuh tentang kualiti peguam-peguam kita. Satu untuk ada kualiti memang ia tertakluk kepada kod etika guaman itu sendiri. Memang peguam-peguam kita pun mempunyai kod etika dia tersendiri dan dikawal oleh Lembaga Disiplin Peguambela dan Peguamcara. Dengan kemasukan peguam-peguam asing ini, saya tidak tahu sebab saya juga agak bimbang tentang perkara ini dan saya hendak mendapatkan sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan, apakah yang akan berlaku kepada peguam-peguam yang datang dari negara-negara asing? Adakah mereka ini juga tertakluk kepada Lembaga Disiplin Peguambela dan Peguamcara di negara kita ataupun mereka terlepas sebab saya risau kalau mereka tidak tertakluk kepada lembaga disiplin ini, mungkin akan wujud satu *lacuna* dalam sistem itu. Saya minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun tidak berapa pasti soal kod etika ini, sama ada peguam-peguam dari luar ini dilindungi oleh kod etika ini. Oleh sebab itu Yang Berhormat Menteri, kalau boleh soalan ini perlu dijawab sebab ini penting untuk pengetahuan kita semua sebab kalau tidak betul mereka datang sebab kualiti ada, mungkin mereka hebat dan kita ambil untuk memberi nasihat kepada kita di negara kita, dalam masa dua bulan lama itu. Mungkin dia boleh melakukan sebarang kesalahan dan adakah dia dilindungi oleh mana-mana akta yang boleh walaupun dia hebat tetapi mungkin dia tidak mengikut kod etikanya. Jadi, saya masukkan ucapan Yang Berhormat supaya Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

Kita melihat bahawa negara seluruh dunia ini berubah yang mana kita ada dunia tanpa sempadan. Ekoran daripada ini saya rasa suka atau tidak suka maka kita tidak boleh menolak kemungkinan keterbukaan ini akan memberi ruang lingkup yang luas kepada bukan saya daripada segi peguam, mungkin daripada segi...

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sila, sila.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetujualah dan ingin minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Kinabatangan tentang kemasukan peguam-peguam asing ini. Jadi, saya lihat di sini, ini adalah cukup baik kerana kita lihat banyak syarikat asing yang memasuki negara kita dan melakukan pelaburan yang besar-besar di samping untuk kita memberikan keadilan mereka.

Jadi dalam soal ini, saya ingin menyentuh sedikitlah daripada pendapat Yang Berhormat Kinabatangan tentang SPRM, tentang rasuah. Di mana kita lihat SPRM hari ini kebanyakannya banyak melihat pegawai kerajaan dan agensi-agensi kerajaan daripada segi rasuah tetapi mereka terlupa tentang kemasukan syarikat-syarikat asing yang besar-besar, melakukan perniagaan dan terlibat dengan rasuah. Jadi, kita sarankan dengan adanya akta guaman ini yang mana apabila syarikat-syarikat besar itu terlibat dengan rasuah dan mereka didakwa dan mereka boleh melantik peguam-peguam asing untuk membela mereka dan juga peguam-peguam asing ini dapat memberikan keadilan kepada mereka dan tidak menuduh negara kita ini menyekat pelabur-pelabur. Jadi, saya minta penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Yang Berhormat. Terima kasih. Sebetulnya ini merupakan satu cadangan yang baik, yang mana mungkin selama itu kalau ada berlaku kes-kes sebegini, mungkin syarikat-syarikat asing itu beranggapan

mereka dianiayai. Jadi, dengan adanya akses mereka boleh melantik peguam-peguam luar untuk mewakili mereka, mungkin mereka rasa mereka diadili dengan lebih baik. Itu sebenarnya tertakluk sudah kepada bagaimana kehebatan pula pendakwa-pendakwa kita.

Oleh sebab itu pada saya, saya pun melihat bagaimana banyak kes terlepas disebabkan pendakwaan terlalu longgar, tidak melihat terlebih dahulu. Seharusnya perkara yang longgar tidak perlu dibawa ke mahkamah. Kalau tidak ada bukti, lepaskan sahajalah. Buat apa hendak bawa kalau sudah tentu kalah.

Akan tetapi kita pun tidak tahulah kenapa perkara-perkara sebegini pun berlaku sebab di negara maju saya nampak, kes-kes yang longgar, yang tidak cukup bukti dan pihak hakim menasihatkan supaya kes ini tidak perlu dibawa ke mahkamah sebab kalau pun dibawa hakim sudah beri jaminan dia akan kalah. Jadi, di negara kita tidak pula. Sedikit-sedikit kita tangkap, kemudian kita *proceed* pergi mahkamah, yang apabila *proceed* di mahkamah, banyak jugalah peguam-peguam dan rakan kita sebelah sana membela orang yang salah ini tetapi kita tidak boleh salahkan sebab ini *business transaction*. Kita tidak boleh marah dengan urusan-urusan sebegini. Kalau bukan urusan perniagaan, mungkin lainlah sedikit.

Oleh sebab itu, kerajaan juga harus bekerjasama dengan *Bar Council* itu sendiri untuk mempertingkatkan kualiti masing-masing. *Bar Council* memainkan peranan untuk melihat ahlinya. Ini asalkan ada ahli dia terima. Cuba kalau *Bar Council*, *screen* dahulu ahli-ahli ini, apa dia punya kualiti. Kalau setakat ada *certificate* sahaja, susahlah sedikit sebab...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Lain-lain jurusan kita tidak pertikaikan. Akan tetapi doktor, peguam ini sebab ia ada berhubung kait dengan masyarakat, ada keterampilannya. Peguam ini kena segar, kena ada gaya tetapi kalau peguam ayam mati, orang Sabah cakap, susahlah. Tutup kedailah dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa bangun Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang anak buah dia wakili pun mungkin masuk penjara terus, tidak payah bicara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:**Ya, silakan Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Kinabatangan, adakah Yang Berhormat Kinabatangan merasakan bahawa apabila kita ingin membenarkan pasaran guaman kita ini dibuka kepada peguam-peguam dari luar negara, tujuan kita adalah semata-mata kerana untuk memastikan bahawa kita mendapat khidmat guaman yang mana *expertise* ataupun *specialization* ataupun *trade dispute* yang kita tidak mempunyai pengalaman dalam negara. Oleh sebab itu kalau kita lihat daripada segi profesion *accountancy*, syarikat-syarikat yang ada nama sahaja dibenarkan masuk ke negara kita ataupun bersekutu dengan syarikat-syarikat dalam negara. Contohnya dalam bidang *accountancy*, kita hanya galakkan syarikat-syarikat yang mempunyai nama seperti PricewaterhouseCoopers, Ernst & Young, D'Lloyd, BDO, KPF.

Jadi, apakah perlu kita *limit* kan, mengehadkan peguam-peguam dari luar ini, mereka ini mestilah terdiri daripada firma-firma guaman yang terdiri daripada *top five* ataupun tahap ketiga atau keempat dalam sesuatu negara yang maju tersebut sebelum mereka dapat masuk ke negara kita? Ini kerana kita percaya apabila mereka berada dalam ranking tersebut, banyak *expertise* yang kita boleh dapat. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Ini pun merupakan satu cetusan yang baru dan saya juga majukan kepada Menteri yang menjaga masalah ini supaya kalau boleh dapat memberikan penjelasan sebab ini penting. Apakah kita akan membuka seluas-luasnya kepada mana-mana peguam di seluruh dunia yang masuk ke negara kita ataupun ada limitasinya peguam-peguam yang ada ranking, *top five* ataupun *top three*, *top four*. Ini penting sebab jangan pula nanti datang-datang tetapi tidak ada nasihat yang baik dibawa kepada negara kita. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memadailah saya sumbangkan untuk petang ini. Mudah-mudahan mana yang baik itu kita dapat beri kesimpulan untuk kita ambil. Apa yang penting kita semua berkualiti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.  
4.59 ptg.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan tentang Akta Profesion Undang-undang yang akan dipinda, tentang dua akta profesion.

## ■1700

Terlebih dahulu saya ingin tekankan kepada Dewan yang mulia ini, peguam adalah satu profesion yang mulia, *a noble profession*. So, saya menyokong langkah-langkah kerajaan untuk melakukan liberalisasi undang-undang, menambah baik apa yang sedia ada. Namun begitu, apa yang dikatakan hari ini tentang penambah baik ataupun liberalisasi ini perlu dilakukan secara teliti sebab ini melibatkan salah satu *noble* yang profesion.

Saya ingin tekankan di sini liberalisasi ini boleh menambahkan dari sudut membawa pelaburan dari sudut minda, memberi pengalaman baru, memberi satu ruang yang baru kepada peguam-peguam muda tempatan di Malaysia. Namun begitu, pada tahun 2008, kita telah menekankan liberalisasi ini tetapi tidak dipraktikkan. Ketika itu, kita menekankan liberalisasi ini dari sudut memberi *international confidence in the local legal system*. Saya ingin tekankan di sini *local legal system*, orang tempatan pun khuatir, waswas sekarang tentang *our legal system*, dengan izin.

So, tahap *legal system* di Malaysia dari sudut kepercayaan warga tempatan pun dipersoalkan. So, macam mana yang ini, liberalisasi ini boleh menampakkan atau boleh mendapatkan *international confidence*, saya tidak pasti. So, adakah liberalisasi yang sedang dibahaskan hari ini untuk mewujudkan *international confidence*? Saya perlu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri nanti.

Kedua, saya hendak tekankan ialah apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada peguam-peguam antarabangsa ini? Syarat-syarat ini tidak ditekankan sangat, sebab yang di sini adalah dua muka surat sahaja yang menekankan bahawa kita beri peluang kepada peguam antarabangsa di bawa ke pasaran tempatan, itu sahaja. Akan tetapi, dari sudut seperti tindakan yang akan diambil seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Setiu tadi, tidak ada apa-apa dekat sini. Yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Gajah, kod etika pun tidak ditekankan di sini. So, kita tidak nampak secara menyeluruh bagaimana kita hendak memberi peluang kepada peguam antarabangsa tetapi pada waktu yang sama, apakah had-had, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil kepada mereka yang akan menonjolkan diri mereka di pasaran tempatan?

Ketiga ialah apakah pendekatan Kerajaan Barisan Nasional supaya firma guaman tempatan tidak dianaktirikan? Ini penting. Ini kerana kita ada setiap tahun lebih kurang 1,000 orang peguam keluar ke pasaran tempatan tetapi tidak dapat menonjolkan diri mereka kerana tiada sokongan dan tiada jalan yang sempurna. Inikan pula kita hendak



bawa pasaran antarabangsa. Ini akan mengganggu peguam-peguam tempatan. Saya menyokong sekadar peguam-peguam tempatan tidak dianaktirikan.

Seterusnya ialah apakah inisiatif kerajaan untuk mempertingkatkan usaha dan langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan tahap pendidikan di negara kita? Sistem pendidikan yang agak ketinggalan, yang merosot sekarang sebagai punca profesion guaman semakin merosot kualitinya. Kalau tadi kita hanya sebut beberapa nama, nama-nama lain dikatakan tiada kualiti. Salah siapa? Itu yang perlu diukirkan.

Seperti yang disebut oleh rakan saya iaitu Yang Berhormat Padang Serai tadi, ranking universiti tempatan agak merudum teruk dengan universiti. Sebagai contoh satu-satunya universiti bumiputera tunggal di Malaysia, UiTM. Tahun ini jatuh paling teruk dari tangga 601 pada tahun 2012 kepada 701 pada tahun 2013. Ini adalah universiti bumiputera tunggal di Malaysia. Di sini juga ada Sarjana Muda Pengajian Undang-undang. Dalam ranking *international* kita jatuh. Inikan pula kita hendak bawa peguam-peguam antarabangsa masuk dekat sini. Ini isu bumiputera Tuan Yang di-Pertua. So, saya perlu penjelasan di sini. Saya juga ingin menekankan Kerajaan Barisan Nasional, setiap kali ada dasar yang diuar-uarkan, diluluskan ada kalanya ada anak-anak muda yang merana.

Saya bagi contoh PPSMI. Didasarkan, dibahaskan, diluluskan dan selepas itu kita mansuhkan. Apa yang menjadi pertikaian ialah pelajar-pelajar yang dahulu terlibat dengan PPSMI sekarang di universiti. Ini membebankan mereka sebab tahap konsep pelajaran yang berbeza dan telah mengakibatkan kejatuhan ranking dan prestasi mereka sebagai pelajar. Kesalahan, kerumitan ini ditanggung oleh mereka tetapi yang mewujudkan dasar dan polisi ini adalah kerajaan yang sedang memerintah. Saya minta kerajaan mengkaji dasar-dasar yang diluluskan secara menyeluruh termasuk dasar profesion undang-undang ini. Kita kena kaji secara menyeluruh.

Ada banyak perbahasan-perbahasan tadi yang kita nampak ada kelompangan, ada *gaps* dengan izin tertentu yang perlu diisi dengan sempurna supaya apa yang kita uar-uarkan di sini, dibahaskan di sini supaya jadi akta nanti, biar akta itu akta yang menyeluruh. Saya menerima liberalisasi ini tetapi dengan syarat peguam-peguam tempatan tidak dianaktirikan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sama juga hendak membahaskan Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang. Di mana bila dibentangkan penyata ini, dalam kepala kita nampak pendek dan ringkas. Apakah dengan membuka ruang kepada peguam daripada luar untuk masuk ke negara ini dapat dikawal dengan sebaik mungkin? Apakah semua bidang akan diteroka, maka apa akan jadi kepada peguam-peguam kita? Itu yang pertama.

Kedua, bila mana dibentangkan akta ini, kita yang sudah lama berada di negara ini dilihat seolah-olah Bahasa Malaysia tidak diperkasakan, di mana sesama kita berbalah seolah-olah Bahasa Malaysia tidak boleh digunakan di mahkamah. Walaupun yang sebenarnya, majoriti rakyat yang duduk dalam negara ini berbahasa Malaysia. Pergilah ke ceruk rantau mana sekalipun, kalau pihak peguam menyatakan berhujah dalam mahkamah dengan berbahasa Inggeris sedangkan pelanggannya, kliennya tidak memahami apa yang telah dihujahkan oleh pihak peguam.

Maka di sini, pihak kerajaan kena memikirkan semula supaya penggunaan bahasa Malaysia di mahkamah ini difikirkan bagaimana kita hendak memperkasakan balik bahasa Malaysia? Bagaimana kalau kita panggil pula, kita buka dasar terbuka. Pihak peguam daripada luar boleh masuk ke dalam negara sudah pastinya penggunaan bahasa Malaysia ini mungkin diketepikan langsung. Maka, seolah-olah bak kata pepatah, "*kera di hutan disusukan, anak sendiri kita biarkan*". Suasana inilah yang kita harapkan kerajaan memikir semula supaya penggunaan bahasa Malaysia diperkasakan, dapat diberi.

Ketiga, bilamana kita membuka ruang kepada luar negara, seperti mana sebelum-sebelum ini di mana pihak imigresen, pihak kerajaan telah membenarkan pekerja asing profesional masuk ke dalam negara ini. Akhirnya, kita melihat kerana hendak mendapatkan nikmat dalam negara ini, pelbagai terutamanya daripada negara-negara yang masuk ke sini mengguna apa kaedah untuk menjadi pekerja dalam negara ini. Kita berharap walaupun dalam akta yang dibentangkan ada *clause* yang menjamin tidak berlaku ada sekatan-sekatan.

#### ■1710

Akan tetapi kita lihat dalam keadaan yang sebenar, berlaku juga. Walaupun sudah tamat tempoh visa dan pelbagai lagi yang tidak memberi satu sekatan yang sebenarnya walaupun ada undang-undang. Bagaimana pelaksanaannya? Sebab kita senang hendak membuat rang undang-undang, tetapi adakah rang undang-undang yang kita luluskan ini akhirnya tidak menjadi senjata makan tuan? Pihak lain yang lebih untung, maknanya rakyat dalam negara yang akan mendapat kerugian. Mungkin benar ramai *lawyers* atau

pun peguam-peguam yang handal, tetapi selama ini akta yang ada, undang-undang yang ada dapat membantu supaya mereka tidak dapat masuk dalam negara. Kita tidak menafikan dengan membuat undang-undang ini boleh menaikkan semula imej negara. Akan tetapi daripada kita juga yang menterjemahkan, memberi maksud tidak benar, memberi gambaran buruk tentang penghakiman dalam negara.

Cuba kita lihat, bagaimana pihak Peguam Negara dalam melaksanakan undang-undang yang ada? Kita buat rang undang-undang, pelbagai tuduhan, rakyat melihat benda-benda yang salah. Berapa kes yang dibuat oleh pendakwaan di peringkat polis contohnya, akhirnya bertahun-tahun ditangguhkan, tidak pernah satu kes pun kerajaan menang. Kerajaan terpaksa bayar dalam nilai yang paling tinggi kepada kes-kes yang ada. Inilah antara yang kita lihat sebelum kita. Ini kerana saya sendiri tidak berapa tahu soal bahasa-bahasa yang ada ini. Akan tetapi walau bagaimanapun pada kita punya pandangan sekali lalu kita lihat, cadangan akta yang dibentangkan ini ada kebimbangan, ada kerisauan bahawa kalau tidak kena gaya, maka akta tadi boleh memberi satu ruang untuk mana-mana pihak mudah masuk ke dalam negara untuk mengambil kesempatan yang mana-mana sahajalah yang boleh diambil kesempatan oleh pihak luar. Sedangkan kita lihat hari ini, betul kita hendak pergi ke negara maju, tahun 2020. Akan tetapi dalam masa yang sama, ramai daripada rakyat kita yang cukup bijak menggunakan akta yang ada menyalah guna kuasa seperti penyeludupan senjata di sempadan. Kita lihat dia cabut sana, cabut sini, kepala di bawah, muncung di atas dan pelbagai lagi. Akhirnya banyak senjata api berada dalam pasaran.

Ini kerana ini bukan main-main, akta ini kita bentang. Bukan maksud saya bercakap ini saya menentang, tetapi apa yang pihak kerajaan perlu lihat, apakah setiap satu *clause* yang kita bentangkan ini tidak memberi padah kepada kita? Jangan *clauses* yang ada ini akhirnya memberi ruang kepada pihak tertentu untuk mengambil kesempatan daripada kelemahan tadi membawa masuk lebih ramai lagi profesional-profesional luar yang akhirnya anak tempatan walaupun berkelulusan tinggi untuk peguam, seperti mana pembahas-pembahas sebelum ini menyatakan *lawyer* ini atau pun peguam ini satu bidang yang amat mulia, tidak tahulah bagaimana. Bermakna ini kita telah memberi satu ruang kalau salah cara ini.

Akan tetapi saya yakin kerajaan mungkin sudah buat kajian yang terperinci. Diharapkan dengan akta ini memudahkan kemajuan yang ada dalam negara ini seperti mana yang sebelum ini saya dengar kata kita sudah ada undang-undang syariah, Bank Islam merata dunia, boleh diselaraskan antara satu sama lain. Pihak sana boleh panggil

pihak sini, pihak luar negara boleh masuk sini, kita boleh pergi ke luar negara. Apakah sebenarnya negara luar akan memberi peluang kepada peguam-peguam kita untuk memberi perkhidmatan di luar negara? Itu juga persoalan yang kita bangkitkan.

Dalam masa yang sama, kita melihat satu ke arah perubahan, Akta Profesional ini di mana walaupun kita ada kebimbangan-kebimbangan, kalau kita tidak buat, negara jiran kita mungkin sudah ada akta ini di mana pihak peguam dari luar boleh masuk ke Singapura contohnya tetapi kita masih lagi macam di takuk lama. Saya yakin satu perkara yang baik mungkin, persaingan yang hebat mungkin boleh memberikan satu buah yang baru dan satu sikap rakyat Malaysia yang kita lihat kalau sesama kita ini hujah baik setara mana pun, kita tidak menghargai rakyat tempatan. Akan tetapi bila pihak luar datang, peguam dari luar datang, mungkin kita agung-agungkan mereka kerana mereka datang dari luar negara. Maka mungkin inilah satu yang kita perlu cari jalan sekurang-kurangnya peguam luar boleh masuk ke negara ini meningkatkan lagi martabat peguam-peguam kita dalam negara.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya yakin akta yang dibuat ini sedikit sebanyak boleh memberi kemajuan kepada negara kita dan boleh memberi harapan baru kepada sektor perkhidmatan untuk negara dan kita tahu... Oh! minta maaf, fasal saya lihat dekat lain. Sila.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya cuma hendak menambah sedikit *point* sebab ada *point* yang disebut tadi yang saya teringat. Saya ada pengalaman peribadi berkenalan dengan seorang peguam dari Malaysia yang buka firma di Bangkok. Beliau graduan daripada universiti tempatan, akhirnya ke Bangkok buka firma di sana dan akhirnya *employed* 14 peguam Thailand. Apa yang menarik tentang Thailand ialah walaupun mereka menggunakan bahasa Thai, tetapi saya nampak, dari pengalaman peribadi, juga berbual dengan peguam-peguam Malaysia yang pernah ke sana. Syarikat-syarikat multinasional banyak di Thailand, di Bangkok, peguam tempatan digunakan dan bahasa yang digunakan adalah bahasa Thai. Orang Malaysia juga pernah buka firma di sana. Jadi mungkin ada benda yang boleh kita pelajari dari situ. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat Kuala Kedah, walaupun saya bukan *lawyer*, beliau faham juga cakap saya, bukan? Jadi saya rasa lihat Thailand guna bahasa Thailand, Jepun guna bahasa Jepun. Akan tetapi mahkamah di sana bagaimana rakyat

memahaminya, itu sedikit sebanyak Yang Berhormat Kuala Kedah menyatakan. Terima kasih pandangan Yang Berhormat Kuala Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama kita berharap sekatan-sekatan atau pun syarat-syarat yang dibuat ini biarlah jelas. Jangan pula bila kita sudah diluluskan di Dewan, tiba-tiba di pihak Menteri pula dia rasa ada *clauses* yang tidak sesuai dengan kita ini diubah atau pun ada tambahan secara tidak langsung mengikut tafsiran masing-masing. Ini juga yang sebenarnya yang perlu kita sama-sama lihat supaya kita luluskan akta ini boleh memberi manfaat terutamanya kepada negara kita Malaysia.

Kesimpulannya, pada saya semua benda yang diluahkan tadi supaya pihak kerajaan boleh memberi perhatian dan tindakan. Apa yang paling utama, apa salahnya kita memperkasakan bahasa Malaysia dalam tindakan-tindakan terutama undang-undang dan kita berharap banyak orang memberi komen bahawa setiap yang dibawa ke mahkamah, banyak yang tidak dapat diselesaikan dan mulalah di peringkat bawah mempertikaikan apakah ini salahnya di peringkat Pejabat Peguam Negara?

Jadi kita cari jalanlah supaya persepsi ini dapat diubah, rakyat mula meyakini undang-undang yang ada dalam negara. Akan tetapi sejauh mana pun, saya yakin majoriti rakyat negara ini tetap yakin, berkepercayaan. Kalau tidak, tidak mungkin seperti mana Yang Berhormat Kinabatangan tadi boleh menunjuk satu per satu peguam yang ada dalam negara. Dengan ini, saya menyokong pembentangan akta ini. Terima kasih.

#### ■1720

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Gudang.

#### 5.20 ptg.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil sedikit daripada apa yang pindaan dilaksanakan seksyen 37 untuk diperhalusi berhubung kait dengan tempoh 60 hari bagi jumlahnya dalam mana-mana satu tahun kalendar dan kebenaran imigresen bagi setiap tempoh dia tinggal hendaklah diperoleh terlebih dahulu. Perkara ini haruslah diperhalusi kerana kita sedia maklum bahawa apabila peguam-peguam daripada luar negara ini datang, harga mereka bukannya murah. Dengan tempoh yang sedemikian, mereka boleh datang dan pergi tetapi apakah pendapatan yang akan disumbangkan kepada negara

kita? Secara tidak langsung kita seolah-olah mengizinkan mereka ini mencari pendapatan di dalam negara kita dan tidak perlu kepada apa-apa bayaran cukai pendapatan.

Ini jika kita bandingkan dengan peguam-peguam tempatan kita yang mungkin pendapatan mereka tidak akan sehebat peguam-peguam dari luar negara ini tetapi perlu membayar cukai di dalam negara kita. Jadi sebagai rakyat yang sayangkan negara, sebagai rakyat yang prihatin kepada rakan-rakan peguam kita, anak-anak muda kita seperti yang rakan-rakan lain tadi telah menyuarakan bahawa pada suatu hari nanti kita juga akan ada lambakan peguam di dalam negara kita tetapi peluang pekerjaannya akan menjadi kurang. Walaupun dengan helah yang, maaf, dengan satu penjelasan yang dikatakan tadi bahawa *technology transfer*. Kita sedia maklum jika di bawah kelulusan MIDA, kita sangat jelas tentang *technology transfer* kerana ada rangka kerja yang harus diberikan tetapi jika dengan tempoh datang begini, bagaimana *technology transfer* itu akan berlaku?

Saya rasa ia agak longgar dan tidak jelas dan akhirnya, 60 hari berlalu. Tanpa *technology transfer* yang lain akan datang dan terus datang. Perkara itu tidak akan memberi manfaat dari segi *technology transfer*, dengan izin, kepada anak-anak muda kita. Seperti juga doktor, bidang kepeguaman ini sangat penting dan perlu diberi perhatian sewajarnya kerana banyak perkara yang kita sedia maklum seperti dikatakan dari sudut perbankan Islam, kita tahu betapa pentingnya. Dunia melihat perkara ini sebagai satu punca ekonomi yang luas terbentang. Akan tetapi jika *technology transfemya* tidak tepat, tidak disusun dengan baik maka rugi sangatlah anak-anak bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga sefaham saya, kalau dengan tempoh 60 hari ini, jenis kelulusan visa apa yang akan dikeluarkan? Biasanya jika melalui KDN, imigresen, itu dikira sebagai *social visit pass* dan sebagai *social visit pass*, mereka ini tidak seharusnya bekerja di dalam negara. Jadi, tolonglah Yang Berhormat Menteri ambil berat perkara ini agar kita tidak hanya memberi keuntungan kepada satu pihak bila kita merangka undang-undang. Sememangnya kita tidak dapat mengelak era globalisasi tetapi janganlah perkara ini akhirnya menjadi makanan kepada rakyat kita sendiri. Perkara ini juga yang akan merugikan anak-anak kita sendiri hingga mereka hilang tempat untuk mencari pekerjaan...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin bangun Yang Berhormat.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Silakan.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sebenarnya Yang Berhormat, saya hanya minta pandangan daripada Yang Berhormat. Akta yang kita bentangkan ini ialah untuk pindaan akta asal. Akan tetapi malangnya pihak Parlimen tidak membekalkan kita Ahli-ahli Parlimen dengan akta ibu. Kita sebenarnya bukan profesion kita peguam. Jadi kita kurang arif. Jadi untuk memudahkan kita memahami tentang akta ini, seharusnya pada masa-masa akan datang, apa juga pembentangan untuk pindaan akta, seharusnya Parlimen mesti membekalkan akta ibu, betul?

**Beberapa Ahli:** Betul! [*Tepuk*]

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kerana mudah kita hendak faham. Saya fikir, baca balik semula, saya baca balik semula, kita tidak faham benda ini. Jadi kita berharap semoga pihak Parlimen akan lebih memahami tentang keperluan yang sepatutnya MP-MP hadapi pada ketika ini.

Yang keduanya saya hendak tanya Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat cakap tentang profesion tadi. Profesion ini kerja raya. Adakah peguam ini betul-betul profesional? Dia mesti profesional. Kalau tidak, dia bukan sahaja telah menyalahgunakan lunas undang-undang, dia mereka yang arif, dia tahu undang-undang, tetapi dia pun boleh melanggar undang-undang.

Yang keduanya, akta ini seharusnya bukan sahaja menjaga kepentingan profesion perundangan ataupun peguam-peguam bahkan mesti juga mengambil kira tentang kepentingan awam. Itu yang penting kerana kita orang awam yang bukan sahaja menggunakan mereka tetapi kita juga akan terkena nanti kerana kebanyakan peguam-peguam, inilah sebenarnya cara mereka menjalankan perniagaan.

Terakhirnya Yang Berhormat, seperti yang kita maklumlah, mereka sepatutnya profesional. Mereka bukan sahaja menjunjung undang-undang dan lunas perundangan tetapi ada kalangan peguam ini menyalahgunakan kerjaya mereka yang sebenarnya pada ketika ini kita nampak banyak perkara. Yang terakhir Yang Berhormat, saya hendak tanyalah, sebenarnya akta pindaan ini hanyalah tertakluk kepada satu perniagaan sahaja yang kita benarkan tentang kemasukan peguam-peguam asing ini iaitu untuk menambahbaikkan sistem *Islamic Banking*. Kalau benar-benar kita mahu perkukuhkan *Islamic Banking* kita menjadi sebuah negara di mana hab perbankan Islam dapat diwujudkan, kita terima kerana sekurang-kurangnya bukan sahaja mereka dapat memperkukuhkan apa juga lunas perundangan tetapi sekurang-kurangnya dapat saya

hendak bagi *transfer* seperti Yang Berhormat sebut tadi. Mohon penjelasan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya menyokong penuh apa Yang Berhormat Jasin katakan tadi. Sememangnya sepatutnya begitulah. Bila kita bicara soal profesional memang seperti juga doktor, para peguam mestilah bersikap profesional menilai sesuatu perkara itu dengan sebaik mungkin di bawah etika profesional, bukannya berlandaskan kepada kepentingan-kepentingan tertentu. Perkara ini tidak dapat kita nafikan. Seterusnya soal kesan kepada orang awam, memang tepat sekali...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]:** Minta laluan ya...

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]:** Boleh laluan?

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Boleh.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Saya dengar tadi Yang Berhormat semasa menjawab rakan kita daripada Yang Berhormat Jasin tadi, bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin kononnya peguam ini dia tidak profesional, menyalahgunakan kerjaya mereka dan mungkin ada perkara-perkara yang tidak elok dilakukan oleh peguam. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, Yang Berhormat setuju itu adakah semua peguam macam itukah, peguam-peguam tertentu sahaja macam itu? Sebagaimana juga kalau polis. Kita kata kalau polis ini menyalahgunakan kuasa, tidak semua polis begitu. Polis-polis tertentu sahaja. Jadi kalau Yang Berhormat sebut peguam, semua tidak profesional, seolah-olahnya dalam negara kita ini tidak adalah peguam yang profesional? Jadi minta penjelasan. Terima kasih.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih. Saya menyokong ada sebahagian, bukan semua. Bukan semuanya tidak profesional. Akan tetapi kerana kerjaya mereka, mereka menjadi tidak profesional walaupun sepatutnya mereka menjadi seorang profesional.

■1730

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh sambung besok.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih, saya mohon menyokong. Terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habiskah, tidak habis lagi? Sambung besok Yang Berhormat.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Okey, sambung besok, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk usul di bawah Peraturan Mesyuarat 16(3).

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:**Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### **Pemelihara dan Pemuliharaan Tapak Warisan Bersejarah di Johor dan Melaka**

**5.30 ptg.**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Selamat petang kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Ahli Parlimen Bakri ucapan penangguhan dengan tajuk Pemelihara dan Pemuliharaan Tapak Warisan Bersejarah di Johor dan Melaka. Sejarah merupakan satu degupan peristiwa yang telah berlaku sama ada ia positif atau negatif. Nilai sejarah itu harus dipelihara agar menjadi tatapan generasi akan datang dan juga sebagai bahan kajian untuk menambah baik kehidupan seharian di masa-masa akan datang dan juga dalam aspek negara kerana itulah pemeliharaan dan pemuliharaan bahan-bahan sejarah ini begitu penting dalam memastikan negara kita terus kekal dalam jati diri yang positif selain mampu meningkatkan ekonomi tempatan melalui pelancongan sejarah.

Kubu Bentayan, Muar sebuah kawasan bersejarah sezaman dengan zaman Kesultanan Melayu Melaka. Dengan kita sedang meniti zaman teknologi ini teknologi satelit boleh digunakan untuk mendapatkan imej dan analisis untuk mengetahui keadaan bentuk bawah tanah. Kita telah menghantar seorang pelancong angkasa lepas yang menelan perbelanjaan bernilai 100 juta dolar Amerika. Namun apakah hasilnya? Mengapa kita tidak menyelusuri teknologi satelit untuk mendapatkan imej dan analisis yang mampu membantu kita dalam mencari bukti ketamadunan negara bangsa ini.

Pulau Besar Melaka juga merupakan sebuah pulau yang sarat dengan khazanah sejarah tersendiri. Namun kini ia terbiar begitu sahaja. Kajian terperinci terhadap khazanah sejarah pulau ini harus dilakukan sebelum apa-apa projek pembangunan dilaksanakan. Tidak perlu dibangunkan projek mega sebaliknya baik pulih bangunan sedia ada dan diubahsuai menjadi muzium sejarah atau pusat pengajian Islam atau pusat latihan polis sebagaimana fungsi asal pulau itu. Juga boleh diwujudkan perkampungan berkonsepkan rumah orang laut yang berpotensi menjadi muzium hidup untuk menarik kehadiran pelancong. Penguatkuasaan dan pemantauan komprehensif serta kawasan-kawasan makam perlu dijaga rapi untuk mengelak perbuatan pemujaan atau pertapaan.

Pulau Besar juga sinonim dengan ilmu persilatan. Ramai pesilat pergi ke pulau tersebut sebagai tempat penamat latihan silat sehingga kini. Pulau Besar juga boleh dibangunkan sebagai pusat persilatan antarabangsa yang mana mungkin akan mampu memperkenalkan ilmu silat sebagai ilmu pertahanan diri sedunia dan membawa budaya Malaysia ke persada dunia.

Walaupun kerajaan sudah membuat kajian namun apakah hasil laporan kajian tersebut? Apakah kajian tersebut turut melibatkan penyelidik dari universiti tempatan dan antarabangsa? Sebuah kota lama yang dikatakan berusia 1000 tahun iaitu lebih tua dari Angkor Wat dan Candi Borobudur dan berasal dari empayar Sriwijaya. Sekiranya benar terdapat tinggalan kota lama di lokasi tersebut, ia harus diangkat sebagai satu bahan warisan sejarah seperti juga yang terdapat di Lembah Bujang, Kedah bukan sahaja sebagai lokasi pelancongan sejarah tetapi juga sebagai lambang ketamadunan negara bangsa Malaysia. Adakah kerajaan masih meneruskan usaha mencari kota lama ini? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.35 ptg.

**Menteri Pelancongan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Bakri kerana telah membentangkan usul dan memberikan kesempatan kepada saya untuk berucap pada petang ini. Walaupun saya terpaksa pulang daripada London, pagi tadi sampai, kerana Yang Berhormat saya baliklah. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sampai sudah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Di London ada Minggu Budaya Malaysia. Saya pergi sana untuk promosi Visit Malaysia Year.

Secara dasarnya mana-mana tapak yang memenuhi kriteria di bawah seksyen 67(2) Akta Warisan Kebangsaan 2005 atau lebih dikenali sebagai *[Akta 645]* boleh dipertimbangkan untuk pewartaan. Mengikut sejarah Kubu Bentayan, terima kasih Yang Berhormat, saya pun tidak tahu Kubu Bentayan ini ada di Muar. Saya ingat ada nenek kebayan sahaja di Ledang itu. Jadi dibina oleh Sultan Mahmud iaitu Sultan Melaka yang terakhir bagi menahan serangan dari laut oleh tentera Portugis pada tahun 1511. Semakan yang dilakukan oleh Jabatan Warisan Negara terhadap Kubu Bentayan mendapati bahawa kini kubu tersebut hanya tinggal papan tanda dan menjadi hentian bas ekspres. Betul? Walau bagaimanapun, Kubu Bentayan telah disenaraikan dalam tapak-tapak inventori Jabatan Warisan Negara untuk kajian lanjut. Jadi apa Yang Berhormat harapkan itu *insya-Allah* akan kita cuba lakukan.

Semakan awal Jabatan Warisan Negara dengan Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) mendapati bahawa tiada bukti sahih wujudnya kota lama yang berusia 1,000 tahun di Pulau Besar selain dari makam-makam. Ia juga tidak tersenarai di bawah Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya 1988. Memandangkan tapak ini terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Melaka, Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) juga telah mengambil alih dan membaik pulih beberapa buah makam di pulau itu. Pulau Besar berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Melaka dan kajian terperinci berkaitan sejarah dan perkembangan Pulau Besar Melaka telah dibuat oleh Perbadanan Muzium Melaka pada tahun 2008. Beberapa maklumat berkaitan fungsi asal Pulau Besar terutamanya berkaitan penempatan penduduk asal penyebaran agama Islam di pulau tersebut telah didokumentasikan oleh PERZIM iaitu Muzium Melaka.

Selain itu, Muzium Pulau Besar telah dibina oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui PERZIM pada tahun 2010 dengan membaik pulih restoran cina yang merupakan

bangunan yang telah sedia ada di Pulau Besar. Terdapat juga usaha menukar bangunan chalet yang juga telah sedia ada di pulau tersebut sebagai maahad tahfiz. Berkaitan kawasan perkuburan lama usaha pemantauan bagi mencegah pemujaan sentiasa dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Melaka terutamanya pada perayaan-perayaan tertentu.

Cadangan untuk menubuhkan rumah orang laut boleh dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri Melaka untuk dipertimbangkan. Pelaksanaan pelbagai aktiviti pemuliharaan seni budaya di Pulau Besar amatlah disokong Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara boleh membuat perancangan bagi pengisian aktiviti-aktiviti seni budaya yang sesuai seperti persilatan untuk dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

### **Pengiktirafan Ijazah Perubatan Crimea State Medical University (CSMU)**

**5.40 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih sehingga kini tiada sebarang berita dari Kementerian Kesihatan mengenai pengiktirafan semula, *recognition* Crimea State Medical University (CSMU). Pengiktirafan universiti tersebut iaitu CSMU telah dibatalkan oleh kementerian pada tahun 2005 atas alasan nisbah pelajar, pensyarah, pelajar yang berkualiti rendah dan penggunaan jargon perubatan asing. Walau bagaimanapun, ia harus diperhatikan bahawa kini CSMU telah bertemu pensyarah, pelajar, kriteria nisbah Majlis Perubatan Malaysia untuk iaitu 1:8 untuk Tahun Sains Asas, manakala 1:6 murid untuk Tahun Klinikal. Siswazah Malaysia yang dipaparkan di laman web CSMU dan jargon asing tidak mengehendkan siswazah daripada menerima tesis atau amalan di luar negara seperti Amerika Syarikat.

Pada perkara ini, MMC adalah jelas tidak jujur di mana panel-panel tersebut menyalahgunakan kuasa mereka untuk memeras tiket ke negara itu untuk masalah peribadi yang sama sekali tidak berkaitan dengan CSMU seperti yang dilaporkan. Selain daripada itu kelulusan yang diisytiharkan telah diberi kepada Kolej Lincoln University (LUC) oleh MMC. Kolej itu telah dibenarkan untuk menjalankan beberapa program di tiga buah universiti di Ukraine yang semua ini tidak diiktirafkan. Di mana ia diiktiraf dengan kos yang dianggarkan berjumlah RM200,000 berbanding dengan kursus di CSMU berjumlah di antara RM120,000 ke RM130,000 sahaja dengan kenyataan yang dipersoalkan

daripada pengurus pemasaran di mana pensyarah LUC akan menjadi orang yang menjalankan penilaian di sana.

Satu lagi faktor mengejutkan adalah bahawa tiga ahli MMC panel yang telah melawat tiga universiti pada tahun 2011 di Ukraine untuk kelulusan program di luar pesisir LUC itu di mana ketiga-tiga ahli tersebut bukan merupakan ahli MMC. Mengikut Akta Perubatan 1971, panel mestilah terdiri dari tiga orang ahli MMC sahaja dan kelulusan tidak diberikan kerana ia tidak sah dan terbatal. Kes ini adalah sama seperti apabila panel tersebut telah melawat CSMU. Ia seolah-olah bahawa MMC sengaja menyebabkan masalah dengan mengorbankan orang lain. Hampir sejak tahun 2005, MMC telah mengiktiraf beberapa universiti di luar negara termasuk terbaru dari negara China.

Saya mendapati tiada sebarang sebab mengapa satu institusi seperti CSMU yang diiktiraf secara meluas oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Institut Pendidikan Antarabangsa, Perubatan antara lain menawarkan pelajar dari 52 buah negara dengan pensyarah-pensyarah yang mempunyai kelayakan dan tidak diiktiraf oleh kementerian kita di Malaysia. Memandangkan semua ini, saya meminta kementerian untuk memberi pengiktirafan penuh kepada CSMU dengan serta-merta serta menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar yang berasal dari keluarga miskin yang tidak berupaya. Berharap Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan untuk menggunakan kuasa mereka dengan bijak selaku dengan jawatan mereka sebagai Menteri seperti yang dinyatakan dalam seksyen 8, Akta Perubatan 1971 untuk kelulusan segera.

Pada tahun 2004 Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat satu usul dan ia telah *di-debate* di Dewan yang mulia ini. Pada masa itu kementerian telah mengatakan akan membuat usaha pergi ke CSMU untuk menyiasat, apakah perlu dan bilakah ia boleh diiktiraf. Dengan itu terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, yang itu tidak termasuk dalam teks yang *last*. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 5.45 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh Barat. Tuan Yang di-Pertua, penarikan balik ke atas pengiktirafan Program Pengajian Perubatan yang ditawarkan oleh *Crimea State Medical University* di Ukraine telah dimaklumkan kepada pihak institusi berkenaan. Namun, sehingga kini pihak institusi berkenaan belum mengemukakan sebarang rayuan ke atas keputusan tersebut.

Pada masa ini, dua tuduhan berkaitan penyalahgunaan kuasa oleh Panel Majlis Perubatan Malaysia masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM). Tuduhan berkaitan lawatan penilaian semula ke atas CSMU sedang disiasat oleh SPRM Cawangan Putrajaya. Manakala tuduhan berkaitan lawatan penilaian untuk Program Luar Pesisir di Ukraine oleh *Lincoln University College* pula sedang disiasat oleh SPRM Cawangan Kuala Lumpur.

Justeru, sehingga penyiasatan selesai, tiada maklumat lanjut dapat disampaikan. Pertubuhan Sedunia (WHO) dan Institusi Pendidikan Antarabangsa Perubatan sama sekali tidak ada kuasa mengiktiraf mana-mana program pengajian. Kedua-dua badan ini hanya menyenaraikan institusi yang diiktiraf oleh pihak berkuasa di negara berkenaan.

Berdasarkan lawatan penilaian dijalankan ke atas CSMU dari 18 Oktober hingga 20 Oktober 2012, kementerian berpuas hati dengan keputusan Majlis Perubatan Malaysia bahawa program pengajian perubatan yang ditawarkan oleh CSMU masih tidak memenuhi kriteria akreditasi yang ditetapkan di dalam garis panduan yang diperakukan oleh lima agensi Kerajaan Malaysia meliputi Majlis Perubatan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Agensi Kelayakan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Oleh itu ia tidak layak diberikan pengiktirafan.

Jika pihak CSMU masih berminat untuk mendapatkan pengiktirafan, ia perlu berurusan terus dengan Majlis Perubatan Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tiada soal jawab Yang Berhormat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula jam 10 pagi, hari Selasa, 24 September 2013.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.47 petang]***